



# PENYATA RASMI

**DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU  
MESYUARAT KEDUA  
PENGKAL PERSIDANGAN KELIMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI  
KETIGA BELAS**

Pada

PADA 14 OGOS 2017

*bersamaan*

21 ZULKAEDAH 1438

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri  
Terengganu

**DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU**  
**MESYUARAT KEDUA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**

PADA 14 OGOS 2017

*bersamaan*

21 ZULKAEDAH 1438

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri  
Terengganu

**DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS**

*daripada:*

**SETIAUSAHA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI  
TERENGGANU**

**MESYUARAT YANG KEDUA  
PENGKAL PERSIDANGAN KELIMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**

**KANDUNGAN**

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>ISNIN, 14 OGOS 2017</b>		
1.	Nama Ahli-ahli.	1
2.	Doa.	5
3.	Ucapan Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan.	5
4.	Kertas-Kertas Kerja Dan Laporan-Laporan.	9
5.	Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis:	
	(i) Soalan-soalan Bertulis	10
	(ii) Soalan-soalan Lisan	12
6.	Cadangan Usul Di Bawah Fasal 30, Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri.	46
7.	Usul Yang Telah Diberi Notis:	
	- Usul Pembangunan Tambahan Pertama 2017.	50
	- Ucapan Penggulangan ke atas Usul Pembangunan Tambahan Peruntukan Pertama 2017.	51
8.	Rang Undang-Undang:	
	- Enakmen Perbekalan Tambahan Pertama 2017.	103

-	Ucapan Penggulungan ke atas Enakmen Perbekalan Tambahan Pertama 2017.	104
9.	Tungguhan	146
10.	Lampiran [Soalan-soalan dan Jawapan-jawapan Bertulis]	147

---

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA  
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

---

**HADIR:**

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA  
Dato' Haji Mohd Zubir bin Embong, DPMT.,PJK.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU  
Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, SSMZ.  
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.  
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jidin bin Shafee, DPMT.,DMSM.,KMN.  
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Dato' Haji Rozi bin Mamat, DPMT.,SMZ.  
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Ir. Haji Rosli bin Othman, AMN.  
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Haji Nawi bin Mohamad, SMT.,PJK.  
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Haji A. Latiff bin Awang, PJC.,PJK.  
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Haji Roslee bin Daud, AMZ.,PPN.  
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Ghazali bin Taib, AMZ.  
WAKIL AJIL

Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad Pehimi bin Yusof, DPMT.,PPN.  
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar, AMT.  
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor, DIMP.,PPN.,PJK.  
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Haji Mohd Mahdi bin Musa, AMT.  
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman, AMT.,PJK.  
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Haji Mohd Iskandar bin Jaafar, PJK.  
WAKIL JABI

Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman, PJK.  
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat  
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, AMT.  
WAKIL BATU BUROK

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.  
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak  
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Azan bin Ismail  
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Haji Mohd Nor bin Hamzah  
WAKIL BUKIT PAYONG

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar,  
DPMT.,PJC.,PJK.,BLB.  
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman  
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat  
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim  
WAKIL TELUK PASU

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim  
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik  
WAKIL SURABAYA

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun  
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Alias bin Harun  
WAKIL RANTAU ABANG

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF):**

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri  
Dato' Haji A. Rahman bin Yahya, DPMT.,AMZ.,KMN.,PJK.  
Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.  
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.  
WAKIL RHU RENDANG

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI  
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
Dato' Wan Nawawi bin Haji Wan Ismail, DPMT.,SMZ.,PJC.,PJK.  
YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI  
Dato' Azhar bin Abdul Hamid, DSAP.,AMK.



SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI  
Encik Zulkifly bin Isa, PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

SETIAUSAHA DEWAN: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum kita memulakan Persidangan Dewan pada pagi ini marilah kita membaca Ummul Kita Al-Fatihah. ...[Al-Fatihah] ...

Perkara pertama di dalam Tertib Pekerjaan Dewan pada hari ini ialah Doa oleh Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan.

**DOA**

Dibaca oleh Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan.

**UCAPAN YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA**

Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah wasyukurilillah. Alhamdulillah Rabbil 'Alamin. Wassalatu wassalamu'ala Sayyidina Muhammadin wa'alihi wasahbihi wassalam. Hasbunallah wanikmal wakil wanikmal maula wanikman nasir. Rabisyrahli sadri wayarsirli amri wahlul ukhdatan minlisani yafkahu qauli. Innahu minsulaiman wainnahu Bismillahir Rahmanir Rahim. Ala ta'lu alayya watuni muslimin.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Salam Negaraku Malaysia. Salam TTB. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan

petunjuk, kerana dengan kekuatan dan limpah kurniaNya jua maka dapatlah kita sekali lagi berada di hari yang mulia ini, hari yang muluk ini bagi melakukan ahsanul amalan dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri bagi Mesyuarat Yang Kedua, Penggal Persidangan Yang Kelima, Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga Belas.

Pada hari ini, Isnin - 14 Ogos 2017 bersamaan dengan 21 Zulkaedah, insyaAllah, selepas ucapan saya ini dimulakan dengan Pembentangan Kertas-kertas Kerja Dan Laporan-laporan. Tertib Pekerjaan Dewan seterusnya ialah Soalan-soalan Bertulis dan Soalan-soalan Lisan. Pihak Dewan kali ini telah menerima sebanyak 52 soalan-soalan secara keseluruhannya di mana sebanyak 32 Soalan-soalan Bertulis dan sebanyak 20 Soalan-soalan Lisan.

Bagi Soalan-soalan Lisan, saya akan memperuntukkan masa kurang lebih satu jam. InsyaAllah, saya akan membenarkan tiga soalan tambahan bagi setiap satu Soalan Lisan yang dikemukakan sebagaimana dalam Fasal 27(5) Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Bagi Negeri Terengganu. Keutamaan saya akan berikan kepada Yang Berhormat yang bertanyakan soalan asal. Tapi saya akan menolak soalan tambahan jika sekiranya tidak mematuhi hak membuat soalan sebagaimana yang dinyatakan dalam Fasal 27(6).

Tertib Pekerjaan seterusnya ialah Rang Undang-Undang. Pihak pentadbiran Dewan telah menerima dua Rang Undang-Undang dan satu Usul. Dua Rang Undang-Undang yang telah dikemukakan ialah:-

- (i) Enakmen Perbekalan Tambahan 2017
- (ii) Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-orang Melayu (Pindaan) 2017.

Manakala Usul adalah Usul Pembangunan Tambahan Pertama yang akan dibentang, dibahas dan dibuat pengundian untuk diluluskan dalam Sidang DUN kali ini.

Dan sekali lagi insyaAllah, saya akan memberikan peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk berucap selama 15 minit bagi setiap orang. Dan kepada Penyokong Enakmen dan Usul, insyaAllah saya akan beri masa untuk berucap lebih lama sedikit yakni kurang lebih 20 minit.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berucap atau berbahas, saya mohon benar-benar untuk mematuhi peraturan-peraturan berbahas sebagaimana dinyatakan dalam Fasal 46 yang merangkumi bagaimana tatacara untuk mencelah dan mendapat kebenaran untuk berucap dan sebagainya. Marilah kita semua menjauhi kata-kata keji, mencela dan melaknat. Sabda Junjungan kita

Nabi Muhammad Sallahu 'Alaihi Wassalam: "Bukanlah seorang mukmin jika suka mencela, melaknat dan berkata-kata keji." (Hadis Riwayat At-Tirmizi).

Saya juga ingin memberi peringatan kepada semua Ahli Yang Berhormat agar mematuhi Fasal 60(1) yang memberikan peruntukan perbahasan yang mana hendaklah ditumpukan kepada dasar dan kelayakan Rang Undang-Undang itu sahaja.

Hormat-menghormatilah hak antara satu sama lain, sekiranya kita mahu hak kita juga dihormati oleh orang lain. Kalau kita tidak mahu diganggu semasa kita berucap maka janganlah kita mengganggu dengan melampau-lampau Yang Berhormat lain semasa mereka berucap. Jagalah setia kawan antara kita. Sabda Junjungan kita Nabi Muhammad Salallahu 'Alaihi Wassalam: "Sesungguhnya orang yang paling aku benci dan paling jauh dariku di hari Kiamat ialah orang yang banyak bercakap dan bersikap sombong dalam bercakap." (Hadis Riwayat At-Tirmizi).

Marilah kita sama-sama menjunjung Junjungan Ar-Rahman Ar-Rahim dalam Dewan yang mulia ini. Marilah kita wujudkan sebagaimana yang kita selalu wujudkan suasana aman dan tenteram dalam Dewan yang berpaksikan kepada Ukhwah Islamiyah ini. Marilah kita junjung ingatan Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali-Imran (ayat 103) yang bermaksud: "Dan berpeganglah kamu semuanya kepada tali yakni agama Allah dan janganlah kamu bercerai-berai dan ingatlah akan nikmat Allah kepadamu ketika dahulu semasa Jahiliyah, bemusuh-musuhan maka Allah mempersatukan hatimu lalu kerana nikmat Allah menjadilah kamu orang yang bersaudara dan kamu telah berada di tepi jurang Neraka, lalu Allah menyelamatkan kamu daripadanya. Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayatNya kepada kamu agar kamu mendapat petunjukNya."

Seperti biasa Persidangan kali ini disaksikan oleh Pemerhati-pemerhati yang datang daripada pelbagai lapisan. Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengalu-alukan kehadiran Pemerhati-pemerhati yang cukup ramai pada hari ini iaitu 374 orang tetapi yang muat di atas ni (Galeri Pemerhati) ialah sebanyak 200 sahaja dan ada yang ditempatkan di Dewan Teater di bawah sana. Yang paling ramai adalah daripada:-

- Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Sulaiman (170 orang).
- Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Lela Segara
- Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Intan Zaharah, Dungun
- Sekolah Menengah Agama Maarif Besut
- KEMAS Negeri Terengganu
- Majlis Tindakan DUN Sura
- Biro Tatanegara

- Pejabat Pegawai Pembangunan Kuala Nerus
- Pejabat ADUN DUN Bandar

Dan saya juga mengalu-alu kedatangan pemimpin-pemimpin daripada SERIKANDI dan sebagainya. Marilah kita berpakat jaga adab, marilah kita berpakat jaga tertib kita sebagai Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini. Setiap perkataan dan perbuatan kita menjadi rujukan, setiap perkataan kita akan menjadi turutan kepada Pemerhati. Kita sebagai pemimpin rakyat, buatlah terbaik agar dilihat kita sebagai yang menjalankan amanah kepada rakyat yang telah memilih dan meletakkan kita di Dewan yang mulia ini. Kita adalah Wakil Rakyat. Marilah kita semua amalkan bercakap benar dan menghindari dari berkata yang berdusta. Ada pepatah yang mengata: Bercakap benarlah kamu walaupun yang benar itu pahit kerana kepahitan itu adalah penawar yang mujarab. Sabda Junjungan kita Nabi Muhammad Salallahu 'Alaihi Wassalam: "Tanda-tanda munafik itu ada tiga, jika ia berbicara ia berdusta, jika ia berjanji ia mengingkari dan jika ia diberi amanah dia khianat." (Hadis Riwayat Al-Bukhari). Marilah kita berpakat semua, kita berniat baik-baik, kita berfikir baik-baik, kita bercakap baik-baik, kita berbuat baik-baik agar kita semua digolongkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala sebagai insan yang baik-baik.

Dan ingin saya mengingatkan kepada Dewan yang mulia ini, tiada rakaman yang tidak rasmi dibenarkan dan saya minta supaya setiap warga Dewan mematuhi peraturan berpakaian. Dan mulai sekarang saya minta supaya semua telefon diletakkan dalam *mode* senyap agar tidak mengganggu Sidang DUN kali ini.

Akhir kata 'Selamat Bersidang' mudah-mudahan Persidangan kita kali ini lebih aman, lebih senang, lebih tenang, lebih cemerlang hinggalah kita diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala duniawi dan juga ukhrawi. Sekian. Aqululihaza wa astaghfirullahal azim li walaqum. Wabilahi taufik wal hidayah. Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

### **KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kertas-kertas Kerja Dan Laporan-laporan yang dibentangkan ialah:-

1. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2017.

(D.U.N. Bil.6/2017)

2. Anggaran Perbelanjaan Bekalan Tambahan Pertama 2017.

(D.U.N. Bil.7/2017)

3. Penyata Kewangan Negeri Terengganu Tahun 2016.

(D.U.N. Bil.8/2017)

4. Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Muzium Negeri Terengganu Tahun 2016.

(D.U.N. Bil.9/2017)

## **SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS**

### **SOALAN-SOALAN BERTULIS**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jawapan-jawapan bertulis kepada Soalan-soalan Bertulis yang telah diberi notis dan dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ialah soalan-soalan daripada:-

1. Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi  
(Wakil Batu Burok)
2. Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut  
(Wakil Wakaf Mempelam)
3. Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak  
(Wakil Bukit Tunggal)
4. Y.B. Azan bin Ismail  
(Wakil Bandar)
5. Y.B. Haji Mohd Nor bin Hamzah

(Wakil Bukit Payong)

6. Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar  
(Wakil Ladang)
7. Y.B. Ariffin bin Deraman  
(Wakil Alur Limbat)
8. Y.B. Haji Hanafiah bin Mat  
(Wakil Cukai)
9. Y.B. Haji Ridzuan bin Hashim  
(Wakil Teluk Pasu)
  
10. Y.B. Haji Hishamuddin bin Abdul Karim  
(Wakil Tepoh)
11. Y.B. Haji Wan Hapandi bin Wan Nik  
(Wakil Sura)
12. Y.B. Haji Alias bin Harun  
(Wakil Rantau Abang)

## **SOALAN-SOALAN LISAN**

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Sekarang kita pergi kepada Soalan-soalan Lisan. Berikut ialah Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi notis untuk mengemukakan Soalan-soalan Lisan:-

1. Y.B. Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor  
(Wakil Langkap)
2. Y.B. Haji Satiful Bahari bin Mamat  
(Wakil Paka)
3. Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi  
(Wakil Batu Burok)
4. Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut  
(Wakil Wakaf Mempelam)
5. Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak  
(Wakil Bukit Tunggai)
6. Y.B. Azan bin Ismail  
(Wakil Bandar)
7. Y.B. Haji Mohd Nor bin Hamzah  
(Wakil Bukit Payong)
8. Y.B. Ariffin bin Deraman  
(Wakil Alur Limbat)
9. Y.B. Haji Hanafiah bin Mat  
(Wakil Cukai)
10. Y.B. Haji Ridzuan bin Hashim  
(Wakil Teluk Pasu)
  
11. Y.B. Haji Hishamuddin bin Abdul Karim  
(Wakil Tepoh)

12. Y.B. Haji Wan Hapandi bin Wan Nik  
(Wakil Sura)
13. Y.B. Haji Alias bin Harun  
(Wakil Rantau Abang)

Sekarang saya mempersilakan Langkap untuk mengemukakan soalan. Silakan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap):  
Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya nombor satu -

*Adakah Kerajaan berhasrat untuk meningkatkan kadar bantuan Kebajikan Masyarakat bagi menampung kenaikan kos sara hidup?*

Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi):  
Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan atau wakil dan para Pemerhati yang saya hormati sekalian.

Soalan saya nombor satu itu: Adakah Kerajaan berhasrat untuk meningkatkan kadar bantuan Kebajikan Masyarakat bagi menampung kenaikan kos sara hidup? Bagi jawapan kepada persoalan ini untuk makluman Dewan, setakat ini Kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan kadar Bantuan Kebajikan Masyarakat sepertimana yang sedia ada. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bukit Besi. Soalan tambahan pertama sekiranya ada.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap):  
Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Langkap.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap):  
Dengan bantuan yang diberi oleh JKM sekarang RM200 - RM300, untuk belanja sebulan memang tak cukup dengan kenaikan harga barang-barang yang agak luar biasa di mana sekarang ini ikan selayang pun dah RM12.00 sekilo apatah lagi macam ikan kembong macam Yang Berhormat Kota Putera beli kelmarin, RM17.00 sekilo untuk dibahagi-bahagikan kepada orang-orang kampung dia.



Jadi soalan saya, apakah langkah-langkah yang dirancang oleh Kerajaan bagi memastikan masyarakat tidak terlalu bergantung kepada JKM ataupun tidak memberi beban kepada penerima-penerima Bantuan JKM ini? Terima kasih.

YANG BERTAMBAH HORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Langkap. Sila Bukit Besi.

YANG BERTAMBAH HORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Terima kasih Langkap. Soalan tambahan iaitu mengenai tanggungan oleh penerima Bantuan Kebajikan yang difikirkan oleh Langkap tidak mencukupi bagi menampung kos sara hidup.

Dan Kerajaan sebenarnya sentiasa memikirkan untuk memastikan bahawa penerima-penerima bantuan ini dalam pemerhatian Kerajaan. Dalam memastikan bahawa apa yang diperkatakan ataupun dipersoalkan oleh Wakil Langkap tadi di mana kita mengambil beberapa inisiatiflah untuk memastikan bahawa sebagaimana yang disebut oleh Wakil Langkap tadi, beberapa perkara yang kita fikirkan kerana penerima-penerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat ini merupakan orang-orang yang terpilih ataupun rakyat yang kita pilih yang sesuai dan memenuhi kehendak dan syarat-syarat yang sedia ada. Kepada penerima-penerima bantuan yang kita fikirkan begitu uzur dan tidak layak lagi untuk kita memastikan bahawa sesuatu aktiviti untuk menambahkan pendapatan mereka. Oleh kerana itu, kita mencari satu kaedah iaitu kita pastikan anak-anak yang di bawah tanggungan mereka. Jadi dalam hal ini apabila kita memastikan anak-anak mereka ada yang sudah melangkaui umur 21 tahun dan ke atas, kita cuba fikirkan supaya anak-anak ini dapat berdikari dan mencari satu pendekatan atau mencari jalan untuk menambahkan pendapatan. Di antara cara yang kita sedang usahakan ialah peluang-peluang perniagaan. Dan jika mereka ini berada di kawasan-kawasan pedalaman dan mempunyai tanah, kita syorkan supaya anak-anak ini mengusahakan tanah-tanah mereka dalam bidang pertanian.

Jadi dalam perkara ini sedikit sebanyak, mungkin pendapatan yang akan diperolehi oleh keluarga ini akan mendapat pendapatan yang baik dan insyaAllah sedikit sebanyak boleh menanggung kos sebagaimana yang disebutkan oleh Wakil Langkap tadi.

Dan insyaAllah, Kerajaan juga sentiasa memerhati apa juga kesesuaian yang boleh dibantu dalam menyelesaikan masalah-masalah kos tanggungan bagi mereka. Kepada penerima-penerima yang berusia ataupun masih lagi mempunyai tenaga yang baik, kita mencadangkan supaya mereka juga menjalankan aktiviti-aktiviti yang boleh menghasilkan pendapatan kepada

mereka terutamanya kepada penerima-penerima ibu tunggal, kita galakkan supaya mereka usahakan dari segi apa juga termasuklah dalam bidang jahitan.

Jadi inilah merupakan perkara-perkara ataupun langkah-langkah yang kita sedang ambil untuk memastikan bahawa penerima-penerima bantuan ini tidak seterusnya akan menerima Bantuan Kebajikan Masyarakat kerana ini merupakan satu perkara yang boleh kita elakkan untuk mereka sentiasa boleh berdikari untuk memastikan kehidupan rakyat dalam Negeri Terengganu kita masih terbela dan boleh diteruskan. Terima kasih.

**YANG BERTAMBAH DITO' YANG DIPERTUA:** Terima kasih. Soalan tambahan kedua. Saya bagi Air Putih dulu. Sekejap lagi saya bagi Bandar, insyaAllah. Sila Air Putih.

**YANG BERTAMBAH HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih):** Yang Bertamabah Dato' Yang Dipertua, pohon pihak Kerajaan boleh tak berkongsi dengan Dewan, apa lagi sumber-sumber bantuan yang diberikan kepada rakyat Negeri Terengganu selain daripada yang Kerajaan Negeri, ada sumber lain tak? Boleh kongsi dengan Dewan? Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERTAMBAH HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi):** Okey, terima kasih. Soalan tambahan kedua daripada Wakil Air Putih yang bertanyakan: Adakah bentuk bantuan-bantuan lain selain daripada bantuan bulanan kepada rakyat di Negeri Terengganu?

Jadi kita semua sedia maklum bahawa Kerajaan Negeri sememangnya banyak memperuntukkan dalam pelbagai jenis bantuan menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu. Dan di sini saya ingin menyatakan beberapa bantuan yang telah disediakan dan diperuntukkan oleh Kerajaan iaitu sama ada Kerajaan Persekutuan dalam membantu pelbagai lapisan masyarakat di negeri kita ini. Antaranya; Bantuan Kanak-Kanak. Bantuan Kanak-Kanak ini kita berikan kepada keluarga yang sedang memberi jagaan kepada kanak-kanak yang berusia di bawah umur 18 tahun yang tidak berkemampuan atau putus mata pencarian. Jumlah bantuan yang kita salurkan, di antara RM100 hingga RM450. Selain daripada itu juga, Elaun Pekerja Cacat. Elaun Pekerja Cacat ini yang hanya berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang bekerja sendiri atau bekerja dengan majikan yang berpendapatan di bawah RM1,200 sebulan. Kita menyalurkan elaun ini sebanyak RM350. Selain daripada itu, Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja. OKU yang berdaftar dengan JKM tidak berupaya bekerja disebabkan faktor-faktor yang munasabah tetapi bukan kerana sikap tidak mahu bekerja, umurnya ialah di antara 18 tahun hingga 59 tahun yang disahkan oleh Pegawai Perubatan. Bentuk bantuan adalah RM200 sebulan. Bantuan Penjagaan OKU Terlantar, makna untuk orang jaga pesakit OKU ini

yang terlantar ataupun pesakit kronik yang terlantar. Penjaga Sepenuh Masa yang merupakan ahli keluarga OKU Terlantar atau Pesakit Kronik Terlantar. Maknanya Kerajaan bagi jugak kepada orang yang menjaga pesakit ini. Kerajaan bagi RM300. Bantuan Kepada Orang Tua, warga tua yang berumur 60 tahun ke atas yang tiada mata pencarian tertentu untuk menyara hidup, Kerajaan juga menyalurkan bantuan kepada orang tua ini sebanyak RM300. Bantuan Anak Pelihara, keluarga yang sedang memberi jagaan kepada kanak-kanak berumur di bawah 18 tahun yang tidak mempunyai ibu bapa, Kerajaan menyalurkan kepada anak pelihara ini sebanyak RM250 hingga RM500. Bantuan Latihan Prentis, anak penerima Bantuan Bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan bekas pelatih Institusi Kebajikan Dan Kes-kes Seliaan Akhlak, Kerajaan juga membantu dengan RM200. Selain daripada itu, Bantuan Geran Pelancaran Penerima Bantuan Bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat atau anak-anak mereka, OKU yang sedang mendapat perkhidmatan, bekas pelatih Institusi Dan Kes-Kes Seliaan Akhlak, maksimum kita bagi RM2,700 sekali gus (*one-off*).

Bantuan Alat Tiruan ataupun alat sokongan, bantuan berdasarkan kepada kadar sebenar alat tiruan. Antara kategori yang kita pilih ialah OKU yang berdaftar dengan JKM, disyorkan oleh doktor atau pakar perubatan, mereka yang tidak mampu untuk membekalkan sendiri alat tiruan ataupun alat sokongan yang diperlukan, Kerajaan juga membiayai kos bantuan alat tiruan dan alat sokongan ini. Selain daripada itu, Tabung Bantuan Segera ataupun TBS kepada golongan yang berkeperluan dan tidak berkemampuan biasanya penerima terdiri dari kalangan mangsa-mangsa musibah seperti kebakaran dan banjir. Maksimum yang Kerajaan bantu ialah RM300 sekali gus (*one-off*). Selain daripada itu juga, Tabung Bantuan Mangsa Serangan Binatang Buas, ini juga Kerajaan sediakan iaitu mangsa atau waris mangsa serangan binatang buas yang telah dikategorikan oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara (PERHILITAN). Kerajaan menyediakan maksimum *one-off* sebanyak RM20,000 sekali gus.

Inilah antara bantuan-bantuan yang telah disediakan oleh Kerajaan bagi memastikan apa juga pemasalahan ataupun masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat dalam Negeri Terengganu kita ini, kita cuba sedaya upaya mungkin untuk memastikan rakyat kita berada di dalam keadaan yang selesa dan terbela. Sekian, terima kasih.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Terima kasih Bukit Besi. Sila Bandar untuk mengemukakan soalan tambahan ketiga.

**YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar):** Terima kasih. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat dan juga Kerajaan Negeri. Oleh kerana isu pemberian bantuan untuk Kebajikan Masyarakat ini jadi isu yang sangat *volatile* Dato' Yang Dipertua. Kita ada keadaan ekonomi yang sukar untuk kita buat

jangkaan, banyak faktor yang kita tidak payah ulas tapi kadar ini menjadi *volatile*. Sebagai contoh, kita umumkan di Dewan, miskin tegar di Terengganu 479 orang, keluarga miskin 7,700 lebih tapi keadaan *volatility* ini menjadikan jumlah ini begitu banyak dalam masa yang singkat. Jadi di Negeri Terengganu saya nampak, dia banyak di negeri-negeri yang lain membuat semakan kepada jumlah dan peratus ini yang dibuat dalam keadaan dua bulan sekali, maksudnya dalam setahun ada enam kali semakan dibuat untuk kita kenal pasti jumlah yang sepatut keluarga ataupun jumlah orang miskin sama ada tegar atau miskin biasa supaya perubahan ini kita dapat *catch-up* dengan izin, dengan cepat untuk pastikan kita tentukan jumlah atau bentuk bantuan. Di peringkat Pusat .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Err... Bandar, soalan?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Semakan saya, Kadar Inflasi sendiri pun Dato' Yang Dipertua, berubah-ubah, maksudnya Kerajaan Negeri ada ke tidak membuat semakan dalam tahun 2017 sahaja, berapa kali dah semakan kita buat? Kita tidak boleh berpandukan kepada statistik asal yang dibuat dalam bentuk tahunan kerana *volatility* ini, saya nak tanya, ada ke kita buat. Ada ke tidak? Kalau ada saya nak tahu berapakah bentuk perubahan jumlah yang miskin atau miskin tegar itu, nak *justify* dengan jumlah bantuan yang kita bagi?

Yang kedua, sedikit tambahan, saya juga nak tahu dan untuk pengetahuan Dewan. Berapa peratuskah penurunan bantuan ini yang ditumpukan di Negeri Terengganu kerana memandangkan hasil di Negeri Terengganu telah jatuh sebanyak RM610 juta secara keseluruhan, ada dalam penyata ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terlalu panjang dah. Soalan tu saya rasa panjang dah Bandar. Terima kasih Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Jadi berapa peratus penurunan bantuan tadi untuk Negeri Terengganu? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Bukit Besi.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Okey, terima kasih. Soalan tu panjang tapi persoalannya berapa peratus penurunan? Jadi saya bagi maklumat sedikitlah kepada soalan tadi daripada Wakil Langkap mengenai; adakah Kerajaan meningkatkan kadar bantuan Kebajikan?

Jadi macam saya kata tadi, Kerajaan belum ada persediaan lagi kerana Kerajaan memikirkan bahawa dengan peruntukan yang Kerajaan sediakan sehingga kini kita merasakan bahawa ianya masih lagi relevan dan berpatutan. Kita telah buat kajian di mana Kerajaan telah beberapa kali menaikkan kadar Bantuan Bulanan

sebenarnya kepada rakyat Negeri Terengganu kita iaitu pada sekitar tahun '70an  
.....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Jawapan bertulis ada tak? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Bertulis? Okeylah, kalau macam tu saya tak payahlah. Tapi saya rasa saya ingin sebut sebab sekurang-kurangnya kita dalam Dewan ini boleh tahu jugak dari segi Kerajaan menyalurkan bantuan-bantuan ini. Jadi macam mana Yang Berhormat Dato' Speaker dengan permintaan ni?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya bagi dua minit lagi untuk menerangkan, lepas tu saya rasa pergi kepada soalan lain sebab panjang dah.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Jadi pada sekitar tahun '70an, kadar Bantuan Bulanan sebanyak RM30 sahaja kepada setiap penerima. Dan setelah Kerajaan mengkaji pada tahun 1981 hingga 1988, Kerajaan telah menaikkan walaupun tak besar sebanyak RM40 hingga RM80.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya minta izin Yang Berhormat buat *ruling* kerana kita habis masa untuk satu soalan ini 40 minit dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakaf Mempelam, terima kasih. Saya kira ikut jam tak sampai lagi 40 minit tu. Sebab itu saya bagi dua minit lepas tu pergi ke soalan lain tadi.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Haa.... Wakaf Pelam .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dia kira masa dia sampai tadi Wakaf Mempelam tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia memperingati sesama kita tak apa, insyaAllah tapi 40 minit tu tak betullah.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Saya apabila orang bertanya soalan, saya kena jawab makna sekurang-kurangnya Ahli-ahli Dewan kita berpuas hati apatah lagi dengan Pemerhati yang ada di atas sana untuk tahu. ...(Tepukan) .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukit Besi panjang lagi ke?

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Sikit lagilah, maknanya dua-tiga patah perkataan lagi. 1988 - 1995, Kerajaan kaji dan naik lagi ke RM50 hingga RM115. Pada tahun 1995 - 2000, kita naikkan lagi daripada RM60 hingga RM150. Dan pada tahun 2000 - 2006, kita naikkan lagi daripada RM60 - RM100 kepada RM250 dan dari 2007 sehingga kini, Kerajaan menyediakan bantuan ini RM200 hingga RM450. Dan untuk makluman Dewan juga bahawa Negeri Terengganu dalam kadar membantu dari segi Kadar Bantuan Am Bulanan kepada rakyat Negeri Terengganu adalah merupakan yang kedua tertinggi dalam negara kita.

Dan saya sebenarnya mempunyai harapan tinggi supaya kita semua di pihak Kerajaan akan memastikan supaya rakyat di Negeri Terengganu yang memerlukan kepada bantuan dan sokongan daripada Kerajaan, insyaAllah, kita akan sentiasa memikirkan bagi membantu rakyat Negeri Terengganu kita. Sekian.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang Dipertua, kata dua-tiga patah perkataan, ni lebih pada 30 patah perkataan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakaf Mempelam ...(Sambil gelak) ..... Terima kasih banyak kepada Langkap yang mengemukakan soalan. Juga kepada Air Putih, kepada DUN Bandar terima kasih banyak. Dan juga kepada Bukit Besi yang menjawab dengan panjang lebar. Saya mempersilakan Soalan Lisan seterusnya, Paka, sila mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh dan salam sejahtera. Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

*Apakah status terkini Taman Ilmu di Besut. Adakah pihak Kerajaan berusaha untuk memulihkan pembangunan yang sedia ada? Berapakah peruntukan yang dijangka terpaksa dikeluarkan?*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Kemasik.

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat Exco, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan dan wakil, SERIKANDI, para Pemerhati, tuan-tuan dan

puan-puan yang dirahmati Allah sekalian. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Wakil Paka ada bertanyakan; apakah status terkini Taman Ilmu di Besut. Adakah pihak Kerajaan berusaha untuk memulihkan pembangunan yang sedia ada? Berapakah peruntukan yang dijangka terpaksa dikeluarkan?

Untuk maklumat Wakil Paka dan juga Ahli Dewan yang dirahmati Allah sekalian, jadi status terkini Taman Ilmu di Besut ialah pihak Kerajaan Negeri telah meluluskan permohonan daripada UniSZA untuk menggunakan dan membaiki Asrama Taman Ilmu di Bukit Keluang. Antara yang dipersetujui kepada pihak UniSZA menggunakan dua buah bangunan asrama iaitu Apartment Type B. UniSZA diberi pengecualian bayaran sewa bangunan selama 10 tahun dengan syarat UniSZA menanggung kos untuk membaiki pulih dua buah asrama tersebut. Pihak UniSZA perlu mendapatkan persetujuan daripada pihak UPEN bagi kerja-kerja pembaikan yang akan dilaksanakan. UniSZA juga tidak dibenarkan untuk mengeluarkan sebarang jenis barangan perabot selepas tamat tempoh penggunaan yang dipersetujui.

Saya juga nak maklumkan di sini bahawa soalan ini juga berkait dengan soalan yang ditanya oleh Wakil Batu Burok. Okey, terima kasih.

**YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Sila soalan tambahan pertama, Paka.

**YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):** Ya. Baru-baru ini Kerajaan memaklumkan bahawa bulan Oktober ini akan beroperasi, dia beroperasi sebagaimana asal cadangan itu atau bagaimana? Sebab banyak bangunan yang rosak yang tidak boleh digunakan dan adakah pihak Kerajaan keluarkan peruntukan tambahan untuk membaiki pulih, untuk menyelesaikan sebelum bulan Oktober. Dan saya dimaklumkan ada perbincangan disebut dalam media dengan pihak Kementerian Pengajian Tinggi yang juga sebagai Ahli Parlimen Besut. Projek ini dulu adalah bekas Menteri Besar yang juga sekarang ini Menteri Pengajian Tinggi. Adakah ada apa-apa keputusan? Sebab respon daripada tu ana dimaklumkan bahawa dia kata ini adalah projek Kerajaan Negeri dan tidak berkait dengan Kementerian.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Okey, sila Kemasik.

**YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik):** Wakil Paka tadi dia tanya banyak soalan dalam satu soalan dia. Jadi saya akan cuba jawab seberapa yang boleh.

Jadi persetujuan hari ini adalah kita bersetuju dengan UniSZA untuk menggunakan blok asrama dan Kerajaan Negeri pun bersetuju untuk beri kepada pihak UniSZA dua buah blok asrama tersebut. Dan menjadi tanggungjawab pihak UniSZA untuk membaiki, membaik pulih mengikut kesesuaian ataupun spesifikasi yang diperlukan oleh pihak UniSZA. Dalam perkara tersebut pihak Kerajaan Negeri tidak mengeluarkan sebarang belanja untuk kos-kos pembaikan tersebut. Dan kegunaannya diberi kepada UniSZA untuk tempoh selama 10 tahun.

Mengikut maklumat yang diberikan, pihak UniSZA akan mula menggunakan bangunan tersebut pada 5hb September tahun ini untuk .....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, dah maksudnya hak pembangunan yang sedia ada tu *lok* hancur lebur begitulah, tak baiki?

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Nanti dulu, saya ke arah tu nak jawab. Jadi buat masa sekarang ini yang itu ada yang sah. Tapi dalam masa yang sama juga pihak Kerajaan kita ada terima banyak cadangan daripada pelbagai pihak yang ingin membangunkan semula Taman Ilmu ini, jadi pihak UPEN masih lagi mengkaji untuk memastikan cadangan yang dihantar kepada Kerajaan Negeri ini adalah di antaranya yang *genuine*, yang boleh dilaksanakan yang orang kata memberi banyak faedah kepada masyarakat setempat dan kepada Kerajaan Negeri.

Usaha juga sedang dijalankan untuk membawa institusi-institusi pengajian tinggi daripada Kerajaan Negeri kita, Kerajaan Malaysia dan juga luar negara. Jadi proses itu masih berjalan dan harapan kita, insyaAllah ada yang bersesuaian dengan kehendak kita untuk memastikan apa yang kita bina ini dapat kita teruskan, dapat kita jelmakan untuk menjadi salah satu pusat pendidikan yang ternama dan terulung, insyaAllah.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Paka, soalan tambahan kedua.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Saya nak dapat maklumat jelaslah sebab ada beberapa angka yang disebut dalam media kos sebenarnya berapa yang Kerajaan telah keluarkan untuk membangunkan Taman Ilmu di atas tanah seluas 700 ekar itu? Ada sebut RM300 juta. Ada yang kata RM800 juta dan ada yang kata RM900 juta tapi yang sebenarnya berapa



dah Kerajaan Negeri Terengganu menggunakan duit rakyat Terengganu ini untuk melabur bagi pembinaan Taman Ilmu itu?

Yang kedua, maknanya dari segi apa yang dijawab oleh pihak Exco tadi maknanya Kerajaan Negeri Terengganu tidak akan mengeluarkan apa-apa peruntukan lagi dah untuk membaik pulih bangunan yang sedia ada sebab dulu ada disebut daripada New Zealandlah, enam institusi luar ada, ni nampak nak harap ke universiti tempatan. Kementerian pun banyak potong dah peruntukan untuk universiti dan sebagainya. Adakah maknanya kalau dengan sebab ini Kerajaan Negeri tidak akan mengeluarkan apa-apa peruntukan untuk baik pulih projek pembangunan?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Paka. Sila Kemasik.

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Tadi Paka dia tanya dua-tiga soalan dalam satu soalan. Jadi banyak soalan dia tanya tu, lebih pada dua dah.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dia serupaya aje dia berkait, *musing* tentang Taman Ilmu saja ni sebab rakyat nak tahu, saya pun nak tahu. Jangan susut, Yang Berhormat khabor, cakap betul walaupun pahit.

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Kita tidak susut apa-apa, makna kata ini semua untuk kebaikan rakyat jelata negeri kita, rakyat Negeri Terengganu kita. Jadi secara ringkasnya kos yang kita dah belanjakan sehingga setakat hari ialah sebanyak RM340 juta dengan adanya infrastruktur sekarang. Dan Kerajaan Negeri setakat hari ini tidak bercadang untuk mengeluarkan kos tambahan untuk membangunkan lagi Taman Ilmu tersebut kecuali ada cadangan-cadangan daripada pihak-pihak yang seperti saya sebut tadi untuk membangunkan kawasan Taman Ilmu kita itu. Okey.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, nampaknya projek itu akan jadi Projek Gajah Putih jugaklah, macam stadium jugaklah. Kalau Kerajaan tidak mengeluarkan peruntukan, baki lagi bangunan termasuk Dewan Konvokesyen, stadium mini, bangunan pentadbiran yang melibatkan beratus juta dah. Kita tengok dah semakin hancur lebur, apakah pihak Kerajaan nak tengok saja?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Itu soalan tambahan ketiga Paka, ya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Yang Berhormat Dato' .....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ya. Dan saya pun nak tanya, adakah benar ada syarikat pemaju yang memajukan projek ini telah mengambil tindakan undang-undang, saman pihak Kerajaan Negeri dalam kes ini?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kota Putera, saya bagi peluang yang *last*.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Okey. Terima kasih.

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Setakat ni kita tidak ada, kita tidak dapat apa-apa maklumat lagi tentang adanya pemaju yang mengemukakan saman tu kepada Kerajaan Negeri. Dan saya rasa tak betullah apa yang Wakil Paka kata ianya akan jadi Projek Gajah Putih. Sebabnya, macam saya kata tadilah, pada 5 September, pelajar-pelajar UniSZA akan masuk ke tempat ini yang mana daripada situ nanti akan berlaku lagi banyak lagi penawaran-penawaran yang bersesuaian akan dikemukakan UniSZA untuk menggunakan fasiliti-fasiliti yang ada. Jadi usaha kita akan kita teruskan untuk memastikan Taman Ilmu yang kita bina ini akan jadi sebuah institusi atau pusat pembelajaran yang tersohor, insyaAllah di rantau kita ini.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, tambahan kepada soalan yang dikemukakan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Minta maaf, banyak dah .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya mohon penjelasan kerana faktanya tidak betul kerana telah berlaku saman kepada Kerajaan Negeri oleh sebuah syarikat sendirian berhad, POSTI telah menyaman Kerajaan Negeri .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dan saya mahu dapat penjelasan berapakah jumlah pembayaran Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan saman yang dibuat ini, berapakah jumlahnya?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Yang Berhormat Dato' Speaker berjanji untuk bagi Kota Putera tadi, satu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, sila Kota Putera.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya perlu penjelasan dari Kerajaan iaitu sebagaimana yang diberitahu tadi bahawa UniSZA diberi kelulusan untuk baik pulih dua blok bangunan di Taman Ilmu tersebut. Cuma nak tanyanya adalah, satu, berapakah kos keseluruhan dan adakah mengambil kira sebab di situ ada banyak blok-blok lain dan adakah mengambil kira keselamatan pelajar-pelajar yang akan menghuni di asrama tersebut dengan adanya pembinaan infra dan sebagainya. Contohnya, ada pagar dan sebagainya.

Dan di samping itu juga saya melihat terlalu banyak kerosakan di situ terutamanya blok yang akan dibaik pulih ini. Dan termasuklah yang ada di hadapannya semua lampu-lampu tidak ada langsung, tiang-tiang lampu rebah semua sekali. Maka adakah kos tersebut mengambil kira keseluruhan dengan infra keseluruhan yang dekat-dekat tu. Okey, terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT IR HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Terima kasih kepada Kota Putera yang bertanyakan pasal kos. Jadi pihak UniSZA akan menanggung kos pembinaan baik pulih dua blok tersebut sehingga ke tahap memenuhi spesifikasi untuk diduduki oleh pelajar-pelajar mereka. Jadi antara kos yang besar adalah untuk membawa bekalan elektrik dan air ke kawasan tersebut. Jadi dari maklumat yang saya ada iaitu segala kos yang akan ditanggung oleh pihak UniSZA ni akan diganti balik atau kontra dia dalam bentuk sewa tapak seperti yang telah kita persetujuan selama 10 tahun. Jadi anggaran kos kita adalah sebanyak RM10 juta untuk baik pulih yang mana sebahagian besarnya adalah untuk bawa *electricity* dan juga bekalan air ke kawasan ini. Dan untuk *security* di tempat itu akan diwujudkan pagar-pagar dalam bentuk kalau kita kira, individuallah untuk memastikan blok-blok itu ada kawalan keselamatan untuk menjamin anak-anak kita yang berada di situ dalam keadaan selamat, insyaAllah.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, soalan saya belum dijawab.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya hanya benarkan satu soalan sahaja. Dah empat soalan dah.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Kerana ini mustahak untuk difahami dan diketahui oleh Ahli-ahli Dewan bahawa telah ada satu saman oleh POSTI kepada Kerajaan Negeri Terengganu. Dan saya ingin mengetahui berapakah jumlah penyelesaian yang diberikan oleh Kerajaan Negeri untuk POSTI untuk menyelesaikan kes ini di luar mahkamah?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Kemasik.

YANG BERHORMAT HAJI IR ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Perbincangan dengan pihak POSTI telahpun kita ambil langkah untuk menyelesaikan masalah yang mana .....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dah tadi Yang Berhormat kata takdok saman, ni macam bunyi ada pula.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Paka, dengar dulu penjelasan. Dengar dulu.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Masa saya tanya soalan tadi, dia kata takdok.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, peraturan mesyuarat, saya rasa luas dah saya bagi kepada pihak sebelah sini ni .....

YANG BERHORMAT IR HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Itu isu sama yang kita nak selesai .....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Macam ada yang disembunyikan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukan soal nak sembunyi, soal apa ni.....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kalau keadaan mengelirukan Dewan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua tidak boleh membiarkan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): ..... keadaan, fakta mengelirukan Dewan, tak boleh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar, Bandar, terima kasih. Semua ada buku merah, ya.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Fakta mengelirukan Dewan, tak boleh Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dalam Peraturan Dewan, Ahli Dewan tidak boleh bercakap semasa Yang Dipertua sedang bercakap.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya kata, bangun. Saya panggil nama baru boleh bercakap. Kalau kita nak baca peraturan, kita sama-sama baca peraturan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Itu tanggungjawab memperbetulkan keadaan dalam Dewan Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya dah bagi tadi kepada Batu Burok. Bandar tak perlu beri penjelasan. Saya baca undang-undang, peraturan dia. Kalau nak bercakap, saya nampak Bandar bangun, saya akan kata: "Bandar, sila bercakap", baru boleh bercakap, itu peraturan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tadi Batu Burok bangun, sepatutnya saya tak benar dah tapi oleh kerana .....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih, terima kasih tapi keseluruhan Dewan sedang menyaksikan ada fakta yang sedang diselewengkan di dalam Dewan ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jangan kata seleweng, itu persepsi, kita dengar dulu apa yang dijawab oleh pihak Kerajaan. Terima kasih Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya tetap dengan Peraturan Mesyuarat yang jelas di dalam Standing Order mengatakan Dewan ini tidak boleh dikelirukan dengan fakta.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar, saya suruh duduk dulu. Kita dengar dulu, tak jawab lagi tu. Terima kasih Bandar. Saya bagi Batu Burok tadi, sepatutnya saya tak bagi dah. Mana-mana keputusan saya adalah muktamad, saya boleh tarik. Saya tak benar untuk jawab pun boleh, itu keputusan saya. Jadi jangan menyusahkan saya. Terima kasih. Sila Kemasik.

YANG BERHORMAT IR HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Okey, terima kasih banyak kepada Yang Dipertua Dewan dan wakil yang bertanya. Jadi untuk menjawab soalan tu, saya perlukan notis. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya rasa Dato' Yang Dipertua, tak perlu notis, kita ada keterangan. Bayar RM40 juta, betul dok? Saya cabar, saya kata bayar RM40 juta, Kerajaan Negeri bayar, betul ke tidak? Perlu notis apa.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Wakaf Mempelam ada fakta ke dok tu?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Fakta kita adalah, kita tak bercakap dalam Dewan takdok bukti bukan cakap dalam pasar, kami bercakap ada fakta.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Fakta dalam bentuk bertulis, cakap gitu tidak boleh dipanggil fakta .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ini duit Kerajaan Negeri, duit rakyat. Jangan nak susut fakta. Ini piti rakyat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Tak betul tu Wakaf Mempelam. Tak betul Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Fakta yang paling jelas adalah penyelewengan fakta tadi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Wakaf Mempelam hanya dengar orang bercakap bukannya fakta. Itu tak betul Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya ada bukti.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Mana dia, kalau sekadar bercakap orang tak panggil fakta.

...[Keadaan Dewan menjadi riuh dengan pertindihan

suara dari banyak pihak/Ahli-ahli Dewan] .....

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Diamlah, biar Exco jawab.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Bert hormat! Yang Bert hormat! Kota Putera duduk. Tepoh duduk. Wakaf Mempelam!

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Speaker suruh duduk, bukan kerja Telemong suruh duduk.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): *Dekpong yuuyar-yuuyar gini* apa benda hal ni?

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Apakah Telemong ambil kuasa Speaker ni!

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Tuan Yang Dipertua, minta *ruling* Dato' Yang Dipertua, soalan tu dah habis dah ni yang bangun bercacangan sebelah *alik ni guana* hal?

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dah yang kita bangun jugak tu *bakpe*?

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tu kuasa apa tu?

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): *Standing Order* .....

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Yang kata mengelirukan fakta, pada masa tu Yang Bert hormat di pihak Kerajaan belum lagi habis menjawab.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, dia *takmbah* jawab dah! Dia duduk dah!

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Sebelum dia duduk. *Bekeng dekpung*, nak berkira payah.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya rasa saya nak tangguhlah Dewan kalau macam ni. Saya minta semua duduk, boleh duduk tak?

Ahli-ahli Yang Bert hormat yang saya muliakan, Wakaf Mempelam duduk dulu. Dah banyak bercakap Wakaf Mempelam ni. Terima kasih Wakaf Mempelam. Tak apa, sabar. Kalau rasa panas dalam dada tu .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih banyak. Saya nak kata `innallaha ma assobirin`.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Kalau hak dia tak kata pula 40 minit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sabar Jabi. Sabar, sabar. Saya dah bagi semua saya rasa ikut peraturan. Saya nak minta kalau ada bukti RM40 juta tu dokumennya diberikan kepada saya. Saya benarkan pihak Kerajaan untuk kemukakan notis dan saya nak minta dokumen tu untuk saya semak. Tolong bagi kepada saya. Sila Bentara, saya nak tengok dokumen yang menyatakan Kerajaan telah berurusan berkait dengan RM40 juta itu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Kalau boleh dokumen tu saya nak minta notis, nanti kita akan bagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, sama-sama bagi notis.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Mana boleh gitu, tadi kata ada, ni mintak notis, buat mari sini nak tengok .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Wakaf Mempelam ni dok betul .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Saya ingat Tepoh kena beritahu Wakaf Mempelam, inilah yang mengelirukan fakta.

....[Keadaan Dewan sekali lagi menjadi riuh dengan pertindihan suara dari banyak pihak/Ahli-ahli Dewan] .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kalau di Parlimen ..... Yang Berhormat! Dengar Yang Berhormat semua, kalau di Parlimen tukul sampai pecah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dok, Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Di DUN ni tak pakai tukul, saya tahu kita semua dalam keadaan mawaddah wa rahmah. Jabi duduk, Bandar duduk. Saya minta semua duduk.



YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, kita minta Wakaf Mempelam serahkan buktinya kepada Bentara. Itu saja yang kita minta. Nak minta notis apanya, dia kata ada, pasal tadi dia angkat. Ini seleweng fakta. Ini dua kali seleweng ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi, terima kasih Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya tak seleweng fakta. Saya mohon jumpa dengan Dato' LA dan saya akan beri insyaAllah dan kepada Dato' Speaker juga.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Takdok masalah, kita bukan cakap *nipu* macam puak-puak lain.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakaf Mempelam, sudah-sudah Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Kita ada fakta.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dah *satning* angkat tu benda apa? Itu suatu penipuan, tindakan menipu. Dia angkat tadi, semua orang nampak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi, Jabi duduk. *Guaner dok minum air lagi pesengan ni. ...*(Dewan gelak) .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dia takmboh duduk, saya bangun balik.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi duduk, Wakaf Mempelam duduk.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jabi duduk dulu baru Wakaf Mempelam duduk.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Saya tengok Wakaf Mempelam duduk, saya duduk. ....(Dewan gelak) ....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): *Dok padan nge kecil, nawang teh. ....*(Dewan bertambah gelak)...

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Saya minta tarik balik Dato' Yang Dipertua kerana itu menghina secara peribadi tu. Dah kecil nak buat guaner tapi tak perlu sebutlah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dah tubuh halus daripada saya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dah, dah, panjang dah. Berseloka-berseloka juga tapi kita dah panjang dah dan saya minta peraturan dipatuhi, ya. Saya tak tahu macam mana bila Wakaf Mempelam dengan Jabi selalu jadi hangat. Saya nak pergi ke soalan seterusnya. Saya minta Batu Burok mengemukakan soalan seterusnya. Silakan.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, soalan nombor satu -

*Bilakah dijangka Pusat Perubatan Baru KTS - Kuala Terengganu Specialist Hospital di Batu Burok akan dibuka dengan rasminya?*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Bukit Besi.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Okey, soalan daripada Batu Burok iaitu soalan nombor satu: Bilakah dijangka Pusat Perubatan Baru KTS - Kuala Terengganu Specialist Hospital di Batu Burok akan dibuka dengan rasminya?

Jadi untuk jawapan kepada persoalan ini buat masa ini KTS dijangka akan mula beroperasi insyaAllah, harapan kitalah pada Januari 2018. Itupun bergantung kepada keputusan pemeriksaan yang akan dijalankan oleh pihak Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS). Permohonan daripada KTS kepada CKAPS telah dimajukan pada 21 Jun 2017 yang lalu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan pertama Batu Burok. Silakan.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Terima kasih Dato' Yang Dipertua, saya mohon penjelasan tentang kedudukan KTS ini kerana berlakunya kelewatan untuk kita membuka sebuah hospital specialist yang baru. Dan saya difahamkan ada beberapa masalah yang dihadapi oleh Hospital KTS ini sendiri. Yang pertamanya, berlakunya mendapan. Yang keduanya, apa yang disebut sebagai *fungus* yang tidak memungkinkan untuk hospital ini dibuka. Jadi saya pohon penjelasan, adakah perkara-perkara

ini berlaku kepada Hospital KTS kerana kita membelanjakan satu jumlah wang yang besar untuk pembinaan hospital ini dan sehingga kini masih tidak dapat digunakan?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Batu Burok. Sila Bukit Besi.

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Terima kasihlah Batu Burok yang pada sayalah begitu prihatin terhadap pusat perubatan baru KTS ini. Memang kita tidak menafikanlah ada beberapa perkara yang telah disebutkan tadi. Oleh kerana dengan masalah-masalah yang kita hadapi itu kita telah buat beberapa penangguhan tapi jawapan saya ni sepatutnya bahagian infra yang jawab tapi walau macam manapun bagi pihak saya dimaklumkan bahawa permasalahan-permasalahan ini memang kita kenal pasti dan kita cuba sedaya upaya kita supaya perkara-perkara yang disebutkan tadi itu kita dapat selesaikan dengan segerakan.

Oleh sebab itu, jawapan kepada persoalan itu, memang kita jangka insyaAllah dengan penyelesaian yang kita buat kita doakan supaya KTS kita akan dapat beroperasi pada 2018 ini. Okey, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih. Soalan tambahan kedua sekiranya ada. Tak ada? Saya nak pergi kepada Soalan Lisan seterusnya. Minta Wakaf Mempelam untuk mengemukakan soalan. Silakan.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

*Sila nyatakan berapakah jumlah bayaran Royalti Penggunaan Air dan Lesen Takungan Air di Stesen Janakuasa Sultan Mahmud (SJSM) Kenyir kepada Kerajaan Negeri Terengganu setiap tahun?*

YANG BERTHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Bismillahir Rahmanir Rahim. Wakil Wakaf Mempelam ada bertanyakan soalan berkenaan dengan: Jumlah bayaran Royalti Penggunaan Air dan Lesen Takungan Air di Stesen Janakuasa Sultan Mahmud (SJSM) Kenyir kepada Kerajaan Negeri Terengganu setiap tahun?

Untuk menjawab soalan daripada Wakaf Mempelam dan juga untuk makluman Dewan jumlah bayaran Royalti Penggunaan Air dan Lesen Takungan Air di Stesen Janakuasa Sultan Mahmud Kenyir Negeri Terengganu adalah sebanyak RM11,673,000.00. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Sila soalan tambahan pertama sekiranya ada.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Setahun ke RM11 juta lebih tu, untuk setahun ke?

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Ya, Yang Berhormat, untuk setahun.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau tak salah ingatan sayalah perjanjian untuk bayaran Royalti Penggunaan Air ini dan Lesen Takungan Air ini akan tamat dan kalau tak silap saya mungkin minggu depan kot dalam bulan lapan ini juga. Dan adakah Kerajaan memikirkan untuk nak kaji balik beberapa terma-terma dalam perjanjian itu. Saya tak tahu apakah telah dibuat ataupun akan dibuat untuk nak menyambung kontrak ini kerana kita rasakan kadar yang digunapakai itu agak rendah.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya masih ingat lagi semasa pembinaan dilakukan, kita habis ratusan, ribuan ekar kawasan hutan balak, habis begitu, bukit-bukit jadi pulau. Oleh kerana kita sayang kepada setengah-setengah hasil hutan kayu-kayan, kita cari orang Thailand, *underwater diving* untuk tebang pokok di bawah air, yang reput-reputlah, nak ambil kat mana sekarang, kita dah rugi cukup besar tetapi hasil pulangan yang negeri dapat amat tak berpadanlah. Saya mari mikir macam kes royalti minyak jugaklah itu sebabnya Sarawak sekali tuntutan 30%, kalau tak silap saya. Jadi itu sebabnya sekarang kita kena kaji balik untuk negeri kita, kita tak nak bergantung kepada royalti minyak selama-lamanya tetapi hasil yang ada ini bila orang guna, TNB memanglah dia naik sokmo tarif elektrik.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalannya Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalannya: Nak kaji balik bila dan apakah kaedah kalau boleh supaya kita mendapat pulangan yang lebih banyak? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakaf Mempelam. Sila Kemasik.

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Okey, terima kasih banyak kepada Wakaf Mempelam. Jadi daripada angka tadi saya buat pecahan sikit. Jumlah tahunan yang kita dapat sebanyak RM11,673,000.00 itu kalau ikut pecahannya ialah RM8 juta adalah untuk Royalti Air dan Lesen Takungan Air adalah sebanyak RM3,673,000.00 setahun. Dan memang betulah apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Wakaf Mempelam tadi

bahawa perjanjian sedia ada ini akan tamat pada 23 Ogos 2017. Dan Kerajaan Negeri sejak tahun lepas dalam perbincangan dengan pihak TNB dan belum dimuktamadkan lagi tentang Royalti Air dan juga Lesen Takungan Air yang akan dipersetujui bersama untuk sebagai nak sambung balik kontrak yang akan *expired* pada bulan Ogos ini. Proses ini tengah berjalan Yang Berhormat Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Ada soalan tambahan kedua? Sila Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya berharap supaya usaha kita untuk nak naikkan kadar ini berjaya kerana untuk makluman Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua CEO TNB sekarang Datuk Azman Mohamad adalah anak Terengganu, budak Gong Kapas. Saya sekelas dengan dia dulu, anak murid kepada Arwah Ustaz Haji Mat, ayah kepada Menteri Besar yang mengajar kami berdua di Sekolah SS Rendah dulu. Jadi oleh kerana sama-sama anak negeri dan ini untuk kepentingan negeri kalau boleh kita lebih serius untuk dapatkan sedikit hasil tambahan kepada negeri.

Jadi ekoran daripada itu saya juga nak minta penjelasan sedikit berhubung dengan benda yang sama tetapi perjanjian di Hidro Kenyir 2 dekat Tembat. Berapakah royalti yang kita dapat di Hidro Kenyir 2 di Tembat itu dan bilakah perjanjian dibuat dan bilakah ianya akan tamat di Hidro Kenyir 2 di Tembat ini? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Sila Kemasik.

YANG BERHORMAT IR HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Okey, terima kasih banyak sekali lagi kepada Wakaf Mempelam. Jadi yang saya kata tadi adalah Stesen Janakuasa Sultan Mahmud yang mana akan tamat pada 23 Ogos 2017. Dan proses untuk menandatangani perjanjian baru masih lagi belum dimuktamadkan dan itu adalah termasuk sekali dengan Janakuasa di Tembat dan Puah, Stesen Hidro Hulu Terengganu yang kita panggil, kita belum beri nama lagi yang mana itu adalah tambahan kepada SJSJ yang ada. Jadi Kerajaan berkeyakinan bahawa akan ada penambahan dari segi pendapatan kepada Kerajaan Negeri.

Jadi untuk makluman Dewan juga saya ingin berkongsi sedikit maklumat di sini bahawa sepanjang tempoh daripada kita bermula daripada 1987 sehinggalah tahun 2007 memang ada peningkatan dari segi royalti dan juga dari segi Fi Takungan Air. Jadi walau bagaimanapun, maklumat yang saya boleh *royat* sekarang ini prosesnya tengah berjalan dan adalah menjadi keutamaan kepada Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa perjanjian itu kita akan tangani, kita

akan tandatangani yang mana ianya tidak akan berat sebelah dan akan memberi faedah kepada Kerajaan Negeri.

Kita ucap terima kasih jugalah kepada Yang Berhormat Wakaf Mempelam yang sebut tadi pasal CEO, CEO TNB itu memang orang Terengganu dan memang beliau memberi komitmen bahawa benda ni orang kata dengan izin, *will be the best interest of* Kerajaan Negeri Terengganu.

Dan selain daripada hidro dan sebagainya TNB pun dalam proses berkira dengan Kerajaan Negeri Terengganu untuk bawa pembangunan yang lain-lain lagi itu atas dasar beliau anak Terengganu dan kesejahteraan Negeri Terengganu, rakyat Terengganu menjadi perkara yang mustahak kepada beliau. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey. Terus kepada soalan.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Okey, maklumat daripada *hansard* Dewan semasa Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad menjadi Menteri Besar Terengganu, ada maklumat menyatakan bahawa hasil daripada royalti pengeluaran tenaga elektrik di Kenyir ini akan ada kepada Kerajaan Negeri Terengganu jauh lebih tinggi daripada jumlah ini pada masa itu. Sekarang Dato' Yang Dipertua, saya bukan nak menyatakan soalan, ini merupakan hasrat, saya sangat hampa dan kecewa bila tahu jumlah royalti hanya terikat kepada RM11 juta lebih setahun. Air di Kenyir tu dia adalah merupakan paling besar takungan air di Asia Tenggara.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar, peraturan, ini adalah dalam sesi soalan-soalan tambahan .....

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dato' Yang Dipertua, saya minta penjelasan sikit.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): .... Macam mana kita hanya dapat RM11 juta .....

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar, saya hanya benarkan soalan tambahan sahaja. Tidak ada kenyataan. Terima kasih Bandar.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Nak tanya soalan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Saya nak tanya sikit Dato' Yang Dipertua, saya mohon penjelasan sikit. Tak, duk khabor *henset (hansard)*, dulu ada *henset (hansard)*, cuba baca *henset (hansard)* tu dulu kita nak dengar. Kalau *duk royat* saja dok betul, baca *henset (hansard)* tu.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tanggungjawab tu .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Saya nak minta baca dulu supaya kita semua boleh dengar. Jadi Yang Berhormat duk khabor *henset-henset* .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Telemong): Bukan *henset, hansard*.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): *Henset ke, hansard ke*, ikut pandailah tapi kita fahamlah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Okey, okey. Tak apa, jangan kacau saya, saya nak perhabis ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa Bandar. Terima kasih banyak Telemong. Saya nak ingatkan, ini bukan sesi penerangan, sesi soalan tambahan. Kita kena ikut peraturan .....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sikit lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar, saya tak benarkan. Nak tanya soalan, tanya soalan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya nak tanya ni, soalan dia .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Panjang dah ni. Sejam dah kita ni.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Soalan dia ialah boleh ke tidak pada 23hb ini Kerajaan Negeri merombak perjanjian yang pada saya bukan seimbang, bukan berat sebelah tapi menganianya Kerajaan Negeri Terengganu, boleh tak kita rombak perjanjian ini?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Kemasik.

YANG BERHORMAT IR HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Masa saya jawab sebelum ni, perjanjian berkenaan royalti dan juga fi takungan ini adalah dalam proses. Dan macam saya katalah, perkara ini diperhalusi oleh pihak berkuasa undang-undang Negeri Terengganu dan kita juga berpandukan kepada data-data yang ada sekarang. Contohnya, apa yang diaplikasikan di tempat-tempat lain, negeri-negeri lain dengan menggunakan kadar-kadar yang telah dipersetujui. Jadi bab rombak tu memang kita akan rombak. Bak nak beri janji *outcome dia* nanti, keputusannya keluarnya nanti daripada penelitian kita, saya yakin sekali lagi bahawa itu kita akan memastikan yang terbaik untuk Negeri Terengganu kita yang mana hasilnya akan lebih daripada apa yang kita dapat sebelum ini. Itu yang boleh saya *royat*. Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kemasik. Okey, alhamdulillah wa syukurilillah. Saya rasa sesi Soalan Lisan ini .....

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): ... saya Hishamuddin bin Abdul Karim, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Tepoh .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Batu Rakit.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Saya bangun dulu Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Saya Haji Bazlan bin Abd. Rahman, Ahli Dewan Undangan Negeri .....

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): ... bahawa Persidangan ini hendaklah ditangguhkan .....

*.....[Berlaku pertindihan suara di antara Wakil Batu Rakit dan Wakil Tepoh untuk pembentangan Usul Di Bawah Fasal 30] .....*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Batu Rakit, Tepoh, diam .....

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): .... persidangan hari ini hendaklah ditangguhkan ....



YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Batu Rakit .....

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): ... mengikut Fasal 30 .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Diam. Saya nak tanya Tepoh, Speaker terpaksa memilih yang berdiri dulu ke atau yang ternampak oleh Speaker dulu?

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Berdiri dulu.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Berdiri dululah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, saya nak tanya Paka, peraturan mana, fasal mana yang kata Speaker kena pilih Yang Berhormat yang berdiri dulu. Alur Limbat ke, siapa yang kata Speaker kena pilih yang berdiri dulu. Nanti kejap, saya nak tahu satu persatu, saya tak panggil lagi .....

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Atas jasa baik Speakerlah. Berilah balik ni sekali sebab *duk balik nun sokmo*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sebabnya saya terpandang dia. Saya terpandang dia, yang terpandang oleh Speaker.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Nampak macam terpandang jugak balik ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya baca apa yang Allah .....

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Speaker kena tengok balik ni sikit.

YANG BERHORMAT IR HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Speaker kita dia tengok di depan, dia tak tengok tepi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mintak maaf banyak Tepoh, minta maaf.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Penggal depan Tepoh mari duduk balik ni lah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Batu Rakit.

....[Berlaku pertindihan suara di antara Wakil Batu Rakit dan Wakil Tepoh membentangkan Usul Di Bawah Fasal 30] .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Diam.... Diam. Saya tak nak dengar mana-mana. Tepoh duduk dulu Tepoh. ....

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): ... bagi membolehkan Dewan yang mulia ini menyokong penubuhan Majlis .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: *Ruling*, Tepoh! Duduk dulu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Tahu Peraturan Dewan dok ni?

....[Berlaku pertindihan suara di antara Wakil Batu Rakit dan Wakil Tepoh membentangkan Usul Di Bawah Fasal 30] .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tepoh, Tepoh. Tepoh jangan degil. Saya gunakan perkataan 'degil' kerana melanggar Peraturan Dewan.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Hak ni pun keutamaan jugak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Batu Rakit.

....[Tanpa menghiraukan arahan/ruling daripada Y.B. Speaker, Wakil Tepoh masih lagi meneruskan pembentangan Usul Di Bawah Fasal 30-nya. Y.B. Speaker telah nonaktifkan mikrofonnya].....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya minta dua-dua duduk boleh tak!!!

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nanti kejap.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Guaner yang bekeng ngat hari ni ....(Sambil gelak) .....*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jangan bagi saya marah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong):  
Mawadah wa rahmah Speaker.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, duduk. Sebab saya tak sangka  
Tepoh macam ni.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang  
Berhormat Dato' Yang Dipertua, nak habis penggal dah ni .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, saya sabar tapi saya nak suruh  
duduk dulu.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):  
...Pembangkok tak diberi sekali pun untuk bentang usul.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya nak betulkan Paka, tak apa  
saya ambil masa sikit. Persidangan DUN Kali Pertama, saya membenarkan Wakil  
Batu Burok untuk bentang Usul Di Bawah Perkara 30. Mananya yang saya tak  
beri sekali? Salah tu.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):  
Yang kedua?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Biar orang nampak Tepoh ni  
bagus.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang  
Berhormat Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Paka duduk dulu Paka. Paka,  
sekejap Paka. Duduk dulu Paka.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tak, skrin  
ni nampak muka saya, jadi apabila saya bangun memang *confirm* nampak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya nampak.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Jadi  
sampai bila saya boleh nak buat usul kalau macam ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Paka, saya minta Paka datang sini,  
tengok skrin ni nampak siapa?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dah saya pun ada skrin juga. Tapi masalah Yang Dipertua kata nampak depan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Paka. Tak payah kita bertekak atas perkara macam ni.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tukul, tak ada tukul?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dewan ni bukan Parlimen, ya. Minta maaf Bandar kalau nak bertanding sekali lagi bertanding di Parlimen baru nampak tukul. Itupun kalau menanglah.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tapi Yang Berhormat Yang Dipertua, berilah ke Yang Berhormat Pembangkang sekali Yang Berhormat Yang Dipertua, usul. Bukan usul nak jatuhkan MB, Kerajaan ..... Wakil Kijal takdok.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Paka. Batu Rakit sila, hanya baca tak payah *detail*.

Cadangan Usul Di Bawah Fasal 30  
Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap  
Dewan Undangan Negeri

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Saya Bazlan bin Abd. Rahman, ADUN Batu Rakit mohon mencadangkan:-

*“Bahawa Persidangan hari ini hendaklah ditangguh mengikut Fasal 30, Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri bagi membolehkan Dewan yang mulia ini merundingkan isu Perumahan yang dilihat semakin mendesak dan merunsingkan penduduk di Negeri Terengganu ini.....”*

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Hak gitu tak perlu disegerakan Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit):

*“..... Usul ini adalah perkara tertentu kerana ianya melibatkan nasib dan hak rakyat Terengganu untuk memiliki kediaman sendiri. Bukannya kediaman mewah yang dipinta, sekadar tempat berteduh yang mampu memberikan keselesaan kepada seisi keluarga. Ditambah pula dengan keadaan demografik*

*rakyat Terengganu di mana golongan muda yang berusia di bawah 40 tahun ke bawah mewakili ....”.*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya rasa Batu Rakit sudah memadai.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bukan usul Yang Berhormat tu .....

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Dah usul hak guaner, usul?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Nantilah ya, kalau Paka rasa dia nak jadi Speaker, tunggulah penggal depan, ya.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): InsyaAllah, insyaAllah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dato' Speaker, dia Ketua Pembangkang .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya di sini masih lagi menjadi Speaker.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD IKSANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dah betullah saya tanya Speaker.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nanti Jabi. Duduk dulu Jabi. Jabi tak jadi Speaker lagi, biar saya dulu .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, saya nak bertanya .....

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dok dengar sungguh Jabi ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bentara .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Babir Jabi ni ....(Dewan terus gelak) ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bentara boleh pergi ambil usul tadi untuk saya baca dan saya buat penilaian. Bandar nanti dulu Bandar, saya tak baca lagi ni, sabar.

*....[Bentara Dewan bangun dan mengambil kertas usul daripada Wakil Batu Rakit dan menyerahkannya kepada Y.B. Speaker] .....*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ada menerima Usul Di Bawah Fasal 30, Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu berkenaan isu Perumahan. Perkara ini agak panjang maka saya memerlukan masa untuk membaca dan saya teliti, insyaAllah saya akan buat *ruling* selepas kita masuk nanti. InsyaAllah, kita akan masuk semula pada pukul 11.25 pagi.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, maka saya tangguhkan sementara Dewan yang mulia ini dan kita sambung balik pada pukul 11.25 pagi. InsyaAllah.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.55 PAGI.

#### PUKUL 11.25 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian mesyuarat disambung semula. Sebelum kita meneruskan agenda kita, sebelum kita berhenti rehat menangguhkan Dewan sebentar tadi, saya ada menerima Cadangan Di Bawah Fasal 30 Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu daripada ADUN Batu Rakit.

Ini berkenaan isu perumahan. Saya baca memang ada perkara-perkara tertentu memang ada kepentingan orang ramai namun tidak perlu disegerakan. InsyaAllah akan dibincangkan dalam agenda lain, insyaAllah.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Macam mana tak perlu disegerakan Dato' Yang Dipertua? Mustahak rumah ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Memang mustahak ada perkara tertentu tapi tidak perlu disegerakan. Akan dibincangkan dalam bajet nanti insyaAllah.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Takkan sampai orang tidur tanah belaka Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Batu Rakit.

### **USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS**

#### **USUL TAMBAHAN PERUNTUKAN PERBELANJAAN RANCANGAN PEMBANGUNAN 2017**

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin mencadangkan:

*"Bahawa menurut Seksyen Kecil (3) kepada Seksyen 4 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, Dewan Undangan Negeri ini membuat KETETAPAN bersetuju meluluskan tambahan peruntukan yang pertama daripada Kumpulan Wang Pembangunan untuk perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negeri bagi tahun 2017 sebagaimana ditentukan dalam JADUAL di bawah ini:-*

<b>JADUAL</b>		
<b>MAKSUD</b>	<b>TAJUK</b>	<b>TAMBAHAN (RM)</b>
P.02	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	100,000,000.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>100,000,000.00"</b>

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Butiran lanjut bagi maksud peruntukan-peruntukan ini bolehlah Ahli-ahli Yang Berhormat merujuk Kertas Dewan Bil.6/2017. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong Usul itu. Terima kasih.  
YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA DEWAN: Terima kasih Jabi. Usul ini telah mendapat sokongan maka sekarang saya buka untuk perbahasan sekiranya ada. Ahli-ahli Berhormat yang ingin berbahas sila. Saya bagi Jabi dahulu. Saya bagi kepada Pencadang Usul dahulu, lepas ni saya bagi pada Bandar. Okey, sila Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Alhamdulillah Rabbil 'Alamin. Wabihi nasta'in. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana memberikan peluang untuk saya sama-sama mengambil bahagian di dalam perbahasan usul kali ini. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mersyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat seterusnya Sidang Dewan yang dimuliakan sekalian.

Pertamanya, saya nak lahirkan rasa syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana pada sesi Dewan yang mulia pada kali ini dapat lagi kita sekali lagi bersama-sama untuk membincangkan dan membahaskan tidak lain tidak bukan isu-isu yang bersabit dengan kepentingan rakyat. Begitu juga sebagaimana yang telah dibentangkan dalam Usul oleh Yang Berhormat Wakil Kerajaan daripada Kuala Berang tadi berkenaan dengan ASV ataupun *Additional Supplementary Vot* dengan izin, ataupun permohonan Tambahan Peruntukan bagi bajet penggunaan tahun 2017.

Jumlah sebanyak RM100 juta sebagaimana yang telah diusulkan tadi adalah merupakan tambahan sebanyak 5.26 peratus daripada Bajet Pembangunan asal yang telah dibentangkan dalam Ucapan Bajet Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar bagi tahun 2017.

Dato' Yang Dipertua, saya nak fokuskan perbahasan saya ataupun ucapan saya ini kepada satu perkara di bawah sebagaimana yang terdapat di dalam lampiran yang disertakan iaitu di bawah tajuk Projek Program Pembasmian Kemiskinan Pembangunan Kampung Dan Masyarakat. Dengan Kod Kepalanya 17902 sebagaimana lampiran yang disertakan.

Dato' Yang Dipertua, dalam keadaan dunia dan negara kita khususnya sedang bertungkus-lumus untuk berhadapan dengan krisis ataupun kelembapan



ekonomi Kerajaan Barisan Nasional Negeri Terengganu ternyata tidak mengesampingkan atau tidak memandang rendah dalam aspek hal ehwal dalam hal yang berhubung kait dengan kebajikan rakyat.

Pada awal tahun dahulu setiap kawasan Dewan Undangan Negeri yang telah dipilih pada peringkat awal sudah menerima peruntukan untuk membaikpulih dan juga membina rumah. Dan saya dapati pihak Kerajaan telah memandang lebih luas dan juga lebih jauh ke hadapan dengan mengambil kira keseluruhan kawasan ataupun wilayah di dalam Negeri Terengganu ini ataupun lebih tepat lebih memperkembangkan usaha-usaha untuk membantu rakyat ini dengan tidak mengira kawasan atau wilayah dan telah meluluskan melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan membuat keputusan untuk membantu keseluruhan rakyat di Negeri Terengganu ini atau dengan lebih mudah lagi kita sebut di semua 32 buah DUN di dalam Negeri Terengganu.

Jadi dengan peruntukan yang telah diberikan sebanyak RM24,500,000 di peringkat awal dulu dengan pecahan untuk pembaikan rumah dengan kadar RM10 atau RM11 ribu satu buah rumah dan juga membina baru dengan kadar kos pembinaan sebanyak RM40 ribu. Apa maklumat dan fakta yang saya dapat kumpulkan ialah Insyallah jika kedua-dua pelaksanaan fasa ini dapat dilaksanakan dengan jayanya, Insyallah peruntukkan tersebut akan dapat membantu seramai 800 buah keluarga untuk membina rumah baru dengan peruntukan sebanyak RM32 juta. Iaitu dengan kadar purata anggaran 20 hingga ke 25 buah rumah satu kawasan Dewan Undangan Negeri dan jika kita darabkan dengan 32 buah DUN jumlahnya lebih kurang 800 hingga 850 buah rumah. Ini adalah satu jumlah yang sangat besar yang telah menampakkan usaha-usaha Kerajaan di bawah pentadbiran Dato' Seri Menteri Besar untuk meneruskan komitmen membantu rakyat dengan menyediakan mereka dengan kediaman yang paling asas walaupun mungkin bukan kediaman yang mewah tetapi kediaman yang paling asas khususnya kepada golongan yang kita sebut sebagai B40 ini.

Jadi hari ini Dato' Yang Dipertua, kami wakil-wakil di pihak Kerajaan ini sebenarnya berasa sangat terharu dan mengucapkan terima kasih kerana perkara ini walaupun nampak kecil RM40 ribu tetapi sudah banyak sebenarnya untuk membantu menyelesaikan masalah perumahan di kawasan masing-masing. Begitu juga dalam aspek kategori baik pulih rumah dengan kadar RM10 ribu ke RM11 ribu satu buah rumah satu jumlah yang sangat besar yang mana kalau dulu dikembangkan terhad kepada kita membaiki kerosakan dan juga menukar atap sahaja. Di dalam dasar yang terbaru ini Kerajaan Negeri telah mengembangkan skop kerja itu kepada kerja-kerja yang menggambarkan kepada menaik tarafkan kediaman-kediaman orang kampung rakyat Negeri Terengganu kepada yang lebih selesa. Mungkin kalau ada kerja-kerja yang tak

dapat mereka siapkan yang memerlukan kos mungkin RM5 ribu ke RM10 ribu lagi maka peruntukan ini dapat kita gunakan untuk membantu mereka.

Dalam hal ini Dato' Yang Dipertua jumlah yang telah diberikan dan insyaAllah akan diberikan tambahan lagi di dalam perbelanjaan di bawah vot ini, di bawah tajuk ini akan dapat membantu seramai ataupun sebanyak 2,900 buah rumah yang akan mampu kita baiki. Iaitu dengan kadar jumlah setiap kawasan Dewan Undangan Negeri 90 ke 100 buah rumah setahun yang dapat kita baiki untuk memberi kemudahan dan keselesaan kepada rakyat. Ini adalah sebenarnya satu jumlah yang sangat besar bagi rakyat dalam keadaan ekonomi kita yang kurang memberangsangkan dalam keadaan Pembangkang yang selalu duk bersarah kata kita nak bankrap, kita tidak pedulikan nasib rakyat dan sebagainya Kerajaan Barisan Nasional Negeri Terengganu telah membuktikan bahawasanya kita bekerja walaupun kita terpaksa ikat perut dalam aspek-aspek lain tapi dalam soal kebajikan rakyat kita tidak pernah mengurangkan bukan kata memotong bajet bahkan tetapi ditambah pulak RM1 juta bagi setiap kawasan Dewan Undangan Negeri.

Dan kita tak pilih pulak kawasan mana, menganak tirikan mana-mana kawasan Dewan Undangan Negeri. Yang ini sepatutnya kita perlu beritahu kepada rakyat bahawasanya inilah Kerajaan yang buat untuk kepentingan rakyat. Itu tidak termasuk lagi sepertimana yang disebut oleh Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri berkenaan dengan bentuk-bentuk bantuan. Kalau nak hurai bentuk bantuan ni saya rasa banyak sangat dan kita tidak mempunyai cukup masa kerana kita mempunyai terlampau banyak sangat bantuan yang kita sediakan untuk rakyat.

Dato' Yang Dipertua, pembinaan rumah yang bernilai RM40 ribu ini yang selalu kita sebut projek Perumahan Rakyat Termiskin atau PPRT ini dengan nilai RM40 ribu ini dengan keluasan lebih kurang 680 hingga ke 700 kaki persegi ini, bagi keluarga asas yang mempunyai 3 ke 5 orang ahli keluarga. Ini adalah satu ruang yang sebenarnya sudah memberikan keselesaan kepada mereka. Walau bagaimanapun, sukacita saya ingin menarik perhatian pihak Kerajaan jika dapat kita memperkembangkan lagi dasar ini kepada dasar pembinaan ini kepada Konsep NBOS ataupun persepakatan di antara agensi-agensi Kerajaan yang turut sama terlibat dengan pembinaan rumah yang diberikan percuma kepada rakyat ini.

Selain daripada pihak Kerajaan Negeri melalui pengurusan dan penyelarasan Pejabat Daerah kita dapati beberapa agensi lain juga memberikan bantuan rumah secara percuma kepada rakyat terutamanya seperti MAIDAM dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan seperti RISDA dengan Rumah Bina Negeranya dan juga rumah PPRTnya, Giat Mara dan beberapa GLC pun kita dapati juga memberikan bantuan dalam bentuk CSRnya yang berupa pembinaan rumah

secara dasarnya kepada rakyat ataupun Rumah PPRT. Jadi kalau ini kita dapat *integrated* ataupun selaraskan. Saya kira sebahagian daripada masalah perumahan kita turutamanya kepada golongan yang langsung tidak mampu untuk bina kediaman sendiri akan dapat kita atasi setiap tahun. Bayangkan katakan kalau kita dapat menyelesaikan setiap kawasan Dewan Undangan Negeri dengan kadar 20 hingga ke 25 buah rumah setahun dan setiap Kawasan Dewan Undangan Negeri ini puratanya kita ada lebih kurang 30 hingga 40 buah kampung. Jadi, dalam tempoh satu penggal pemerintahan atau 4 ke 5 tahun kita akan mampu menyediakan 100 buah rumah dengan purata 2 buah ke 3 buah setiap buah kampung dalam tempoh 5 tahun. Jadi sebenarnya kalau kita semak di setiap kawasan JKKK ataupun di kampung-kampung, senarai yang mereka hantar untuk orang yang layak dicadangkan untuk menerima Rumah PPRT ini lebih kurang dalam jumlah 3 hingga ke 5 orang. Jadi ini sebenarnya dengan strategi yang betul dan juga perancangan yang tersusun dalam tempoh 5 ke 10 tahun. Sepatutnya masalah tidak mempunyai rumah kediaman asas yang selesa di setiap Kawasan Dewan Undangan Negeri ataupun secara mikronya di setiap kawasan kampung JKKK kita akan dapat diselesaikan.

Dato' Yang Dipertua tertarik dengan satu konsep yang bukan diperkenalkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi tetapi oleh Menteri Pengajian Tinggi iaitu Yang Berhormat Ahli Parlimen Besut yang melaksanakan rumah dengan model yang sama, dengan skala yang sama, saiz yang sama tetapi dengan kos yang separuh daripada kos yang kita gunakan ini iaitu sebanyak RM20 ribu saja untuk membina menghasilkan satu buah rumah dengan spesifikasi yang sama yang dinamakan sebagai Rumah Komuniti. Difahami sehingga beberapa hari yang lepas ataupun sehingga pada waktu sekarang sebanyak 132 buah rumah telah dibina melalui konsep National Blue Ocean Strategy dengan izin ataupun dengan NBOS ini.

Jadi kalau pihak Kerajaan Negeri dapat mengambil contoh terhadap perjalanan urusan pembinaan ini mungkin kita akan dapat membina lebih banyak rumah dengan kos yang disediakan yang diperuntukkan yang sedia ada ini kerana beberapa agensi kadang-kadang mereka buat atau laksanakan dalam cara yang berasingan menyebabkan pada sesetengah masa pembinaan itu menjadi tergendala ataupun tidak betul dengan kumpulan sasar yang benar-benar memerlukan rumah ini. Menyentuh soal pembinaan Rumah PPRT ini juga Dato' Yang Dipertua, kita dapati pembinaan secara berkelompok ini dari satu aspeknya ialah boleh memberikan; satu dari segi masa iaitu lebih cepat dan dari segi kos ia akan jadi lebih efisien berbanding dengan kenaikan harga barang pembinaan pada masa ini mungkin memberikan lebih kelegaan kepada kontraktor-kontraktor yang membina rumah.

Tapi satu aspek yang perlu kita pertimbangkan juga ialah selain daripada pembinaan membantu mereka secara material ataupun fizikal, perlu juga kita ambil kira bagaimana pembinaan sahsiah keluarga-keluarga yang dibantu tadi.

Secara prinsipnya ialah apabila kita meletakkan sesuatu kumpulan dengan demografi dan juga profil yang serupa yang sama di dalam satu kelompok terasing mereka sendiri, secara asasnya mereka tidak akan dapat membantu diri mereka memperkembangkan keupayaan mereka. Ini adalah kerana beberapa kawasan perumahan berkelompok PPRT ini, selepas daripada kita bantu mereka kita selesaikan masalah perumahan wujud pulak masalah-masalah lain terutama dari segi sosial.

Jadi mungkin kita kena timbangkan semula sama ada adakah kita perlu meneruskan meletakkan mereka ini dalam satu kumpulan dalam satu berprofil yang sama ataupun kita letakkan mereka ini di tengah-tengah kumpulan yang dapat membantu mereka untuk mempertingkatkan keupayaan mereka. Sama ada dari segi ekonomi, dari segi akademi dan dari segi pembinaan sahsiah. Sebagai contoh mudah jer, kalau katakan dia tu daripada mak ayahnya terima Rumah PPRT, kemudian bila dia ada anak dan akan berkahwin dan kemudian beranak- pinak pulak dan duduk di Rumah PPRT tu jugak. Dan kemudian akhirnya generasi kedua dan ketiga ini pun minta Rumah PPRT juga macam mak dan datuk-nenek dia juga.

Jadi masalah ini dia akan berlarutan sampai bila-bila. Sebab itu kita dapati permohonan untuk memiliki Rumah PPRT ini semakin tahun semakin bertambah. Sedangkan dengan peruntukan yang telah kita berikan ini sepatutnya masalah ini telah diselesaikan lama kerana kita sudah mula membina Rumah PPRT ini, kalau katakan 10 hingga 20 tahun lepas sepatutnya generasi kedua yang menjadi anak kepada keluarga pertama yang menerima Rumah PPRT ini sudah dapat berdikari. Sudah dapat membina kehidupan mereka sendiri tanpa perlu bergantung dan duduk di rumah yang sama lagi.

Dato' Yang Dipertua, kemudian saya akhirnya nak menyebut jugak sikitlah terutamanya nak memberi kredit kepada pegawai-pegawai di pihak Kerajaan Negeri kerana kecekapan mereka melaksanakan kerja-kerja yang melibatkan urusan pembangunan dan pembinaan ini. Ada dua tiga perkara yang kita lihat perlaksanaan itu, *progress* itu dengan izin, berada di depan daripada jadual. Saya sempat memetik antara beberapa perkara, contohnya di bawah perkara Menaik Taraf Kompleks Sukan Daerah-Daerah kemajuan sebenarnya yang dicapai sekarang adalah 33 peratus berbanding jadual 28 peratus. Ini adalah satu kecekapan yang kita patut berikan kredit ataupun pujian kepada pegawai-pegawai kita yang terlibat.

Double Road Frontage Fasa 2, kemajuan fizikal sebenar 89.5 peratus berbanding jadual 87 peratus. Jadi, ini menunjukkan kesungguhan Pegawai-pegawai TCS dan pegawai-pegawai sokongan di dalam menjiwai ataupun orang kata cuba melaksanakan selaras dengan apa yang dikehendaki oleh pihak Kerajaan. Dan perkara-perkara yang dibuat di Tasik Kenyir itu ialah satu perkara yang boleh

kita banggakan. Contohnya, dengan pengumuman Kawasan Bebas Cukai yang baru dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar adalah satu ikon baru yang boleh menarik orang datang kepada kita dan hasil daripada itu nanti akan memberikan pendapatan-pendapatan selain daripada pengusaha-pengusaha di Kawasan Bebas Cukai tersebut juga pendapatan-pendapatan sampingan kepada orang-orang yang berada di sekitar kawasan tersebut.

Cuma malangnya Dato' Yang Dipertua, ada pulok hak jenis *peseng* bijak ini pergi masuk kot dalam lalang pergi pulak ke pulau pergi ambil gambar kemudian viralkan di dalam media sosial kata Kerajaan mengumumkan Kawasan Bebas Cukai itu satu perkara yang kononnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar menipu rakyat. Ini yang dibawa oleh muslimat PAS. Dia bertukar sebenarnya, Kedai Bebas Cukai itu sebenarnya bukan di Pulau Bayas sebagaimana yang disebut tetapi di Pengkalan Gawi. Tapi bagus jugaklah, sekurang-kurangnya ada jugak berasa nak pergi beli Coklat Daim.

Tapi tak betullah macam tu, dalam keadaan kita bertungkus-lumus mereka meviralkan sesuatu perkara yang tidak betul. Saya ingat ini jauhlah daripada konsep yang diwar-warkan oleh kepimpinan parti-parti politik apa yang selalu kita sebut Politik Matang. Kalau Politik Matang yang bagus itu sepatutnya kita sama-sama sokonglah. Yang tak bagus itu mungkin dapat sama-sama kita perbetulkan. Tidak ada niat pihak Kerajaan untuk melaksanakan benda yang tidak bagus, tetapi mungkin dalam pelaksanaan itu timbul beberapa perkara yang membawa kepada masalah-masalah yang dilihat sebagai membantutkan rancangan pembangunan sebagaimana yang disebut tadi KTS mungkin ada sedikit masalah di luar jangka. Kulatnya di dinding dan sebagainya. TNB contohnya.....

Jangan kita lihat Tasik Kenyir itu saja dari segi royalti yang kita dapat RM11 juta setahun tetapi kesan daripada pembangunan Tasik Kenyir itu sendiri apa yang dibuat oleh TNB itu sebenarnya telah memberikan limpah rahmat dan nikmat yang lebih banyak dalam aspek yang kita tidak nampak, peluang-peluang lain, jadi kalau duk berbincang sahaja pasal royalti itu sebenarnya kita seolah-oleh menafikan, selain daripada itu sebenarnya banyak lagi. Sebenarnya nikmat yang telah dinikmati oleh anak-anak ataupun rakyat Negeri Terengganu hasil daripada projek pembangunan.

Jadi saya mengucapkan syabas kepada pihak Kerajaan Negeri dan teruskanlah usaha-usaha ini jangan lagi kita menoleh ke belakang kerana kita cukup berpengalaman daripada tahun-tahun yang lepas, berpuluh-puluh tahun dahulu. Siapa yang tidak ingat, bila ketika kita mula membina Jambatan Sultan Mahmud ada yang mengata macam-macam, ada banyak perkara yang sinis tetapi apabila siap merekalah orang yang pertama lalu di atas jambatan itu. Begitu juga projek-projek pembangunan lain, apabila siap, mereka jugaklah orang yang

mendapat manfaat daripada pembinaan itu, hasil daripada perancangan dan pemikiran yang teliti daripada pihak Kerajaan Barisan Nasional Negeri Terengganu.

Jadi, Dato' Yang Dipertua, itulah yang saya nak sebut sedikit sebanyak pada hari ini dan yang lain-lain itu mungkin rakan-rakan lain boleh tolong sentuhlah. Cuma apa yang kita nak ingatkan ialah Kerajaan Barisan Nasional Negeri Terengganu tidak sesekali akan kompromi terhadap kebajikan rakyat walaupun diambang ataupun walaupun dalam keadaan kita berhadapan dengan krisis dan masalah ekonomi. Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Jabi. Saya bagi Bandar dulu. Lepas ni saya bagi Batu Burok insyaAllah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, terima kasih kerana memberi saya peluang. Dewan diminta untuk mempertimbangkan tambahan peruntukan untuk tujuan pembangunan, P.02 sebagaimana Kertas Dewan 6/2017 hari ini. Jumlah yang dipohon atau diminta untuk dipertimbangkan adalah sebanyak RM100 juta. Berdasarkan kepada kertas edaran Dewan yang diberikan kepada semua ada 10 perkara ataupun item yang disenaraikan untuk penggunaan RM100 juta yang nak kita ambil atau nak kita tambah kepada Kerajaan Negeri yang paling besar di sini adalah RM10 juta untuk kegunaan Pembangunan Pelancongan Tasik Kenyir - Tambahan.

Kemudian, RM23 juta untuk Pembangunan Kawasan Bebas Tasik Kenyir. Sepatutnya Tasik Kenyir sahaja mengambil separuh daripada peruntukan tambahan yang kita nak luluskan ini. 50 peratus pergi kepada Pembangunan Tasik Kenyir tak ada kena mengena dengan perumahan rakyat miskin ke, hantar beras ke apa, tidak ada. RM100 juta pertama separuh untuk Tasik Kenyir sahaja. Perkara ketiga ada yang kecil-kecil *road frontage* adalah itu nilai dia sikit sangat RM3 juta. Kemudian adalah Program Pembasmian Kemiskinan Pembangunan Kampung dan Masyarakat. Okey, ini ada jumlahnya agak besar juga RM30 juta tetapi, saya nak tegaskan di sini dua item pertama yang ditekankan keperluan untuk kita tambah RM100 juta ini adalah untuk Tasik Kenyir. Sebab itu saya kata selalunya kepada Kerajaan apabila menghampiri pilihan raya ketepikan dululah isu-isu berkenaan Pembangunan Tasik Kenyir yang tak ada kena mengena yang *direct* manfaat kepada rakyat.

Kami pembangkang ni, tapi kami merasa hairan kenapa Kerajaan masih lagi tumpukan kepada benda macam ni? Pilihan raya dalam tiga bulan ataupun lima bulan. Selalunya Kerajaan Negeri atau sesuatu Kerajaan akan pilih perbelanjaan tambahan dan sebagainya tertumpu untuk meraih sokongan dan mengambil hati rakyat tetapi kita tidak. 50 peratus kita nak curah dalam Tasik Kenyir lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar, saya nak ulang semula. Sebanyak 50 peratus daripada?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Daripada 100 juta yang kita pohon hari ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jumlah berapa kedua-dua itu?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): RM10 juta dan RM23 juta. Lebih kurang RM33 juta.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kalau RM33 juta dalam kiraan saya tak sampai 50 peratus.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sebab dia akan ada *wastage*, dia akan ada jumlah yang akan di .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukan, sebab saya nak betulkan sebab saya nak beri teguran kepada Bandar jangan cuba selewengkan fakta. Jadi saya nak jelaskan di sini kalau angka dia 33 peratuslah maka 33 peratuslah. Bukan 50 peratus ya. Saya bukan memihak mana-mana tetapi saya nak bacaan tu mesti betul. Terima kasih.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Okey, 33.8 peratus jumlah itu nak dicurahkan ke dalam Tasik Kenyir.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Dato' Yang Dipertua, mohon penjelasan sikit sebab ia melibatkan fakta yang disebut oleh Bandar tadi.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya tak bagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar tak bagi Kuala Besut.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya melihat di antara *priority* yang nak kita buat pada hari ini menggunakan Dewan Undangan Negeri. Saya mengambil kira perkataan atau sebutan tadi kerana Dato' Yang Dipertua kita baru menerima buku Penyata Kewangan yang terbaru, kita tak ada buku Penyata Kewangan Tahun 2017. Panduan kita pada tahun 2016 sahaja. Semua orang terima, semua Ahli Dewan terima di sini. Di sini ada dicatat bahawa hasil kita Negeri Terengganu ini telahpun merosot tahun lepas sebanyak RM600 juta hasil kita maknanya terimaan kita dan merosot RM600 juta berbanding tahun 2015. Dulu kita ada RM1.952 bilion. Tahun lepas 2016 kita merosot kepada 1.39

peratus maknanya merosok RM600 juta. Saya yakin tahun 2017 ini dia lebih merosot lagi kerana dia berpandukan kepada perolehan daripada pengiraan dana khas yang bersumberkan minyak dengan gas. Ini kita semua faham yang harga di pasaran dunia merosot. Di samping kemerosotan nilai matawang sudah tentu Yang Amat Berhormat Menteri Besar masa pembentangan Belanjawan dah sebut. Kita risau kerana berlaku penurunan cara mendadak dan berlaku juga kerana penilaian harga minyak setong telahpun jatuh di luar kawalan kita menyebabkan terganggu, terkesan kepada penerimaan kita. Ini saja pun kita telah hilang RM600 juta. Kemudian, dalam buku Laporan Kemajuan dan Buku Penyata Kewangan Negeri Terengganu ini juga ada menggariskan bahawa defisit kita defisit sekarang defisit tahun 2016 sahaja yang tahun 2017 kita belum kira berapa defisit sebenar. Ini yang sebenar. Oleh kerana jumlah keseluruhan hasil tahun lepas RM1.604 bilion perbelanjaan kita tahun lepas RM1.867 bilion maknanya kita berdefisit sebanyak RM262.3 juta menjadikan defisit kita 16.3 peratus tak pernah ada defisit setinggi ini dalam sejarah Negeri Terengganu. Tahun sebelumnya 6 peratus, tahun sebelumnya 2014 - 6 peratus dan sekarang 16 peratus - tahun 2016. Kita takut tahun 2017 ni akan ada satu angka, kalau boleh kita tak mahulah.

Tak dengar, minta maaf Dato' Speaker, Dato' SUK ada berhajat untuk menyebut sesuatu. Boleh?

Jadi berasas kepada buku Penyata Kewangan ini yang dibagi kepada semua orang dah ada perbandingan ini dipetik daripada angka yang dicetak dalam buku Penyata Kewangan. Muka suratnya ada, *paragraphnya* semua ada. Ini bermakna kepentingan kita untuk meluluskan tambahan RM100 juta ni pada saya seboleh-bolehnya saya merayu kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar boleh ke tidak, kalau nak juga kita luluskan RM100 juta hari ini boleh ke tidak kita batalkan untuk Tasik Kenyir sebanyak RM33 juta kita alih RM33 juta kepada yang *direct* kepada kegunaan rakyat Terengganu semasa ini sekiranya bersetuju. Saya tidak membantah. Saya kata saya bagi pihak DUN Bandar tidak membantah pertambahan RM100 juta ini yang dipakai untuk pembangunan tapi saya memohon batalkan kegunaan untuk peruntukan Tasik Kenyir RM33 juta 2 *item* pindahkan kepada kegunaan lain yang lebih mustahak yang lebih langsung, *direct* kepada kegunaan rakyat di Terengganu. Kita tahu banyak kegunaan rakyat selain daripada subsidi, kegunaan beli ubat-ubatan. Sekarang ini saya difahamkan *centrel supplier* pembekal berpusat sedang menghadapi masalah kerana di banyak peringkat di negeri-negeri yang bayaran untuk pembekalan ubat secara berpusat telah tergendala kerana tidak punyai cukup dana kewangan menjadikan barang kali pembekal ubat ini terpaksa *reduce* ataupun mengurangkan kualiti ubat yang diimport kerana masalah tidak cukup dana maka rakyat kita terdedah kepada penerimaan bekalan ubat yang *substantial* ataupun yang kurang berkualiti kerana kurang masalah peruntukan dan ada juga pembekal-pembekal yang langsung menyatakan mereka tidak lagi membuat



pesanan-pesanan baru kerana terpaksa menanggung masalah bebanan hutang yang tertunggak.

Dato' Yang Dipertua, banyak lagi contoh yang berkenaan dengan kita alih daripada kita curahkan kepada Tasik Kenyir kepada yang *direct* kepada rakyat bukan bermakna saya .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Mohon laluan Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Bukan bermakna..... Saya nak habiskan ayat ini.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Nak tanya pasal hak ubat-ubat ni sikit.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ya? Ubat-ubat ni kita bagi Ahli Exco yang jawab.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Ahli Dewan berhak tanya kalau dapat laluan. Nak tanya pasal ubat ni.....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya rasa semua orang tahu pasal tadi .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Adakah maksudnya institusi kesihatan kita di Negeri Terengganu ini terlibat juga dengan ubat yang kononnya *didowngrade* ataupun *direducekan* kualitinya kerana masalah pembayaran? Kalau ada saya minta Wakil Bandar sebut secara spesifik kejadian ini berlaku di mana dan di hospital mana, pembekal mana yang membekalkan ubat tu ke hospital mana?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Okey terima kasih. Tunggu saya jadi Exco Kesihatan dulu baru saya jawab. Terima kasih. Dato' Yang Dipertua, kebimbangan kita.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, kita tidak boleh membiarkan Dewan ini membincangkan satu perkara yang setakat *hearsay* dengan izin, kalau tak dapat dibuktikan pembekalnya di mana, adakah perkara ini berlaku di Negeri Terengganu kerana kita membincangkan berkenaan dengan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Macam ni Jabi ya, kita ikut peraturan. InsyaAllah Exco Kesihatan akan jawab. Betulkan fakta, saya nak

ingatkan sekali lagi bukan ADUN Bandar sahaja, kepada semua. Sepertimana ucapan saya tadi kita semua berkata benar, berkata fakta bukan auta. Berkata yang betul-betul, kita jangan ganggu orang, jangan menyebabkan orang rasa tak senang. Kita berjuang untuk rakyat, kita dipilih oleh rakyat adalah amanah besar. Sila Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Saya tak berhajat nak menyentuh tentang Perbelanjaan Mengurus sekarang cuma saya tumpukan kepada Perbelanjaan Pembangunan untuk rakan-rakan kita terutama Jabi, ya. Kalau kita buka buku ni dia ada dua frasa. Lampiran 1, Penyata Perbelanjaan Mengurus. Kemudian kita belek sikit lagi, dia ada tulis Penyata Perbelanjaan Pembangunan. Jelas, satu Mengurus satu Pembangunan. Saya harap kita tidak tersasar dan saya mengingatkan diri saya supaya tidak tersasar perbahasan ini dan saya merujuk kepada sektor pembangunan sahaja iaitu P.92 yang kita ada dibekalkan kepada semua orang sebagai panduan.

Jadi, di sini Dato' Yang Dipertua. Di sini saya sebut tadi, jumlah terbanyak ditumpukan kepada Pembangunan Tasik Kenyir. Kemudian, yang kedua kita ada berkenaan dengan Program Pembasmian Kemiskinan yang Jabi panjang lebar sebut satu item tadi yang berkenaan dengan rumah. Betul, saya juga menyokong tetapi Dewan ini saya nak petik pengesahan yang dibuat oleh Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Syahidan Kassim pada 10 Ogos yang lalu dia memberi jawapan di dalam Dewan Parlimen mengatakan matlamat Kerajaan untuk membina rumah termasuklah Rumah PR1MA, Perumahan Rakyat 1Malaysia berjumlah 500 ribu unit dan 1 juta unit termasuk perumahan berkategori yang lain tetapi sehingga 10hb Ogos, beliau memberi penjelasan dan jawapan hanya 8,475 unit rumah sahaja yang telah siap dibina sehingga kepada tarikh dia menjawab daripada matlamat 500 ribu, 8,475 angka tepat. Saya ulang dua kali dah yang dia bagitahu kepada Parlimen. Sekarang, di Negeri Terengganu berapa buah rumah PR1MA yang siap? Kenapa Jabi tidak tanya berkaitan dengan perumahan tadi berapa unit yang siap di Negeri Terengganu. Jawapan dia tiang sebatang pun belum ada. Di Negeri Terengganu belum ada satu rumah pun lagi PR1MA yang bukan saja siap, yang diusahakan untuk bina. Ini maklumat yang diberikan oleh Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, bukan saya, bukan pembangkang. Jadi, berkenaan dengan isu ini yang dibangkitkan tu betul tetapi faktanya kita kena beritahu. Kita jangan seleweng. Sehingga hari ini tidak ada .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, saya pohon penjelasan. Adakah Bandar menyebut bahawasanya perbahasan saya sekejap tadi menyelewengkan fakta? Saya mohon penjelasan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ya..ya.. tak seleweng. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): *Corner* semacam.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Jadi, 8,475 ini jauh *substantial*, jauh daripada sasaran sebenar seluruh negara Dato' Yang Dipertua. Jadi, sekarang, selepas ni kita akan ada satu rang undang-undang yang berkenaan dengan tanah. Saya rasa saya tak nak timbulkan sekarang, kita boleh bincang satu persatu. Kerisauan berkenaan dengan jumlah ini sangat-sangat.... Orang Terengganu kata sakit hatilah. Di Terengganu *takdok sehabuk* keseluruhan baru 8,000.

Sekarang dalam perkara 17904 - Sub Kepala dalam P.02 Belanja Pembangunan yang dia tumpukan kepada Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan. Jadi, daripada sini ada Program Pembasmian Kemiskinan, Pembangunan Masyarakat Kampung Dan Masyarakat; Bina Baru RM40 ribu DUN, Baik Pulih RM11 ribu DUN. Saya menganggarkan *detail* ini bermaksudnya barangkali terhadap rumahlah. RM10 ribu untuk DUN, Bina Baru dan Baik Pulih RM11 ribu. Jumlah keseluruhan peruntukan yang nak diluluskan RM32 juta. Jadi, kepada Exco yang membentangkan usul ini kalau boleh kita *detailkan* dan saya pohon bukalah ruang untuk kita bincang dan memberi pandangan kerana dalam semua item ini yang hanya *direct* dan langsung kepada rakyat Terengganu adalah item 17902 sahaja iaitu sebanyak RM32 juta menyentuh pada pandangan sayalah, dia menyentuh sebab ia ada menyentuh pandangan rumah sebab ia ada menyentuh baik bina baru dan baik pulih.

Saya berharap Yang Berhormat Exco memberi penerangan dan kita akan *detailkan* perkara ini. Perkara ini sangat mustahak. Saya secara peribadi mewakili DUN Bandar, kalau item ni ada 10 Dato' Yang Dipertua, saya rasa item yang duduk nombor satu yang paling mustahak ialah item Program Pembasmian Kemiskinan iaitu pada pandangan saya berkenaan dengan rumah dan saya sokong Jabi. Bukan saya tak sokong tadi, saya sokong. Tetapi jangan bercerita berkenaan rumah yang sebenarnya tak ada di Terengganu. Peruntukan itu tak ada.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Adakah dalam ucapan saya tadi Wakil Bandar mendengar saya bercerita tentang perkara yang tidak ada di Terengganu. Saya membentangkan fakta-fakta berapa buah rumah yang dapat dibaiki dan dibina melalui peruntukan ini.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, saya ingat ini dah dua tiga kali cuba untuk mengelirukan Dewan

dengan menyebut perkara yang saya tidak sebut. Dan Dato' Yang Dipertua, adakah Bandar bermaksud bahawa 9 lagi ini Program Pembangunan Kerajaan tidak dapat memberi manfaat terus kepada rakyat. Contoh, pembinaan jalan, pembinaan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Macam ni, kejap ya, Jabi kejap. Sebab tu saya ingatkan Bandar, kalau kita nak orang hormat hak kita, kita hormat hak orang.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya bagi kredit kat dia tadi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yalah mungkin itu tidak disukai, tidak direstui oleh Jabi. Jadi elakkan menyebut perkara-perkara yang boleh menyinggung ya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, saya minta dia tarik balik kerana saya tidak menyebut berkenaan dengan perkara yang tidak berfakta. Saya menyebut fakta berkenaan dengan baiki rumah dan juga bina baru. Saya rasa dia main *handset* tadi tu masa saya bercakap.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey Jabi, Bandar .....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kalau Jabi tak suka saya puji dia pasa rumah, saya tarik baliklah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Hak puji tu saya ucap terima kasihlah. Terima kasih banyak-banyak atas pujian tapi mohon tarik baliklah sebab menyebut benda yang saya tak sebut. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Teruskan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kita *check hansard* lah mana satu. Perkara kedua yang saya nak bangkitkan ialah tadi berkait dengan tumpuan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Panjang lagi ke Bandar?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya ada berapa minit lagi?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sepatutnya dah habis dah. Dah 18 minit. Tapi saya bagi lagi 2 minit tak apa.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Perkara yang seterusnya nak bangkit ialah berkenaan dengan perbelanjaan kita selama 5 tahun Dato' Yang Dipertua. Ini mustahak jugaklah saya nak bagitahu kerana barangkali orang lain tidak ada masa atau tidak ada berkesempatan menyebut tentang perkara ini.

Saya melihat buku Penyata Kewangan Tahunan kita ni. Di sini ada 5 tahun dibentangkan Belanja Mengurus sahaja yang kita guna pakai untuk Negeri Terengganu. Tahun 2012 - RM2.39. Tahun 2013 - RM2.477. Tahun 2014 - RM2.7. Tahun 2015 - RM2.3. Tahun 2016 - RM1.8. Menjadikan keseluruhan 5 tahun kita telah guna sebanyak RM11.83 bilion. Dalam masa 5 tahun sahaja RM11.83 bilion kita telah habiskan jumlah ini untuk mengurus sahaja tidak termasuk pembangunan. Ini adalah laporan daripada buku ini.

Maka yang akhirnya Dato' Yang Dipertua, saya pohon sementara Kerajaan punya kuasa, duduk ditampuk kuasa, saya mintak tolong usahakan supaya teliti semula ada tuntutan yang kita boleh buat kepada Kerajaan Persekutuan atau mana-mana badan di peringkat Negeri Terengganu untuk kita mendapat balik pulangan atau hasil kita yang terlupa kita mintak. Satu contoh Dato' Yang Dipertua, semua orang tahu 1MDB itu berasal daripada Terengganu. Lesennya TIA kita keluarkan modal RM1 juta untuk permulaan untuk daftarkan TIA. Sekarang TIA telah ditukarkan kepada 1MDB, transaksinya berjumlah lebih daripada RM50 bilion. Apa yang Terengganu dapat daripada hasil modal permulaan RM1 juta. Itu modal daripada kita. Maknanya Negeri Terengganu telah mengeluarkan modal permulaan untuk berniaga. Kita dipulangkan balik harga yang sama digunakan modal kita untuk berniaga, menggunakan nama kita sehingga menghasilkan transaksi lebih daripada RM50 bilion. Macam mana kita boleh berpuasa hati dengan terima balik sahaja RM1 juta kepada Kerajaan Negeri? Tak boleh. Tak ada perniagaan di dunia ataupun planet *universe*, mana ada orang berniaga macam ni. Bagi modal RM1 juta, buat perniagaan akhirnya menjana keuntungan ataupun transaksi yang besar kita hanya dibenarkan pulang balik pinjam modal permulaan RM1 juta, itu sahaja untuk Negeri Terengganu atas tiket kapasiti kita TIA lesen yang besar tukar kepada 1MDB pengurusan dia, entiti dia, orang lain dapat RM50 bilion boleh jadi RM80 bilion sekarang ini nilai transaksinya. Terengganu cuma dipulangkan RM1 juta sahaja, mintak tolong. Kita fikirkanlah bersama. Cukuplah kita dianiyai atau orang kata *disubstandard* dengan keadaan kita. Tak boleh Dato' Yang Dipertua.

Terima kasih banyak dan saya menyokong peruntukan tambahan ini tetapi dengan pindaan tumpukan kepada kegunaan rakyat dan batalkan untuk kegunaan Tasik Kenyir tadi. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA DEWAN : Okey, terima kasih Bandar. Sila Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, seluruh pimpinan Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat serta pegawai-pegawai kerajaan.

Saya juga ingin turut untuk memberikan sedikit pandangan saya dan juga sikap tentang Rang Undang-undang Pembekalan Tambahan 2017 yang ingin diperuntukkan pihak Dewan ini sebanyak RM100 juta. Sebarang usaha untuk mendapatkan perbelanjaan tambahan adalah sewajarnya kita asaskan kepada amalan urus tadbir yang baik dan bukan semata-mata kerana kita mampu untuk berbelanja.

Dato' Yang Dipertua hari ini Dewan dijangka dan akan meluluskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2017 sebanyak RM100 juta daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan oleh negeri bagi menampung perbelanjaan bagi tahun 2017. Persoalan yang perlu kita lihat secara keseluruhan dalam tambahan yang kita pohon di dalam Dewan yang mulia ini adalah mungkin hujah kita adalah keperluan pengurusan dan juga pembangunan yang memerlukan Kerajaan kepada tambahan ini. Namun, kalau boleh kita cuba untuk dengan izin *reflectkan* kembali kedudukan kewangan Kerajaan Negeri dalam suasana yang ada sekarang.

Telah banyak diperkatakan di Dewan ini bahawa kebergantungan kita, Kerajaan Negeri atau *over reliance* kepada *oil and gas* ataupun minyak dan gas ini setiap tahun adalah melebihi 90 peratus. Ini merupakan suatu yang kita terus menerus berbahas dan perbincangkan bagaimana kita nak dengan izin, *overcome* suasana yang ada ini tetapi kita berhadapan dengan suasana ekonomi yang tidak menentu. Ekonomi global di peringkat negara dan juga di Negeri Terengganu ini sendiri. Kalau kita masih terus bergantung dengan minyak dan gas dengan Dana Ehsan dan Dana Khas yang disediakan oleh Kerajaan Pusat maka kita akan berhadapan dengan suasana yang lebih menghimpit terutamanya di kalangan rakyat yang terpaksa menanggung segala kesusahan kehidupan terutamanya bebanan GST dan kos sara hidupnya yang kian meningkat. Dan juga dalam kalangan anak-anak muda yang keluar daripada pusat-pusat pengajian tinggi, bukan sahaja tidak mampu mencari pekerjaan, peluang-peluang pekerjaan yang terlalu terhad termasuk di Negeri Terengganu ini tetapi mereka juga terpaksa menanggung hutang pembelajaran PTPTN yang begitu besar yang terpaksa ditanggung oleh mereka.

Negara kita juga berhadapan dengan *a weakening ringgit* dengan izin, atau nilai ringgit kita yang menurun. Beberapa hari yang lepas pun kita meraikan Jemaah Haji kita yang akan pergi ke Makkah dan nilai ringgit kita berbanding dengan Arab Saudi adalah terbalik sekarang ini. Kalau dulu mungkin RM80 kita boleh dapat 100 Saudi Riyal. Sekarang ini mungkin RM100 lebih duit kita baru boleh dapat 80 Saudi Riyal. Ini suasana realiti yang berlaku.

Dato' Yang Dipertua saya ingin melihat kepada spesifik dalam peruntukan tambahan ini iaitu projek 03944 ataupun Pembangunan Kawasan Bebas Cukai Tasik Kenyir. Peruntukan Dalam Anggaran telah diperuntukkan sebanyak RM37 juta untuk tahun 2017 dan tambahan yang dikehendaki adalah RM23 juta. Ini merupakan suatu yang besar. Kalau kita *accumulate* dengan izin, kita nilaikan keseluruhan setiap tahun berapa banyak yang telah kita telah luluskan di dalam Dewan yang mulia ini peruntukan untuk membangunkan Tasik Kenyir. *I have my concern* Dato' Yang Dipertua dengan izin, saya ada merasakan sesuatu yang perlu untuk kita cari suatu jalan penyelesaian yang terbaik kerana kita perlu menerima kenyataan bahawa projek kawasan bebas cukai di Tasik Kenyir ini *is a sick project* dengan izin, satu projek yang sakit yang terpaksa kita rakyat Terengganu pikul. Dan anggaran keseluruhan yang kita telahpun berbelanja ataupun mengeluarkan perbelanjaan dengan kelulusan di Dewan yang mulia ini mungkin telah mencapai hampir setengah bilion ataupun RM500 juta. Kita difahamkan, kita diberitahu, kita dimaklum, kita dijanjikan di Dewan ini bahawa Kawasan Bebas Cukai ini akan beroperasi tahun 2014 lagi dengan janji-janji yang begitu manis dengan dikatakan akan ada 20 kedai barangan bebas cukai akan ada *investment* daripada luar lebih daripada RM1.8 bilion syarikat-syarikat daripada luar negara syarikat-syarikat daripada China dan sebagainya dengan pelaburan-pelaburan yang begitu besar.

Ini yang menjadi saya rasa agak *concern* saya Dato' Yang Dipertua, dengan kita masih lagi berterusan menampung lompong-lompong dan kebimbangan saya sudah tidak mampu lagi menampung-nampung lubang yang ada ini yang terlalu dalam, lubang yang ada di Tasik Kenyir ini yang akhirnya kita akan berhadapan dengan masalah yang lebih besar.

Dato' Yang Dipertua saya ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini di peringkat ini sudah sampai masanya kita Ahli-ahli Dewan sama ada saya daripada pihak pembangkang ataupun di pihak Kerajaan mengambil inisiatif di atas fasal yang *the next step*, fasal menyelamatkan Pembangunan Kawasan Bebas Cukai Tasik Kenyir. Kita kena terima hakikat *the fact* bahawa *this is a sick project*. Projek ini bermasalah dan kita terpaksa menanggung bebanan yang begitu besar. Jadi cuba kita fikirkan apakah mekanisma yang terbaik bagi kita menyelamatkan setengah bilion duit rakyat Negeri Terengganu yang dicurahkan kepada projek-projek bebas cukai di Kenyir itu sendiri.

Dato' Yang Dipertua, selain daripada itu kebergantungan kita *over reliance* kita kepada minyak dan gas ini, saya pertama-tamanya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang akhirnya setelah hampir 40 tahun kita menubuhkan Majlis Petroleum Terengganu ataupun TPC yang dikatakan akan menjadi pemangkin untuk melindungi hak dan kepentingan negeri dalam industri minyak dan gas.

Saya ingin mencadangkan terus kepada Kerajaan Negeri dalam penubuhan atau Perasmian Penubuhan Majlis Petroleum Terengganu atau TPC ini. Kita memberikan dua tumpuan yang terbesar, yang pertamanya untuk kita *recover back*. Untuk kita mendapat kembali royalti minyak Negeri Terengganu. Ini cukup penting Dato' Yang Dipertua kerana dari segi *agreement*, perjanjiannya mungkin ramai rakyat Terengganu yang tak sedar dan tak tahu mungkin anak-anak pelajar kita terutamanya adik-adik dari Sekolah Menengah Sultan Sulaiman, sekolah saya dahulu dia tak tahu. Sekarang ini kita dari segi *agreementnya*, dari segi perjanjiannya sudah null *and void* dari segi perjanjian royalti minyak dan gas kepada Kerajaan Negeri Terengganu dengan PETRONAS dan Kerajaan Pusat dan ini telahpun diutarakan oleh PETRONAS bahawa dari segi undang-undang PETRONAS tidak lagi terikat secara undang-undang untuk membuat sebarang bayaran tunai kepada Kerajaan Negeri Terengganu di bawah perjanjian pembayaran yang ditandatangani antara PETRONAS dengan Kerajaan Negeri. Jadi peluang kita menubuhkan TPC ini adalah peluang yang terbaik untuk kita mendapatkan kembali hak kita yang telah dinafikan.

Yang keduanya, yang saya ingin usulkan di Dewan yang mulia ini supaya kita berjuang bersama-sama *hand in hand*, pembangkang dan pihak Kerajaan untuk kita mendapatkan kembali iaitu Telaga Minyak Bertam PM 307. Ini merupakan maruah kita, hak kita dan maruah kita. Dato' Yang Dipertua, kalau kita gagal untuk mendapatkan hak ini bermakna kita, saya sendiri sebagai Wakil Rakyat, merasakan seorang Wakil Rakyat yang gagal mempertahankan maruah dan hak Negeri Terengganu yang secara jelas telahpun disebut dalam Dewan ini oleh mantan Menteri Besar yang lalu dan juga kajian-kajian yang dibuat bahawa Telaga Minyak Bertam PM 307 ini adalah dalam Perairan Negeri Terengganu dan milik Kerajaan Negeri Terengganu tetapi diserahkan kepada Kerajaan Negeri Pahang. Saya harap kedua-dua isu ini dapat dibawa ke dalam Majlis Petroleum Terengganu dan penyelesaian yang terbaik dapat kita capai seberapa segera untuk kepentingan rakyat Negeri Terengganu.

Dato' Yang Dipertua, sebagai yang akhirnya, saya dalam hal ini pandangan yang diberikan terhadap kepentingan ekonomi Negeri Terengganu ini adalah merupakan suatu yang penting untuk kita lihat kerana kita perlu melihat bahawa

.....



YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang Berhormat, boleh saya tanya Yang Berhormat sikit? Adakah Yang Berhormat dan juga yang sebahagian *concern* dengan isu ini tahu yang peluang untuk Negeri Terengganu mengemukakan tuntutan semula bayaran royalti untuk Negeri Terengganu dari Kerajaan Pusat telahpun tertutup Yang Berhormat. Ini kerana Kerajaan Negeri yang mengfailkan tuntutan itu dan Kerajaan Negeri sendiri yang menarik balik tuntutan yang sama.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar, saya nak ingatkan Bandar di bawah Peraturan 46(6), perbincangan mestilah menjurus kepada perkara-perkara yang kita bincangkan. Jadi saya rasa ianya dah melangkaui daripada inilah. Saya tak benarkan lebih panjang lagi isu tersebut. Kita fokuskan kepada isu yang kita bincangkan di bawah Perkara 46(6) ya.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Saya tanya pandangan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tak benar jawab dan kita teruskan dengan hal Belanjawan Tambahan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bandar.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, pandangan saya terhadap amalan dan pentadbiran ekonomi di Negeri Terengganu Darul Iman ini tidak pernah berubah dan sentiasa konsisten saya sebut dalam Dewan ini. Apa jua pandangan ataupun kritikan yang saya berikan ini adalah lambing bahawa isu pokok yang menjadi penyebab kepada ketidakpercayaan dan kemurungan ekonomi ini masih belum dapat kita selesaikan. Maka, apa yang kita lihat bahawa sebarang bentuk ketirisan projek-projek mega di negeri ini yang masih tidak dapat diselesaikan ataupun adanya perjanjian-perjanjian yang berat sebelah yang masih tidak dapat diselesaikan oleh Kerajaan Negeri perlu dicari jalan penyelesaian yang terbaik.

Jika negeri kita ini mahu kita majukan dengan lebih baik dan kita memberikan hak yang terbaik kepada rakyat Negeri Terengganu ini, maka inilah yang perlu kita laksanakan segera dan inilah yang menjadi harapan kita bersama di dalam Dewan yang mulia ini sejak bertahun-tahun kita berbahas dan berbincang dan memberikan pandangan dan yang penting adalah untuk kepentingan rakyat dan Negeri Terengganu sendiri. Sekian, terima kasih. Wallahu'alam. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumussalam warahmatullahi taála wabarakatuh. Terima kasih Batu Burok. Sila Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi taála wabarakatuh. Alhamdulillah Rabbil 'Alamin. Wabihi nasta'in. Wassalatu wassalamu'ala asyrafil anbiya iwal mursalin. Wa'ala alihi wa ashabihi ajma'in. Rabbisy rahli sadri, waya sirli amri, wahlul uqdatan minlisani yafqahu qauli.

Yang dihormati Dato' Yang Dipertua Dewan, yang dihormati Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pembangkang dan juga Kerajaan, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kerajaan dan Pemerhati-pemerhati sekalian.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua memberi kesempatan pada saya untuk berbahas sedikit sebanyak, tapi insyaAllah saya akan ambil masa yang pendek ini sebab saya nak sebut benda hak sikit sahaja. Saya pergi terus kepada perkara yang hendak dibincang yang pertamanya, berkaitan dengan peruntukan tambahan ini dengan Kod Projek 16919. Pembangunan Projek-projek Kecil Seluruh DUN, Peruntukan Dalam Anggaran RM24,500,000. Tambahan yang dikehendaki RM7,750,000. Apa yang saya nak bangkitkan di sini ialah ini kalau saya tak lupalah projek ini adalah projek di bawah peruntukan Wakil Rakyat yang Kerajaanlah. Pembangkang takdok duit peruntukan untuk sama ada memilih projek dan juga memberi kelulusan dan pembayaran dibuat oleh Pejabat Daerah tapi dari segi pemilihan projek dan juga kelulusan atas Wakil Rakyat Kerajaan dan kawasan yang tidak ada Wakil Rakyat dilantik Pegawai Pembangunan DUN, dan merekalah yang setakat ini berhak untuk menentukan projek-projek dan juga kelulusan projek itu.

Apa yang saya ingin bangkitkan di sini, yang pertama Peruntukan Dalam Anggaran RM24,500,000 ini memang yang diwar-warkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Kawasan menang bagi RM1 juta dan kawasan tak menang bagi RM500,000, setengah juta. Tiba-tiba hari ini diminta tambah balik RM7,750,000 menjadikan RM32,250,000, ini kalau dibahagikan sama rata setiap DUN dapat RM1 juta lebih kurang begitu.

Apa yang saya nak sebut di sini ialah kebanyakan projek-projek di bawah P02916 ni di bawah kuasa Wakil Rakyat Kerajaan dan Pegawai Pembangunan DUN ini, saya tengok tidak ada banyak manfaat yang langsung untuk rakyat. Kawasan-kawasan saya pun tak nampak apa benda sebenarnya yang dibuat, cuma saya rasa satu benda yang agak aneh tak tahulah duit mana yang dia pakai, banyak

dibina pondok-pondok kecil. Pondok-pondok kecil macam-macam warna, ada warna oren, ada warna *pink*, ada warna biru, *bercolour-colourlah*, setiap kampung ada dan kebanyakan pondok-pondok ini dibina di atas tanah rezab Kerajaan. Saya tak tahu sama ada dah dapat kelulusan LMS ataupun apa. Sesetengahnya sangat merbahaya, di tepi jalan raya. Jalan utama di antara daripada Kuala Terengganu ke Kelantan sebelum *round about* Batu Enam betul-betul tempat buang sampah dan di tepi jalan besar dibina sebuah pondok yang sehingga ke hari ini boleh dikatakan ada di setiap kampung pondok ini.

Jadi, ada fungsi apa? Saya tak nampak apa benda aktiviti di situ walaupun sudah siap begitu lama. Apa tujuan kalau boleh dijawab, apa tujuan sebenarnya pondok-pondok ini dibina dan saya rasa sudah tentu peruntukan ini datang daripada peruntukan P.02 ini. Jadi kalau benda macam ini yang dibuat dan tidak ada manfaat kepada rakyat mungkin hanya untuk dapat projek, dapat untung projek tersebut saya rasa saya amat tidak menyokong untuk diberi tambahan ini dan juga diberi *back dated*, mungkin jugak projek sudah dibuat. Nak bayar tak cukup duit, mari datang ke Dewan minta tambahan untuk dibuat pembayaran kepada projek-projek yang telah dibuat. Yang saya nak sebut di sini ialah kita harap pihak Kerajaan bercermat dan belanjakan duit rakyat ini khususnya dalam keadaan yang disebut oleh rakan-rakan kita tadi hasil negeri kita ni makin berkurangan setiap tahun kerana jatuhnya harga petroleum di pasaran dunia maka peruntukan atau Dana Khas Persekutuan jugak dipotong.

Pada tahun 2016 saya rasa lebih kurang dalam buku tu sekitar RM500 juta, jadi dikurangkan bajet. Jadi, bila berlaku kekurangan itu sepatutnya kita berjimatlah dalam berbelanja. Dalam buku kewangan disebut defisit tahun lepas sahaja sebagaimana disebut tadi memang angka sebenar lebih daripada tu dan bila dicampur *surplus* tahun 2015 maka dengan defisit yang ada sekarang projek akhir tahun 2016 ini lebih kurang RM90 juta. Makna kita sudah ada hutang di situ dan bajet kita tahun ni pun yang dibentang oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar juga Bajet Defisit tambah lagi RM100 juta sudah tentu menambah lagi defisitnya sedangkan sumber hasil kita anggarkan tahun ini makin berkurang.

Jadi, inilah di antara beberapa perkara yang saya rasa apabila projek-projek yang tidak bermanfaat yang saya rasa membazir kita hentikanlah. Tak payah buatlah, supaya kita dapat menyelamatkan duit rakyat dan dapat diagihkan duit ini kepada perkara-perkara yang lebih penting khususnya dalam menangani masalah tekanan ekonomi kepada rakyat-rakyat kita yang masih miskin di kampung-kampung. Tapi dah kalau buat benda-benda yang macam ini, tak cukup duit mari mintak dalam Dewan jadi saya rasa suatu perkara yang tidak patutlah untuk kita amalkan dan saya memang bila timbul projek di bawah P.02 ini ialah bagi saya merupakan projek politik yang diberi kuasa kepada Wakil Rakyat untuk meluluskan segera projek-projek yang nak menyenangkan atau

*please* dengan izin kepada rakyat yang datang untuk mintak projek-projek kecil dengan tujuan untuk beri keuntungan kepada kontraktor-kontraktor tertentu. Jadi saya rasa peruntukan yang diminta ini adalah sesuatu perkara yang tidak patut dan tidak munasabah khususnya di bawah P.02 di bawah Kod Projek 16919.

Sekadar itulah saya rasa berkait dengan projek-projek dan saya harap Kerajaan berhati-hatilah dalam membelanjakan duit rakyat, ini amanah rakyat sebagaimana yang Dato' Yang Dipertua selalu ingatkan kita ini amanah rakyat ialah amanah yang paling besar, setiap sen yang dibelanja akan disoal di hadapan Allah Subhanahu Wata'ala dan kita semua akan dipertanggungjawabkan akan setiap apa yang kita lulus dalam Dewan ini. Jika dibuat perkara yang membazir, yang sia-sia kita semua akan dipertanggungjawab. Jadi saya tidak mahu bertanggungjawab, tidak mahu terlibat dengan perkara-perkara yang sebegitu dan dengan jelas saya mengatakan saya tidak bersetuju dengan Bajet Tambahan kali ini. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bukit Tunggul. Okey, saya bagi satu lagi sebelum kita berhenti untuk rehat tengah hari. InsyaAllah. Tepoh sila Tepoh.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat dan pegawai-pegawai Kerajaan, ketua-ketua jabatan, hadirin-hadirat yang dikasihi sekalian. Saya terus mengambil bahagian untuk membahaskan Usul berkenaan dengan Bajet Tambahan ini dengan memberikan satu fokus terhadap Kod 03944 - Pembangunan Kawasan Bebas Cukai Tasik Kenyir.

Dato' Yang Dipertua, berdasarkan rekod yang kita catatkan sepanjang pada penggal ini bermula daripada tahun 2014 untuk Kod Projek P.02-03944 telah mencatatkan jumlah sebanyak RM349,500 juta keseluruhan, RM350 juta bajet yang telahpun disenaraikan berdasarkan kepada Bajet 2014, 2015, 2016 dan 2017 dan kini kita ada tambahan sebanyak RM23 juta ke atas RM37 juta yang difahamkan telahpun digunakan pada tahun 2017.

Baik, apa yang saya ingin sentuh dalam kesempatan ini adalah daripada beberapa sudut. Yang pertama saya memohon penjelasan daripada pihak Kerajaan. Kenapakah projek-projek yang dibuat mengalami *extension of time* yang begitu panjang bermula daripada komponen Pulau Bayas. Kalau kita melihat pakej satu sehinggalah pakej yang keenam ada sebahagiannya selesai tapi kebanyakannya mengalami masalah yang cukup serius.

Saya memberi contoh kepada pakej yang ketiga. Bangunan pencawang elektrik dan pemasangan kabel elektrik yang dianugerahkan kepada R Corporation Sdn. Bhd. mempunyai *extension of time* kali kelima 30 Jun 2017. Dan saya yakin oleh kerana *progress* projeknya masih lagi berada dalam keadaan yang mendukacitakan. Kemungkinan besar jika sekiranya tidak dapat diambil satu tindakan yang serius Pulau Bebas Cukai, Pulau Bayas Sub Bebas Cukai yang dicadangkan untuk beroperasi pada bulan Ogos tahun 2018 kemungkinan besar tidak akan berjaya untuk dioperasikan.

Saya juga ingin menyentuh tentang apa yang disebut oleh Jabi sebentar tadi berkenaan dengan rombongan Muslimat PAS yang pergi, saya yakin bukan mereka tak tahu Pelancaran Pusat Bebas Cukai Sementara, premis sementara di Pengkalan Gawi tetapi untuk membuktikan bagaimana apa yang telah dijanjikan oleh kepimpinan Kerajaan Negeri pada 8 September 2015 sebagai satu contoh oleh Yang Berhormat Permaisuri ketika menjadi Exco Pelancongan. Januari 2016 akan mula operasi dan diperkukuhkan melalui laporan Awani baru ni pada November 2016. Operasi Pusat Bebas Cukai akan mulakan operasi bermula pada awal tahun 2016 dan kini apa yang terbaru adalah pada Ogos 2018. Bererti oleh kerana ini adalah satu projek yang *super mega* pada saya dengan izin, dan kesungguhan rakyat untuk mengetahui dan juga untuk meningkatkan kesedaran *value for money* apa erti ratusan juta yang kita keluar kemudian *extension of time* terus berlaku. Dalam masa yang sama kita terus untuk meningkatkan perbelanjaan dan tambahan yang kita buat pada hari ini. Saya yakin apabila tambahan ini dibuat kita perlu mendapatkan penjelasan Exco berapa *progress* projek yang telah dibuat untuk cadangan pembangunan Kawasan Bebas Cukai. Sudah berapa peratus *progress* perjalanan dengan tambahan sebanyak RM23 juta ini kita ingin mengenalpasti berapa lagi bajet yang akan dikeluarkan untuk Pembangunan Pusat Bebas Cukai Kenyir. Ini adalah satu perkara yang .....

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggai): Minta izin Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Sila.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Wakil Bukit Tunggai.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggai): Saya nak minta penjelasan daripada Tepoh, mungkin Tepoh ada maklumat. Pertama tentang Pulau Bebas Cukai Pulau Bayas tetapi yang dikatakan yang telah dirasmikan Pengkalan Gawi. Tepoh tahu tak ada berapa buat kedai yang beroperasi di situ dan kenapa agaknya yang Kerajaan tergesa-gesa nak merasmikannya sedangkan yang sebenarnya belum siap lagi. Mohon penjelasan tersebut?

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Terima kasih Yang Berhormat Bukit Tunggal. Kita sedar pelancarannya dibuat di premis sementara dan maklumat yang diperolehi adalah sekitar tiga dan ada juga maklumat yang menyatakan lima kiosk yang telah beroperasi di premis sementara dan isunya bukan soal Coklat Daim, Jabi. Isunya adalah premis sementara ini kita setuju, bagus ada kerana itulah untuk dibuat perbandingan pada tahun 2018. Adakah harga yang sama di Pengkalan Gawi kemudian beralih di Pulau Bayas adakah harganya sama? Pengunjung, adakah kehadiran yang sama kerana kita akan menggunakan *transport* yang lain untuk ke Pulau Bayas. Ini semua perkara yang mampu untuk dipertimbangkan selepas daripada ini. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Bukit Tunggal kerana ada perkara yang tersirat daripada pelancaran yang lebih awal ini yang telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekejap Tepoh ya. Saya nak tanya, nak betulkan fakta tadi. Bukit Tunggal tanya perasmian, Y.B. Tepoh sebut pelancaran kan?

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Ya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya rasa yang batul pelancaran ya, bukan perasmian lagi. Tolong betulkan.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Oleh kerana itu, apabila masuk untuk Tambahan Bajet sebanyak RM23 juta pada hari ini, kita sangat mengharapkan pihak Kerajaan nyatakan projek ini bilakah tempoh penyelesaiannya yang perlu kita tahu, kemajuan fizikalnya berapa peratuskah yang telah dilalui oleh pihak Kerajaan untuk memastikan perkara ini bukan satu perkara pembangunan yang boleh membebankan mata rakyat dan menyebabkan rakyat menanggung suatu keperitan yang tidak berkesudahan.

Dato' Yang Dipertua, saya berhasrat untuk menyebut beberapa perkara yang lain tetapi memandangkan masa tidak mencukupi untuk menyentuh keseluruhan projek-projek yang mendepani kesakitan hasil daripada lanjutan masa yang terus berlaku dan komitmen yang ditunjukkan oleh pihak Kerajaan. Saya ingin bertanya secara rumusan, adakah kita mewujudkan *feasibility study* untuk Pusat Bebas Cukai ini dilaksanakan? Saya memohon kalaulah kajian tersebut dibuat oleh pihak Kerajaan saya memohon dengan notis supaya edarkan kepada semua wakil pembangkang untuk kita melihat kajian daripada sudut ekonomi, kajian daripada sudut keupayaan Pusat Bebas Cukai ini untuk beroperasi di Pulau

Bayas, kajian tersebut wujud ataupun tidak. Kalau sekiranya ada kami mengharapkan supaya ia diedarkan untuk kita menilai apakah kajian tersebut suatu kajian yang bagus untuk kita meneruskan projek ini dan kalau sekiranya jika ia langsung tidak ada kajian saya harap pihak Kerajaan menyegerakan kajian ini supaya kita tidak berterusan mencurahkan duit yang banyak untuk Pembangunan Pusat Bebas Cukai.

Dato' Yang Dipertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas ruangan yang diberikan ini. Wallahu'alam.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Terima kasih. Saya tak benarkan dah. Kita sambung balik selepas Zuhur nanti. Lepas kita rehat tengah hari InsyaAllah.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat Exco Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian maka saya tangguhkan sementara Dewan ini untuk kita makan tengah hari dan solat, surau ada disediakan so bolehlah sembahyang kat surau berjemaah dan sebagainya. Jadi insyaAllah kita sambung balik pada pukul 2.30 petang di sini, insyaAllah.

Sebelum tu saya menjemput semua Yang Berhormat untuk makan tenghari di Damai Lounge dan kepada ketua jabatan dan Pemerhati disediakan di Perkarangan U2. Jamuan hari ini dihoskan oleh Pejabat Dewan Undangan Negeri Terengganu. Assalamua'laikum warahmatullahi wabarakatuh.

**DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 12.55 TENGAH HARI.**

### PUKUL 2.30 PETANG

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Mesyuarat disambung semula. Sila. Saya beri peluang lagi kepada dua lagilah ya, Ladang dululah ya. Sila Ladang untuk meneruskan perbincangan sebelum digulungkan oleh pihak Kerajaan seterusnya pengundian. Sila Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): A'uzubillah samin alim, minashaitan nirrajim. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang saya kasihi Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. Pemerhati petang tak ada *doh dok*, ke ada lagi?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada, ada Ladang. Sebelah belakang Dato' Ladang ada. Insyallah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tapi ini bukan untuk Pemerhati untuk kita semua, insyaAllah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kenapa yang tanya Pemerhati tu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tanya saja sebab *takdok*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, kalau tak perlukan penglihatan Pemerhati teruskan sajalah. Terima kasih Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Saya nak teruslah kepada, nak cakap lama boleh, ke cakap sebentar jer? Saya panjang boleh, pendek boleh, ikut pandai. Jangan putus rantai Yang Dipertua aje.



YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 15 minit, itu yang saya buat *ruling* awal tadi. Terima kasih Ladang, teruskan Ladang.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Saya nak merujuk terus kepada Projek 01923 - Pembangunan Saliran Negeri Terengganu. Nak ringkas saja ni, saya harap Pegawai Saliran ada di sini. Alhamdulillah nampaknya Kerajaan giat untuk membina saluran yang sudah lama sebenarnya dirancang untuk Kuala Terengganu. Dan saya nak merujuk kepada Projek Saliran ataupun Projek Longkang Besar di Taman Padang Negara, belakang Plaza Kuala Ibai tu sedang dibina sekarang. Tapi ia menjadi sedikit masalah kepada rakyat di situ. Bila orang kampung *complain*, dia kata tulis suratlah *complain*.

Jadi saya mewakili rakyatlah di kawasan tu untuk bawa perkara ni ke Dewan. Itu spesifiknya tentang longkang yang di mana lebih tinggi daripada jalan dan lebih tinggi daripada kawasan perumahan. Maknanya beginilah, ini tanah, ini longkang. Jadi macam mana nak mengalir air tu kena tanya pasal apa, nak mengalir ke mana air ini? Ada tempat dia buat sama rata dengan jalan, tapi ada sampai tiga kaki, tiga kaki setengah lebih tinggi daripada permukaan jalan. Jalan tu akan ditinggikan juga sama rata, kemudian tanah yang ada sekitar itu akan di bawah jauh, jadi air nak melompat macam mana nak masuk ke longkang tu.

Bila kita tanya dia kata akan buat longkang lain di tepi, longkang kecil pula. Saya tanya longkang macam mana, dia kata *earth drain*. *Earth drain* ni maknanya sementara. Apakah dirancang begitu. Saya ingat dari segi teknikal *drawing fail* saya rasa, *design fail*. Dia longkang, tanah, lepas tu bawah *nun* ada longkang pula longkang besar dan tinggi juga dari kawasan tanah. Kalau nak gambar saya boleh hantar gambar kepada Yang Dipertua dan kepada semua terutamanya kepada infra sebab tu saya minta hari tu Yang BERTHORMAT Infra melawat kawasan tu, tengok sendiri. Sebab orang kampung kata: "Peliklah, sebab apa gitu." Dan tidak ada keperluan sebenarnya untuk *raise* longkang tinggi sebab di situ tidak ada banjir di situ. Jadi, pening, masing-masing tanya sebab apa begitu. Saya nak jawab *guaner*, nanti saya bawa dalam Dewan supaya JPS boleh tahu tentang ini. Projek itu *didesign* oleh konsultan dan diselia oleh konsultan. Tapi dia jadi gitu, mudah saja tapi wallahu'alam pasal apa, tak retilah saya. Dulu kita *complain* di Sungai Derhaka, tapi alhamdulillah dia buat longkang tepi tu, longkang konkrit. Tapi *this one* makna dia kata dia akan buat longkang pula longkang kecil kemudian kena buat *flat drain*. Maknanya untuk air keluar je, masuk tidak, *unnecessary* maknanya tak perlu itu.

Jadi saya minta sangat-sangat supaya Yang BERTHORMAT Exco pergi tengok sendiri dan buat *remedy*, macam mana boleh buat begitu? Itu ringkas sajalah sebab benda tu depan mata, kita boleh tengok sama-sama tengok dan saya rasa ada *fault* dalam *design*. Tapi sayangnya kalau ada *faulty design* maknanya kita *spent*

berjuta juga di situ. Okey, kalau Yang Berhormat Exco pergi tengok tu tengok-tengok juga sebab orang kampung kata dia tak sama dalam. Maksudnya patut air mengalir ke sini tapi di sini lebih tinggi daripada dasar yang sebelah sana. Saya tak *check* tapi minta Yang Berhormat *confirm*kanlah. Ini orang kampung duduk cakap ni saya tolong bawa sajalah, depan rumah saya juga tapi ini bukan untuk kepentingan rumah saya, tidak. Kepentingan bersama. Kan kata ada kepentingan peribadi pula.

Okey, itu satu. Yang keduanya tentang Program Pembasmian Kemiskinan Pembangunan Kampung dan Masyarakat. Bila kita kata tentang Program Pembangunan Kemiskinan, bukan rumah saja terlibat dengan banyak perkara lain untuk basmi kemiskinan. Jadi saya nak tanya pihak Exco hari ini atau Kerajaan, Projek Pembasmian Kemiskinan mana yang betul-betul berjaya mengatasi masalah kemiskinan orang kampung? Kita tanya dulu kata tanam kelapa sawit, nak ulang lagi yang itu. Tak tahu kat mana ada projek kelapa sawit tepi rumah yang berjaya.

Kemudian dia kata tanam roselle pula di Kuala Berang. Kita nak tanya juga mana kejayaan dia? Fertigasi kurang berjaya, kambing kaprima pun tidak berjaya. Jadi apa lagi yang kena buat untuk tujuan pembasmian kemiskinan ini.

Kemudian untuk sedikit tentang perumahan. Kita turut bicara tentang perumahan yang dibuat oleh Kerajaan, tapi ada juga perumahan yang dibuat oleh swasta. Di sini saya nak sebut sikit tentang peraturan-peraturan yang masih tidak selaras antara PBT-PBT di Terengganu ini. Contoh, kalau kita buat projek perumahan, bukan buat projeklah, buat empat buah rumah di Kuala Terengganu, di Besut, di Setiu, dia tidak dikira sebagai projek perumahan lagi, dikira individu-individu. Tapi di Marang, bila empat rumah dia buat sudah dikira sebagai projek perumahan dan syarat-syarat dia berbeza dengan yang tidak projek. Mengapa tidak selari? Minta supaya diselaraskan kembali isu-isu yang masih banyak sebenarnya tentang pentadbiran.

Begitu juga tentang projek perumahan yang perlu kepada sub-station TNB. Saya rasa dah sebut dulu, saya nak sebut sekali lagi. Masa kita *apply* projek itu, kita dikenakan syarat supaya buat sub-station satu. Okey *fair*, buat. Kemudian kita serah tanah tu kepada Kerajaan. Dan bila nak buat, TNB kena minta dengan Kerajaan supaya dia jadi milik TNB baru TNB baru boleh buat.

TNB kata saya boleh minta tapi tuan tanah asal kena bayar premium. Dan premium, makna tanah saya, saya serah kepada Kerajaan, saya kena bayar pula untuk buat sub-station. Dan malangnya lagi, bayar tu tak apalah, tapi dikenakan premium semasa, harga semasa. Harga mahal pula kena bayar, sedangkan di negeri-negeri lain ada yang cuma bayar RM10. Kita *charge market price, market value* ketika itu dan ini tidak membantu sebenarnya, tidak membantu rakyat.

Saya ada beberapa perkara lagi tentang peraturan-peraturan tapi saya nak cadangkan di sini supaya diselaraskan kembali antara PBT dan juga memudahkan proses yang banyak lagi yang kita boleh perbaiki sebenarnya dalam pentadbiran PBT. Contoh saya nak ucap terima kasih kepada pihak Kerajaan sebab baru-baru ni bila saya bangkit tentang keperluan merancang untuk lima lot seperti yang dicadangkan dan seterusnya diwartakan itupun telah ditarik balik oleh Kerajaan melalui seminar, melalui Exco Permaisuri menyebut bahawa Kerajaan bersetuju untuk menanggukkan pemakaian peraturan yang telah dikenakan pada awalnya. Untuk lima lot sudah dikenakan Laporan Cadangan Pemajuan.

Jadi ditangguk yang itu sebab tidak munasabah kena bayar RM35,000 untuk *basic fees*. Alhamdulillah Kerajaan *respond* kepada cadangan daripada rakyat. Jadi saya nak minta supaya untuk akan datang ni, *check* lagi peraturan-peraturan dan kalau saya diberi kesempatan saya boleh tunjuk peraturan-peraturan yang boleh dibaiki. Sebab daripada pengalaman yang ada, saya bersetuju kalau dipanggil untuk menilai, meneliti kembali peraturan-peraturan yang boleh kita perbaiki dan kita permudahkan untuk orang ramai.

Jadi minta supaya lebih responsif kepada keluhan-keluhan rakyat dan baiki lagi tentang peraturan-peraturan yang dibuat. Contoh, kita nak buat Rumah Semi-D dua pintu jer, kena buat Laporan Kemajuan Kebenaran Merancang. Bayar tak mahal tapi untuk apa tak tahu. Sebab kita dah rancang tanah nak buat bangunan. Bila buat bangunan kena ada kebenaran merancang untuk bangunan pula. Kena *check* balik, kalau ada peraturan itu kena *check* balik peraturan dan kalau perlu diubah, diubah.

Saya rasa itu saja nak sebutnya sebab ada hal lain lagi sikit akan datang ini, hari ini. Jadi saya mohon dan ucap terima kasihlah kepada Yang Dipertua yang sabar. Terima kasih. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Wa'alaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Ladang. Saya bagi seorang lagilah, kalau tak ada saya nak terus penggulungan. Tak ada? Saya minta pihak Kerajaan kalau ada untuk buat penggulungan. Sila.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang):** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bagi pihak Kerajaan saya membuat penggulungan. Pertamanya, ucap terima kasih kepada enam rakan Yang Berhormat yang berucap dalam perbahasan kepada Usul Perbekalan Tambahan ini.

Adapun bagi menggulung secara keseluruhannya saya ingin maklum kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dan kepada sekalian Yang Berhormat, sebenarnya proses untuk kita mengangkat Usul kepada Perbekalan Tambahan kepada Bajet untuk Rancangan Pembangunan ini adalah proses biasa bagi sebuah Kerajaan yang mengamalkan prinsip akauntabiliti ataupun prinsip kebertanggungjawaban akaun Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Ianya bukanlah satu perkara yang asing, ia bukanlah satu perkara yang salah, apa lagi bukan satu perkara yang sepertimana dibayangkan.

Saya mulakan ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, takut salah faham. Ada beberapa fakta yang dibangkitkan oleh rakan-rakan kita tadi seolah-olah ini satu perkara yang amat berat dan sebagainya. Adapun Dato' Yang Dipertua, dalam soal ini kita bangkit untuk dapat RM100 juta ini di mana pada Bajet yang lepas yang dibentang oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar soal perancangan yang dibuat pada ketika itu merancang untuk perbelanjaan pembangunan sekian banyak, berdasarkan pada faktor-faktor pada ketika itu. Tetapi bila pelaksanaan ataupun perjalanan pembangunan itu sendiri, tentu sekali selepas sekarang ini hampir hujung tahun, keadaan semasa perubahan-perubahan tertentu sebagainya, ia melibatkan ada perubahan-perubahan dalam pelaksanaan itu sendiri. Maka perlu kepada tambahan ini. Jadi kita nak ucap terima kasih banyak, tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan, Dato' Pegawai Kewangan dan Pentadbir kita yang sebenarnya dalam apa yang kita bentangkan ini tidak ada bajet mewah tidak ada, untuk lawatan, untuk beli perkakas-perkakas mewah, tidak ada.

Yang kita bentang inilah sepuluh perkara yang melibatkan kepada semua pembangunan rakyat termasuk Dato' Yang Dipertua, termasuk apa yang dibangkit oleh ramai kawan-kawan kita tadi sebenarnya adalah projek sambungan yang telah kita ada komitmen, yang telahpun kita ada perjanjian dengan pihak kontraktor, pelaksana dan sebagainya. Kalau kita tidak tunaikan atas apa yang telah kita janjikan ini, kita pula akan didenda ataupun dikenakan keingkaran di atas apa yang kita jalankan. Maka Dato' Yang Dipertua, tidak wajarlah kalau kita nak mengalih atas dasar projek ini pada perkara-perkara yang lain pula. Yang mana kalau perkara lain pula perlu kepada permohonan projek pembangunan yang baru. Ini dasarnya, prinsipnya Dato' Yang Dipertua.

Jadi yang kedua, saya nak ucap tahniah kepada Yang Amat Berhormat, Kerajaan Barisan Nasional telah kita tumpukan makna walaupun keadaan susah sebagaimana kata rakan kita di Jabi, dalam keadaan hasil kita merudum sebagaimana rakan Bandar kata tapi kita masih tidak berkompromi untuk kepentingan rakyat Dato' Yang Dipertua.

Ya, keperluan- keperluan, kehendak-kehendak rakyat bukan kehendak kita tapi kehendak rakyat, kita satu langkah kita tidak berundur malah kita pastikan

tambahan dan sebagainya. Contoh yang saya berikan pada Dato' Yang Dipertua, apa yang dibentang Bajet Perumahan Rakyat dalam Bajet apabila berjalan pelaksanaan tahun ini Yang Amat Berhormat melihat sebagaimana yang kita laporkan. Keutamaan yang diberi oleh Kerajaan Barisan Nasional untuk membina perumahan, memberi pendapatan tambahan kepada keluarga dan juga untuk 3P yang dirancang untuk menambahkan peluang pekerjaan kepada rakyat. Ini tumpuan kita pada tahun 2017. Maka dengan sendirinya *target* untuk kita bina rumah itu bertambah. Maka berlakulah keperluan kepada tambahan perbelanjaan pembangunan itu Dato' Yang Dipertua.

Jadi, berbalik kepada apa yang banyak perkara yang dibangkitkan oleh rakan-rakan, contoh yang diberi tadi, terima kasihlah Tasik Kenyir, kemudian perumahan dalam Program Pembasmian Kemiskinan, Pembangunan Kampung dan juga Masyarakat, kemudian ada disebut oleh Ladang sebentar tadi projek-projek khusus, Monsoon Drain Kuala Ibai dan juga perumahan.

Jadi Dato' Yang Dipertua, sukacita saya nak maklum kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sebenarnya 10 perkara. Kejap, bagi saya ruang saya jawab satu persatu nanti Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sebelum berpindah kepada perkara lain.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Duduk dulu, duduk dulu. 10 perkara jelas, amat jelas yang kita tumpukan kepada Peruntukan Tambahan ini daripada 03923 sampai 16919 berjumlah yang kita minta itu RM100 juta. Di mana daripada yang asal sampai tambahan dan apa yang kita nak lulus pada hari ini sebenarnya bukan tambahan sebagaimana Tepoh kata.

Tambahan betul RM100 juta tetapi tidak melibatkan contoh kalau katalah Projek Tasik Kenyir, saya bagi contoh jer. Projek Tasik Kenyir yang kita war-war, yang kita banyak bincang tadi tidak kena mengena dengan apa yang kita bincangkan. Yang diminta tambahan ialah dua projek di Tasik Kenyir iaitu Projek Membina Dan Menyiapkan Hotel Kerajaan Negeri Terengganu di Pulau Poh, Tasik Kenyir, itu satu.

Yang satu lagi, membangunkan Pusat Bebas Cukai yang mana membina dan menyiapkan Marina Pengkalan Gawi dan Jambatan ke Pulau Poh, Tasik Kenyir. Tidak ada kena mengena dengan Pulau Bayas ni, ini dua perkara dan sebenarnya kedua-dua projek ini dia dah ada kos asal dia, kos yang telah kita janjikan dalam pemberian projek contohnya Projek Hotel RM100 juta kos asal. Jadi peruntukan yang dianggarkan oleh Kerajaan, oleh pegawai kita pada tahun 2017 ini, untuk pelaksanaan sepanjang tahun, kontraktor berjalan dia *claim*, kita dapat RM14.5 juta. Tetapi dalam proses itu, kemungkinan gerak kerja laju dan

sebagainya keperluan kepada RM14.5 juta itu *dokdang* untuk menampung apa yang dilaksanakan oleh projek ini, oleh kontraktor ini. Maka kita perlu kepada RM10 juta. Bukan RM10 juta ni tambah kepada kos projek, RM10 juta ini dalam kos projek. Tetapi pelaksanaan pada tahun itu di luar jangkaan pegawai kita. Maka sekarang ini kita minta tambahan. Kita tak nak nanti dikeluarkan oleh orang, Pemerhati dengar seolah-olah projek RM100 juta tambah RM10 juta jadi RM110 juta. Ini bukan Dato' Yang Dipertua.

Jadi saya jelaskan ini, begitu juga projek-projek yang lain. Dato' Yang Dipertua, ini dia....(merujuk kepada tayangan slaid yang dipaparkan) ..... jeti dan juga jambatan, ini dia. Ini hotel yang sekarang ini ditanya oleh, tadi ada *progress*, *progress* laju sebenarnya yang sebenar. Sekarang ini lebih kurang 6.8% fizikal daripada 8.16%. Dan tarikh siapnya Oktober 2018. Kemudian di Bebas Cukai, yang jambatan ataupun jeti sebagainya 2018 siap dan sekarang ini dah sebenarnya 77.6%, yang mengikut jadual 77.21%. Maknanya dia laju daripada jadual, maka kita perlu kepada duit tambahan. Jadi Dato' Yang Dipertua....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Biar saya jawab dulu Yang Berhormat. Saya dengar Yang Berhormat. Saya nak pastikan sampai Bandar bangkit tadi, dia setuju. Saya tahu rakan saya Bandar ni memang tahu pasal Bajet. Cuma kita tak nak kita kelirukan dalam suasana ini, dia setuju dia kata dengan syarat projek yang Kenyir ini dialih ke lain yang lebih *priority*.

Ini saya rasa tak bertanggungjawab sebagai Kerajaan. Sebab itu saya kata tadi, Kerajaan yang *countability*, yang bertanggungjawab kita tak akan buat macam tu. Ini Kerajaan caca marba bolehlah buat macam tu. Sebenarnya kita ada perjanjian Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Duduk dulu Bandar biar saya jelaskan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya dua kali dah bangun.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya tak bagi lagi, saya nak jelaskan dulu. Biar ini jelas.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Speaker dalam penggulungan...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya tak marah Yang Berhormat, saya nak khabor maksud Yang Berhormat setuju tapi perkara sikit ni saja saya nak jelaskan ni.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Aturan mesyuarat apabila ada penggulungan perkara yang tidak jelas kita boleh bangun dan bertanya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya nak jelas dulu baru saya nak bagi Yang Berhormat, insyaAllah. Duduk dulu.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Takut nanti pergi pindah topik lain pula.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tak, tak saya nak sebut Yang Berhormat ni.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Okey, baik.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya tak nak Yang Berhormat kelirukan keadaan. Jadi Yang Berhormat, saya nak jelaskan bahawa Perancangan Pembangunan Kerajaan yang di Tasik Kenyir ni bawah Yang Berhormat Menteri Besar, kita dah projek sambungan. Projek sambungan ini tak boleh kita putuskan nak alih ke lain sebab kita dah ada *agreement* saya kata tadi. Bila buat kerja kita kena bayar.

Kemudian apa yang disebut oleh Tepoh juga, adakah dibuat *feasibility study* ataupun kajian keberkesanan ke arah projek-projek ini. Sebenarnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, daripada awal lagi pembinaan Tasik Kenyir ini selain daripada untuk dapatkan kuasa elektrik sebenarnya hasrat Kerajaan adalah untuk tiga perkara dalam satu. Untuk mengatasi banjir, untuk memberi bekalan air dan yang lagi satunya untuk perluaskan, jadikan sektor pelancongan sebagai pendapatan baru kepada negeri.

Itulah Dato' Yang Dipertua, sesuai dengan apa yang kita rancang dalam Kerajaan kita untuk menambah pendapatan apabila bina hotel, apabila Bebas Cukai ada, apabila ada aktiviti banyak sana, pekerjaan, peniagaan akan bertambah. Ini matlamat kita Dato' Yang Dipertua.

Sebagai Kerajaan, memang kita kena belanja. Swasta dia fikir dulu. Kerajaan kita kena buat kita tak boleh undur bila dah ada. Jadi Dato' Yang Dipertua, soal ini saya percaya apa yang kita rancang ini cuma lambat ataupun kesannya tidak nampak sekarang.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Penjelasan.....  
Penjelasan.....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya nak beri ayat akhir ni. Duduk dulu.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Okey.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, masa ahli lain bercakap, yang nak mencelah tidak diberi kena duduk.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Penjelasan.....  
Penjelasan....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): *Takdok* penjelasan, saya nak jelas ni. Saya nak jelas sikit sebelum penjelasan yang diminta ya.

Dato' Yang Dipertua sekiranya berlaku kelewatan ataupun kelambatan macam di Pulau Bayas semua saya ingat daripada sidang dulu lagipun Bukit Tunggul, Tepoh yang masuk Kenyir, kita tahu belaka masuk, kita ada jadual masuk. Dia *complain* semua sekali, jadi kalau kita tidak bayar, kita faham semua ini, kalau kita tidak bayar kepada program-program ini, program tidak lulus kita tak bayar. Bila kita tak bayar maka berlakulah kecacatan, kelambatan kepada projek ini.

Jadi pihak sana juga akan *complain* kepada Kerajaan pasal berlaku macam ni. Maknanya tolak tak kena, tarik tak kena pihak kita ini. Maka pada saya jelas soal keutamaan rakyat, kalau kita nak bagi bukti kepada rakan saya di Tepoh, bukti yang nyata yang diberi oleh pihak Kerajaan di mana apabila Yang Amat Berhormat melancarkan Pusat Bebas Cukai Sementara di Pengkalan Gawi, kita dapati kedatangan pelancong ataupun pengunjung daripada 1hb Ogos dilancar sampai 13hb kelmarin hampir 23,500 orang. Yang tepatnya 23,210 orang pengunjung yang datang, kemudian hasil transaksi yang berlaku di kedai walaupun kecil, pada orang Kuala Berang, pada orang Terengganu alhamdulillah, tak apalah pemimpin sebelah sana kata macam-macam tetapi kita rasa dengan keperluan tambahan dengan tak cukup barang sebagainya, transaksi hampir RM524,000 jumlah jualan yang kecil itu berlaku dan sepanjang 8 hari Dato' Yang Dipertua.

Jadi saya nampak rakyat menunggu-nunggu, jadi saya setuju kelewatan, soal teknikal kita di pihak sini kita merancang, kita melulus peruntukan dan soal pelaksanaan nanti teknikal yang akan memantau dan kita sendiri tak nak benda yang lambat, kita sendiri tak nak benda yang cacat, kita nak benda yang molek.



Jjadi Dato' Yang Dipertua insyaAllah kita nak kita faham perkara ini, supaya kita jangan kelirukan. Kita faham tadi kata rakan Ladang sepatutnya nak Pilihan Raya Umum ni dia kata, buat projek yang popular sahaja. Pemahaman saya, jadi tak betullah macam itu, tak bertanggungjawablah kita. Jadi silakan. Saya ingat Peraturan Dewan buku merah kena habis bacalah Bandar ya. Jangan ikut Parlimen, Parlimen buku lain. Saya duduk di Parlimen juga.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Dato' yang Dipertua....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar sila, ya. Dia peraturan jelas ya di mana-mana 47A. Maksudnya Kuala Berang kena beralah dulu barulah maksudnya saya benarkan ya Bandar. Terima kasih. Silakan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Saya nak merujuk kepada Kertas 6/2017 yang kita ada ni. Jadual ni kata semuanya memang betul merujuk kepada 10 perkara yang kita bincang hari ini bawah P.02, tak ada melencong ke lain. Cuma penjelasan tadi kata tidak ada Belanjawan Tambahan, saya rasa pada pandangan saya yang minta penjelasan di situlah yang mengelirukan Dewan. Kenapa? Harga projek keseluruhan memang ada RM1.8 bilion keseluruhan makna daripada tahun bila sampai bila, keseluruhan.

Tapi yang kita bincang hari ini ialah Belanjawan Tambahan 2017 iaitu yang asal Belanjawan dibentangkan dulu untuk sepuluh item itu jumlah dia RM135 juta. Sekarang hari ni, kita nak tambahan RM100 juta dalam Bajet 2017.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Okey saya faham. Duduk.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Jadi maksudnya yang tidak ada tambahan tu sebenarnya tak betul, tambahan RM100 juta.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Ya, Yang Berhormat. Saya faham.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Jadi tahun ni saja RM235 juta. Betul ya?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Ya, Yang Berhormat saya jelaskan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bandar. Sila Kuala Berang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, saya tidak mengatakan tidak ada Belanjawan Tambahan, kita minta ni pun Usul Tambahan. Tetapi saya kata tidak ada tambahan kepada kos projek yang maksud saya Yang Berhormat sebelah sana, seolah-olah melambangkan kepada rakyat, kepada luar sana bahawa projek ni terpaksa ditambah duit. Sebenarnya projek dalam kos projek, tetapi kelulusan belanja yang diluluskan dalam Bajet Pembangunan kita, ini sekian banyak. Contohnya yang dua di Kenyir sini diluluskan RM14.5 juta dengan RM37 juta. Jadi pelaksanaan pada tahun ini, tidak cukup dengan bajet itu. Kita tambah lagi sebanyak RM23 juta dan RM10 juta yang mula-mula dah saya nak terang kepada Dato' Yang Dipertua. Mula-mula dah Ladang bangun dia kata hampir separuh tambahan RM100 juta ni dilambak di Kenyir.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Ladang tak bangun.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dengar, dengar.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): *Dok* nanti, Ladang...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): *Sorry, sorry*. Apa ni Bandar kata.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Jangan buat salah *gitu*. ....(Sambil ketawa)....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Minta maaf Ladang, minta maaf Ladang. Bandar kata Dato' Yang Dipertua, semua kita dengar tadi. Ini RM100 juta dilambak di Kenyir hampir lebih daripada separuh. Dato' Yang Dipertua perbetulkan. Kalau separuh 50%. RM50 juta, kita faham. Kalau lebih RM50 juta maknanya lebih daripada separuh.

Jadi, perbetulkan yang kedua. 33.8% dia kata, pun tak betul juga. Jadi kira sendirilah. Jadi maknanya saya nak perbetulkan yang ini. Kita hanya belanja dalam lingkungan kos, cumanya bila ada kecepatan, efisien, maka kita kena buat *adjustment*. Kerajaan belah sana jadi Kerajaan pun saya jadi pembangkang belah sana pun setiap tahun ada peruntukan tambahan macam ni.

Jadi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang baru kena faham perkara ini urusan Pentadbiran Kerajaan yang bertanggungjawab. Kita *takmbah* jadi Kerajaan cacam marba. Ya, jadi itu dia.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang Berhormat banyak Kerajaan dalam dunia ni, hatta Parlimen sendiri pun membuat pengubahsuaian Bajet. Apa maksud dia? Yang tidak perlu dialih kepada yang mendesak, itu maksudnya pengubahsuaian, ada orang buat rasionalisasi, banyak Kerajaan Persekutuan, sepatutnya kita jadi contoh ada perkara yang tidak mendesak kita alih kepada yang lebih mustahak. Belanjawan Tambahan tidak salah. Tetapi perlu pengubahsuaian....

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat saya tidak mahu perbincangan panjang Yang Berhormat. Dato' Yang Dipertua, saya faham rasionalisasi ini kita nak kecilkan apa yang mengikut hasil kita sikit, kita nak ni, kita nak faham, nak potong sana sini, potong gaji Yang Berhormat.....

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Pengubahsuaian Bajet.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Ya, saya faham. Saya pun terlibat dalam pembentangan bajet juga. Tapi, Yang Berhormat...

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Jadi tak bolehlah kata *rigid*....

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tapi, Yang Berhormat saya tak nak berbincang Yang Berhormat. Sila duduk.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kerana.....

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya nak buat penjelasan kepada...

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ya, tapi tak boleh kata...

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): ...apa yang keliru.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): ...kerana kita dah berjanji dengan kontraktor kita kena *owner* 100% pada itu. Tak boleh. Sebab itu saya mohon Dewan tadi, saya membuat permohonan kepada Dewan. Permohonan

saya, kita buat pengubahsuaian supaya alihkan Bajet yang tidak perlu kepada perkara yang lebih mustahak, itu saja.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bandar. Sila Kuala Berang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Bandar. Kita....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kejap ya, saya minta. Sekejap Kuala Berang, Speaker ada sini. Kita ikut peraturan, nak mencelah nak apapun.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Betul Dato' Speaker, saya tak nak lanjut perkara ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila Kuala Berang. Teruskan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tak nak tegakkan benang basah Dato' Yang Dipertua. Kita ada perjanjian. Perjanjian kontrak ada, jangan anggap benda tak penting. Kita langgar perjanjian kontrak kita kena saman. Bising pula.

Dato' Yang Dipertua, soal yang saya dah bangkit tadi soal kita Kerajaan yang mampu. Bukan kita tak mampu, kita tak perlu rasionalisasi ya. Dalam konteks ini kita ucap tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Dalam keadaan apa sekalipun, *adjust* sana sini dengan pegawai, dengan pentadbir kita. Kita dapat *owner* setakat ini, kita utamakan. Sebab ini hak rakyat ni. Kita cakap soal duit rakyat.

Saya dengar tadi, Tepoh cakap menderita. Allah lenguh, saya pergi khabor Yang Berhormat luar. Tengok pada Yang Berhormat segak ni, kalau ada rakyat menderita tak makan, tak boleh berjalan, saya kata *takdok* di Terengganu ni. Jangan begitu. Kita kalau soal, Yang Berhormat....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Saya ikut Kuala Berang, nak royat, saya ikut Kuala Berang gi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya nak beritahu.....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Saya nak tanya satu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): *Doksoh* tanya. Saya tak bagi peluang. Saya nak bagitahu Dato' Yang Dipertua.....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Ini soalan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tak ada. Tak payah soalan dah, ni penggulungan dah ni. Penjelasan *mende*.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Saya nak tanya sebab berkait dengan saya. Takkan takut *doh*? Orang muda biasalah beri. Orang lama tak takut sepatutnya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tidak, saya tak beri. Dato' Yang Dipertua, soal macam ni kita jadi yang bertanggungjawab.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Sebab berkait.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekejap Kuala Berang, saya nak tanya Tepoh. *Point of Order* mana *you* nak guna?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Saya minta keizinan Yang Berhormat Dato'.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: *You* tak boleh, peraturan 47(A) jelas. *Point of Order* tu kena jelas yang mana?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Minta izin Exco.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dia sentuh sikit jer Dato' Yang Dipertua. Saya nak habiskan ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Saya nak tanya *feasibility study*. Ada sungguh ke tidak?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya dah sebut tadi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Kalau ada boleh ke tidak untuk kita dapatkan benda tu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Astagfirullahal'azim.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tepoh, duduk Tepoh. Teruskan Kuala Berang dengan penggulungan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Kita bercakap pada fakta Dato' Yang Dipertua. Saya katakan tadi kita jangan gambarkan kepada rakyat atau kepada di luar sana bahawa kita ni buat pembaziran, belanja yang tak betul. Rakyat menderita, tak makan, sebagainya. Tidak. Kerajaan Yang Amat Berhormat, Kerajaan....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Saya cabar supaya beri dokumen itu untuk kita tengok juga.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Apa benda ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tepoh, Tepoh. Saya minta adab Dewan, Peraturan Dewan patuhi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Berilah peluang untuk kita bertanya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: ....Itu peraturan dia.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Saya minta keizinan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia tak bagi, tak bolehlah. Mudah saja. Jadi peraturan begitu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Kalau benda itu ada, berkongsi dengan kita untuk kita tengok *feasibility study* tu betul ke tidak, ada.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tepoh saya dah kata peraturan ada. Macam tadilah bila mana saya nak tengok ditularkan. Saya nak tegur sikit ditularkan tadi tentang saya tidak membenarkan Usul Perkara 30. Bukan saya tidak membenarkan, saya telah memilih Y.B. lain. Jadi ayat tu salah tu ditularkan benda yang salah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Saya tak tular, media yang tular.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak kiralah kena betulkan tular tersebut.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Kena tegurkan media saya rasa.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya minta ya...

YANG BERHORMAT HAJI MOHD HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Tidak berkaitan dengan saya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak, saya nak tegur saja. Bahawa...

YANG BERHORMAT HAJI MOHD HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Jadi saya fikir Yang Berhormat Speaker menegur media bukan saya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tepoh, Tepoh. Speaker bercakap. Dengar dulu saya nak terangkan. Bermakna saya dah awal-awal tadi, dalam ucapan saya awal-awal sama-sama kita jaga. Sebab kalau kita buat PC di luar sana, tak kira siapapun. Salah PC tersebut diambil dan ditularkan jadi fitnah, susah kita.

Saya tak kata Tepoh. Tapi tadi saya dah kata saya baca ditularkan. Tentang Tepoh tadi, bukan Tepoh yang cakap tentang Tepoh tadi. Usul Perkara 30. Saya bukan tidak membenarkan tapi saya telah memilih. Peraturan Dewan jelas Perkara 30 hanya sekali sahaja. Kalau saya nak langgar Peraturan Dewan ini, siapa saya. Saya tidak boleh mengatasi Peraturan Dewan.

Jadi kena faham, orang di luar sana kena fahami bersama, tolong saya untuk tidak menyebarkan mana-mana fitnah, besar dosanya. Sila Kuala Berang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kiala Berang): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Dato' Yang Dipertua, saya tumpu kepada Usul Perbekalan Tambahan ini di mana Dato' Yang Dipertua, kalau nak katakan dua projek ini sakit ataupun projek yang terbengkalai memang tidak berlaku. Projek yang kita luluskan ini sebenarnya bukan projek sakit, projek inilah *complement* kepada antara projek-projek lain. Betul ada projek yang tertanggung di sana tapi bukan projek ini.

Yang kedua Dato' Yang Dipertua, peruntukan tambahan ini juga untuk istana, baki-baki peruntukan tambahan di Istana Syarqiyyah. Kemudian *Double Road Frontage* Fasa II bawah tajuk 24929 yang di KTCC. Kemudian Menaik Taraf

Kompleks Sukan Daerah-Daerah - 15941, kemudian Pembangunan Saliran di Marang, Sungai Seluang dan Sungai Buaya di Marang. Kemudian juga di Kuala Ibai, Padang Negara sebagaimana Ladang sebut tadi.

Jadi satu lagi yang agak popular 17902 Dato' Yang Dipertua, yang dibangkit oleh Jabi sebenarnya inilah berbeza dengan apa yang dibangkitkan oleh Bandar sebentar tadi. Ini adalah tambahan Yang Amat Berhormat dan juga Kerajaan untuk melihat rakyat terbela melalui pembinaan rumah baru PPRT, RM40,000 dan juga baiki rumah yang masih lagi perlu sebanyak RM11,000 satu unit seluruh negeri di mana kita perlu tambahan dan projek ini dah laksana saya ingat hampir 80% berjalan sekarang ini seluruh negeri dan perlu kepada pembayaran. Kita tak boleh tangguh ini.

Kemudian apa yang perkara yang juga kepentingan rakyat disebut Pembangunan Projek-Projek Kecil Seluruh DUN 16919 disebut tadi sebanyak RM7.7 juta disebut oleh Bukit Tunggul. Sebenarnya Yang Berhormat Bukit Tunggul kita akui pelaksanaan projek-projek ini mudah dituduh untuk kepentingan politik nak wujudkan projek samata-mata. Saya ingat ini tuduhan yang melulu yang Dato' Yang Dipertua.

Soal pelaksanaan kita jelas, soal tatacara kewangan, tatacara pentadbiran sama ada di Pejabat Daerah, di pejabat mana-mana teknikal perlu diikuti oleh perbelanjaan ini. Cuma kita nak jelaskan perbelanjaan ini sebenarnya diangkat untuk kepentingan rakyat. Ada yang ganti gigi palsu, cermin mata tak nampak, alat pendengaran, nak baiki tangga, nak baiki macam-macam termasuk juga ada ibu tunggal nak buat hamper Hari Raya, nak buat majlis itu, majlis ini. Kadang tak cukup Yang terhormat. Ni keperluan rakyat terlalu banyak. Maka inilah...

YANG BERTERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Minta penjelasan. Saya nak perelaskan sikit, minta. Apa yang saya bangkitkan tadi....

YANG BERTERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, sila Bukit Tunggul.

YANG BERTERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Apa yang saya bangkit tadi ialah pembinaan pondok-pondok DUN Bukit Tunggul begitu banyak sekali di tepi-tepi jalan raya, tanah Kerajaan yang hingga hari ini tidak digunakan. Untuk apa pondok ni dan peruntukan daripada mana sebenarnya? Itu mohon pihak Exco beri penjelasan.

YANG BERTERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Yang Berhormat Bukit Tunggul ya. Ini Yang Berhormat sendiri tak pasti peruntukan daripada mana. Tak boleh nak fitnah yang ni diguna daripada peruntukan ini. Kalau Yang Berhormat tengok, *check* dengan pejabat mana yang buat, duit daripada mana, Yang Berhormat boleh



pungut baru boleh *complain* di sini ya. Kalau kata umum begini tak boleh Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Saya minta penjelasan atas Exco.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Mungkin projek orang lain. Itulah maksud saya nak terang kepada Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Jadi? Jelaslah, tu jer.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya tak boleh jelas. Sebab Yang Berhormat sendiri tak boleh nak tumpu projek tu projek mana?

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Kalau saya tahu saya jadi Kerajaan macam tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Sudah.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Sebab saya tak jelaslah minta Exco....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Betul, betul.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): ...jelaskan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Sekarang ni saya jelas...

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Sebab peruntukan diluluskan dalam Dewan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya nak jawab sini, projek yang kita minta kita ada senarai semua. Kalau Yang Berhormat kata projek itu dibuat melalui kepala ini, baru boleh saya jawab. Sekarang Yang Berhormat cakap tak tahu projek itu dibuat daripada mana. Macam mana kita nak jawab.

Jadi saya nak anggap jawapan Yang Berhormat, nak nasihat Yang Berhormat tak payahlah, tak payah. Saya faham dah maksud Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Sebab projek itu dibuat, dibuat.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): *Doksoh bekeng* Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Tetapi.....

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dengar saya cakap pula.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Jawab dulu betul-betul.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Ya, saya jawab ni.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Jangan duk pusing-pusing gitu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya jawab ni Yang Berhormat. Saya tahu Yang Berhormat panas telinga. Tapi dengar saya jawab.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Tak panas cuma pusing-pusing tak sedap dengar.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Betullah pusing *dok* pusing dah. Betul. Kalau Yang Berhormat *check* projek itu di bawah perkara ini, Yang Berhormat *complain*. Kita ada tatacara belanja di Pejabat Daerah, di pejabat mana-mana.

*Complain*, jangan umum gitu seolah-olah tak sedap dengar *nun*. Orang dengar *nun* seolah-olah *hok* kita ni betul belaka cakap, ya. Jadi Dato' Yang Dipertua...

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Khabor ajelah daripada mana senang aje.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tak betul tu.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekejap Kuala Berang ya. Kuala Berang, Bukit Tunggul duduk sekejap. Sebab memang dah peraturan, soalan apa sebagainya mesti berkisar tentang apa yang kita sedang bicarakan. Itu maksud Kuala Berang. Jadi Perkara 67 tu jelas. Kalau betul apa yang dinyatakan oleh Bukit Tunggul tu, maknanya saya boleh benarkan ni berlarutan ya.

Jadi kalau tak ada fakta *detail* saya tak benarkan berterusan. Mesti Perkara 60 dipatuhi. Okey, sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Okey Dato' Yang Dipertua, boleh saya teruskan? Akhir Dato' Yang Dipertua, saya ucap terima kasih laporan kepada Exco Perumahan oleh Ladang tadi. Begitu juga yang kita bincang ni, projek itu sedang berjalan dan kita perlu *owner* kepada pembangunan yang dibuat, kemudian ada teknikalnya longkang tinggi daripada tanah, takut tak ngalir esok-esok, ya.

Terima kasih bangkit di Dewan ini Yang Berhormat. Yang Berhormat rakan kita Permaisuri memang mencatit, dia akan turun teknikal di bawah *nun*. Kita di sini nak minta tambahan, nak cakap soal teknikal sampai malam tak sudah Dato' Yang Dipertua.

Jadi inilah prinsip kita minta tambahan ini bukan untuk kita berjoli. Kita nak tunaikan tanggungjawab sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab untuk perkara-perkara yang telah disusun, yang telah kita janji kita nak jadikan kejayaan kepada rakyat, ya. Ini semua.

Jadi Yang Berhormat kena faham, kita setuju Yang Berhormat jadi pembangkang. Saya sangat setuju, saya baik dengan Bandar. Saya baik. Bangkang betul, beri idea kita ambik tapi jangan sekadar nak bangkang kemudian *hok* kita ni tak betul belaka. Puji, pujilah *etek* apa yang kita buat.

Khabor kepada rakyat, kita nak baik dah ni kan. Baik dah. Presiden tanya apa nama Rusila *nun*. Molek doh, kita tunjukkan ketertiban politik kita, kekuatan azam kita untuk rakyat, bukan kita semborono ya. Yang betul kita cakap betul, yang tak betul kita baiki. Inilah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, maksud kita dan saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kuala Berang. Terima kasih banyak kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah terlibat dalam perbahasan Usul sebentar tadi. Terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Kuala Berang yang mewakili pihak Kerajaan. Sekarang saya buka kepada undian –

*Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.*

**USUL INI DITERIMA.**

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN 2017**

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara berikut dalam Tertib Pekerjaan Dewan ialah Rang Undang-Undang. Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar mengemukakan Rang Undang-Undang Pertama Enakmen Perbekalan Tambahan 2017.

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Salam sejahtera, Salam Negaraku Malaysia, Salam 1TTB.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Berhormat-Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, wakil-wakil jabatan serta para Pemerhati yang dihormati serta dirahmati oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama suatu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2017 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibaca bagi kali yang pertama. Sekian, terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kota Putera. Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang pertama.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN  
BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA  
KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN  
TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2017 DAN  
BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-  
MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU, DIBACA  
BAGI KALI YANG PERTAMA.

#### Bacaan Kali Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama suatu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2017 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberikan kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk Perkhidmatan Awam Negeri dalam tahun 2017 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Enakmen Perbekalan 2017.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar, sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kota Putera. Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua. Sekarang saya buka untuk perbincangan sekiranya ada. Ahli Yang Berhormat yang ingin berucap, berbahas silakan. Sila Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Lanjutan daripada cadangan Rang Undang-Undang yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi menyebut tentang permohonan ataupun cadangan Rang Undang-Undang untuk mewujudkan suatu enakmen menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Yang Disatu.

Jumlahnya kebetulan RM100 juta sebagaimana yang kita bincang sebelum pada ini. Saya nak bawa, sebelum pada itu saya juga berterima kasih kepada Pegawai Kewangan Negeri kerana kami sempat berbincang, saya dapat sedikit pencerahan daripada Yang Berhormat untuk kedudukan kedua-dua lampiran yang telah kita bekalkan dalam Buku Penyata Kewangan Tahun 2016.

Satu di muka surat 21 iaitu Penyata Perbelanjaan Mengurus Tahun 2016, sama juga kaedah untuk Tahun 2017. Dan satu muka surat lagi 78 iaitu Penyata Perbelanjaan Pembangunan. Jadi hari ini kita ada dua permohonan iaitu satu untuk tambahan RM100 juta perbelanjaan pembangunan yang baru kita undi tadi dan kita luluskan yang baru kejam tadi Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengemukakan Rang Undang-Undang untuk enakmen menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan jumlah yang sama.

Tetapi untuk tujuan pelaporan, saya tidak mempertikaikan jumlah yang dipohon tetapi ini adalah untuk *procedure* pelaporan kerana di dalam buku Penyata Kewangan telah meletakkan berasingan *item-item* tersebut di dalam dua jadual yang berbeza.

Hari ini kita ada kertas *order paper* yang bernombor 7/2017 yang meletakkan dengan jelas apa yang disebut, dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, dia merujuk kepada perkara B.04, yang tadi P.02. Sekarang B.04 iaitu Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu. Maka jumlah RM100 juta ini untuk tujuan digunakan tambahan ini dimasukkan dalam Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu dan diagihkan dalam bentuk pemberian dalam negeri Caruman Kepada Pelbagai Kumpulan Agensi Kumpulan Wang.

Ini bermakna sekiranya tadi kita bincangkan dengan jelas kegunaan RM100 juta tadi digunakan untuk diagih, dibelanjakan kepada 10 *item* yang jelas, yang kita baca termasuk Kenyir, Pembangunan Tasik Kenyir dan sebagainya sehinggalah kepada *item* yang paling kecil sekali tetapi yang ini adalah permohonan untuk mewujudkan pemberian kepada caruman-caruman agensi-agensi yang berkenaan.

Saya rasa ini adalah dua isu yang berbeza. Satu isu berkenaan pembayaran langsung kepada 10 *item* dan ini kepada satu *item* iaitu perkara 171, Pemberian dalam negeri kepada agensi-agensi yang tersenarai dan jumlah asalnya Dato' Yang Dipertua memang perbandingan dia jauh berbeza.

Kalau kita tengok dalam Lampiran A dalam Kertas Order Paper 7/2017 di Lampiran A memang ada menunjukkan anggaran asal tujuan dan juga tambahan. Jadi peruntukan yang asal di sini RM540 juta nak ditambah RM100 juta. Yang tadi Dato' Yang Dipertua, yang kita bincang baru lepas tadi yang asal Perbelanjaan Anggaran 2017 adalah RM135 juta nak ditambah RM100 juta.

Jadi angka tambahan yang nak diminta tu sama tetapi untuk tajuk yang berbeza. Satu untuk jumlah asal RM135 juta nak tambah RM100 juta. Yang sekarang peruntukan asal RM540 juta nak ditambah RM100 juta. Ini dari segi tujuan pelaporan. Sebab tu saya kata untuk Buku Laporan Tahunan Penyata Tahunan ni 2017 belum ada. Kerana belum dibuat lagi, belum habis lagi.

Ini berdasarkan kepada Laporan Buku Penyata Perbelanjaan Tahun 2016 memang ini kaedah yang digunapakai meletakkan secara jelas di antara perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan. Lanjutan daripada itu Dato' Yang Dipertua, dalam sesi perbahasan untuk B.04, Dato' Yang Dipertua benarkan saya menggunakan ruang ini selama 10 minit, ya.

Okey, saya nak bertanya lanjutan daripada kaedah kita membuat pelaporan ini. Daripada buku Penyata Kewangan ini juga, kalau diizinkan Dato' Yang Dipertua cuba kita semak di muka surat 131. 131 di muka surat yang akhir tu, kita ada Penyata Hutang Awam. Saya ingin menyatakan terima kasih saya, pasal apa? Sebelum pada ni saya tak nampak ada Kerajaan Negeri menyatakan secara jelas tentang Kedudukan Hutang Berkanun kita untuk peringkat negeri. Susah untuk

kita buat rujukan tetapi sekarang ada di belakang sehingga kita laporkan yang terbaru sehingga akhir 2016 memang ada kita letakkan kedudukan hutang besar Negeri Terengganu iaitu.....

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Minta maaf Dato' Yang Dipertua, ingin penjelasan kepada Bandar.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Boleh, terima kasih.  
YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, Bandar membahaskan ini soal Buku Laporan, Penyata Laporan. Agenda yang awal pagi tadi, Penyata Kewangan Bilangan 8/2017 dan juga Bilangan 9/2017. Sebenarnya agenda ni dah tamat. Jadi tak payah saya rasa... Betul. Sebelum Soalan Lisan tadi.

Sepatutnya tadi Yang BERTHORMAT bangkitkan perkara ini Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tak apa, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Jadi kalau nak *relatekan* dengan perkara ini tak adil kepada kita. Tak faham orang ramai Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Okey, terima kasih. Saya tidak berniat dan tidak bertujuan untuk menyebabkan orang tidak faham. Sebab itulah saya rujuk kepada Buku Laporan yang semua orang ada dan kita boleh rujuk. Saya harap tidak ada kekeliruan kerana saya menyebut muka surat 131.

YANG BERTHORMAT DATO' TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Sebab Yang BERTHORMAT kena ingat laporan ini telah dilulus dan disahkan oleh kita semua.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Jadi Yang BERTHORMAT kena berhati-hati di dalam soal ini. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Pada muka surat 131 di bahagian bawah sekali jumlah besar Hutang Negeri Terengganu yang terbaru, maklumat terkini adalah RM1.270 maknanya RM1,270,000,000.00. Jadi oleh kerana hari ini kita mohon supaya Dewan meluluskan, tadi sudah perkara pembangunan dan sekarang perkara berkenaan dengan urusan B.04 yang jumlahnya sama. Jadi saya mohon supaya isu hutang ini yang



menyebabkan defisit kita di Negeri Terengganu lebih besar daripada tahun-tahun sebelumnya, kita fikir juga bersama.

Sebab itu saya kata kalau tidak boleh kita batalkan ataupun tangguhkan kalau masih lagi kita hendak menambah perbelanjaan ini, saya telahpun bersetuju tetapi saya mohon supaya boleh tak kita agihkan atau pindahkan kepada *item-item* yang lebih perlu. Bukankah itu baik kepada Kerajaan kerana boleh buat perbelanjaan yang boleh mendatangkan, menaikkan imej Kerajaan kerana seperti Yang Berhormat Exco jawab tadi perbelanjaan yang digunakan untuk rakyat.

Saya rasa permohonan itu saya buat berdasarkan ini. Dan kalau kita dalam keadaan telah defisit itu belum lagi mengambil kira kedudukan perbelanjaan yang kita gunakan kepada Pembangunan Bandar Baru Kuala Nerus. Dan tentu kita telahpun mengetahui secara anggarannya jumlah perbelanjaan yang kita perlu kepada Pembangunan Bandar Baru ini. Sudah tentu dia menyebabkan hutang Negeri Terengganu melebihi daripada angka ini.

Dan Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Persekutuan telah mengeluarkan senarai. Senarai Hutang-hutang Negeri-negeri di dalam Persekutuan kita termasuk Negeri Terengganu. Sebab itu saya kata berdasarkan kepada tahun lepas saja kita telah mencatat RM1.2 bilion lebih hutang kita.

Jadi kalaulah perkara ini dimasuk ambil kira keadaan terbaru dan juga keadaan sepanjang tahun 2017 saya bimbang kita akan mencatat satu angka yang lebih besar daripada angka yang sekarang. Walau bagaimanapun, untuk tujuan perbincangan dalam Enakmen atau Rang Undang-Undang yang kita bentangkan pada Dewan pada hari ini, saya cuma nak minta penjelasan supaya kita murnikan antara dua tadi P.02 dan B.04 kerana dia dilihat sebahagian Ahli-ahli Dewan juga. Persepsinya RM200,000 dua kali peruntukan. Tapi yang sebenarnya adalah satu kali peruntukan. Sebab itu saya kata, ini juga mustahak kepada kebanyakan Ahli-ahli Dewan yang memberi persepsi tersebut kerana pelaporan kita adalah berdasarkan kepada Penyata Kewangan yang kita sendiri edar dan kita sendiri bagi supaya kita lihat. Di sini memang jelas dua segmen yang berbeza pelaporannya, Pembangunan dan Mengurus di dalam jadual yang berasingan, jumlah juga berasingan.

Samalah juga dengan Kertas Order Paper 7/2017 yang meletakkan, yang telah kita luluskan lain, yang kita minta sekarang lain. Yang kita dah luluskan dulu RM540 juta tambahan yang kita nak ialah RM100 juta. Yang ini yang telah kita luluskan RM135 juta nak tambah RM100 juta untuk Pembangunan dan Perbelanjaan Bekalan Untuk Mengurus.

Dah tentu perkara ini sangat berbeza dari segi rujukan biasa. Sebab itu dia bertanggung kepada Kerajaan sekarang untuk memberi penjelasan. Saya pun tidak mahu dilihat sebagai memberi tohmahan yang Kerajaan menggunakan kewangan secara sewenang-wenang. Itu bukan niat kita, tidak. Maksudnya bukan itu Dato' Yang Dipertua. Tetapi pelaporan dalam buku yang ada semua orang ni memang meletak secara jelas item itu dua yang berbeza, Pembangunan dan Mengurus. Sekarang angkanya sama RM100 juta, RM100 juta. Saya dapat pengesahan daripada Yang Berhormat Pegawai Kewangan, minta maaf Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri yang mengesahkan bahawa angka itu sama tetapi pelaporannya .....

Ya, tarik balik? Ya, tetapi untuk saya kongsi kepada semua Ahli-ahli Dewan kerana saya pasti ada di antara kita yang kata RM200 juta. Betul? Dari segi persepsi angkanya memang RM200 juta tetapi dikatakan hanya RM100 juta. Inilah yang saya minta supaya Dewan mengambil ketetapan menjelaskan bahawa Negeri Terengganu ada perbezaan daripada negeri lain dari sistem pelaporan acara tatacara kewangan kita berbeza dari negeri lain. Tak apa kita boleh terima, tetapi ada pengesahan itu. Maksudnya dari sudut Pelaporan Aktiviti Kewangan Negeri Terengganu memang kita berbeza dengan negeri lain. Terima kasih banyak.

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Terima kasih Bandar. Kalau tak ada saya minta pihak Kerajaan sila buat penggulungan. Terima kasih sila Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar.

**YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:** Baik. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam 1TTB. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat-Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, wakil-wakil jabatan serta para Pemerhati dan juga wakil-wakil media, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Pertama sekali saya merakamkan ucapan terima kasih dan kita lihat bahawa semua Ahli Yang Berhormat daripada tadi saya nampak yang telah banyak memberi pandangan, membuat kritikan membina dan mengambil bahagian secara aktif dalam Sidang Dewan kali ini. Saya rasa bersyukur Dato' Yang Dipertua kerana Persidangan Dewan Undangan kali ini berjalan dengan suasana yang sangat baik, penuh muhibah, penuh aman dan tenteram. Jadi, sudah pastilah ini akan memberi dan memudahkan untuk pihak Kerajaan untuk terus bergerak ke hadapan kerana rakyat mengharapkan yang terbaik daripada Kerajaan.

Jadi berkaitan dengan Tambahan Peruntukan Bekalan Pertama 2017 yang Vot B.04 Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu yang maksudnya ialah Pemberian

Dalam Negeri caruman kepada pelbagai agensi Kumpulan Wang. Ini adalah perkara yang memang sentiasa kita praktik kerana sedia maklum apabila kita merangka Bajet, kita tak dapat nak mengetahui secara dengan izin *actual figure* yang kita akan perolehi sama ada pendapatan atau perbelanjaan. Jadi berasas apa yang telah kita lalui selama lebih daripada enam bulan, jadi di situ baru kita nampak bahawa perkara tambahan dan perkara-perkara yang perlu kita tokok tambah untuk memastikan bahawa agenda membantu rakyat akan dapat kita laksanakan dengan sebaik-baiknya.

Dan dalam soal ini seperti yang telah disebut oleh Wakil Kuala Berang sebentar tadi. Ia adalah sama juga kerana Kumpulan Wang Pembangunan Tambahan yang kita peruntukkan sebanyak RM100 juta ini adalah tujuan utamanya adalah caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan di bawah aktiviti 000171 iaitu Caruman Kepada Pelbagai Agensi Kumpulan Wang bagi membiayai Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2017. Dan ini akan menjadikan bajet bagi caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM640 juta dan sedikit sebanyak ini akan dapat mengurangkan defisit dalam Kumpulan Wang tersebut. Dan, jangan bimbang kerana apabila tambahan peruntukan diluluskan akan membolehkan caruman tambahan daripada Akaun Hasil Disatukan dibuat kepada Kumpulan Wang Pembangunan. Tambahan pula urusan ini tidak akan melibatkan aliran tunai kerana ia adalah sebagai pelarasan kepada Kumpulan Wang Pembangunan.

Jadi itulah saja yang saya dapat maklumkan tentang perkara ini dan saya harap pihak di sebelah sana tak ada masalah kerana yang paling mustahak hari ini saya nak mengucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai di Perbendaharaan Negeri Terengganu yang diketuai oleh Yang Berhormat Dato' Kewangan walaupun dalam keadaan kewangan kita yang agak terbatas sekarang ini. Tetapi Alhamdulillah kerana tahun ini kerana selama ini kita mengharapkan bahawa pendapatan negeri kita dalam 90%, tahun lepas kita telah mengurangkan 90% daripada hasil petroleum dan tahun lepas kita dah dapat kurangkan kepada 68%. Bermakna hasil yang lain-lain daripada petroleum, kita telah meningkat daripada 10% menjadi 32%. Ini adalah satu pencapaian yang begitu baik sekali yang telah dilaksanakan oleh pegawai-pegawai di Negeri Terengganu terutama pegawai di Perbendaharaan Negeri yang diketuai oleh Yang Berhormat Dato' Kewangan kita.

Jadi itu sahaja, terima kasih. Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YANG BERTAMBAH HORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Terima kasih kepada Y.B. Bandar yang terlibat dalam perbincangan. Sekarang saya buka kepada undian –

*Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.*

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2017 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2017 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN

WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU, TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU FASAL KE SATU FASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI DAN DILULUSKAN TANPA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan untuk dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

*Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.*

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2017 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU.

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI OLEH KUASA UNDANGAN NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN SEPERTI BERIKUT:-

1. ENAKMEN INI BOLEHLAH DINAMAKAN ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN 2017.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Alhamdulillah, Rang Enakmen ini diluluskan dan telah menjadi **Enakmen Perbekalan Tambahan 2017**.

### **ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU (PINDAAN) 2017**

SETIAUSAHA DEWAN: Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar mengemukakan Rang Undang-Undang yang kedua, Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-orang Melayu (Pindaan) 2017.

#### Bacaan Kali Yang Pertama

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam sejahtera, Salam Negaraku Malaysia dan Salam 1TTB. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu

Enakmen untuk meminda Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu 1360, dibaca bagi kali yang pertama. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, sila Kuala Besut.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang pertama.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN  
UNTUK MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI  
ORANG-ORANG MELAYU 1360, DIBACA BAGI KALI YANG  
PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang Bernama suatu Enakmen Untuk Meminda Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu 1360, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda perenggan 9(3) Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu (*En.Tr.17/1360*) supaya Konsortium Perumahan Rakyat Terengganu Sdn. Bhd. menjadi badan yang kepadanya Tanah Orang-Orang Melayu boleh dipindah milik.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Sila Kuala Besut.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua. Maka sekarang saya buka kepada perbahasan sekiranya ada. Sila Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Hari ini sekali lagi isu berkenaan dengan cadangan untuk meminda Akta Tanah Simpanan Bagi Orang-Orang Melayu 1360 di peringkat Negeri Terengganu dibawa ke dalam Dewan. Ini bermakna dalam tempoh hanya 2 tahun kita telah meminda sebanyak tiga kali ya, Dato' Yang Dipertua.

Kali pertama dalam tempoh inilah 2015 pada 23 April kita telah membuat pindaan untuk masukkan Perbadanan Prima Malaysia jadi dibadan yang mana Rezab Tanah Simpanan Melayu boleh dipindahkan. Kemudian kita berkembarkan bersama dengan Badan Perhubungan UMNO Negeri Terengganu menjadi badan yang boleh kita pindahkan juga Tanah Rezab Melayu kepada badan ini. Kemudian selang beberapa bulan, kita masukkan lagi pindaan yang nak membolehkan UniSZA Holding Sdn. Bhd. dimasukkan dalam sebagai badan yang boleh juga tanah dipindahkan kepada syarikat ini. Kemudian kita masukkan sekali UniSZA Properties Sdn. Bhd. Bermakna dalam kes ini walaupun telah ada aturcara-aturcara yang telah kita tetapkan di bawah Akta ataupun Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang Melayu di Terengganu, kita telah masukkan banyak syarikat-syarikat di bawah jadual ataupun Seksyen 9 untuk masukkan. Dan hari ini Dato' Yang Dipertua, kita nak masukkan Konsortium Perumahan Rakyat Terengganu Sdn. Bhd.

Jadi hari ini adalah ulangan kepada permintaan atau aturcara-aturcara yang kita bentangkan terlebih dahulu adalah lebih kurang sama dan saya yakin hari ini juga akan dapat diluluskan. Saya nak mengulangi, oleh kerana saya yakin akan diluluskan juga atas undi yang terbanyak, saya nak ambil kesempatan ini untuk mengulangi. Kerana saya telah membuat rujukan kepada beberapa pihak yang menyatakan kebimbangan. Soal Tanah Simpanan Melayu seperti yang ditegaskan oleh Yang Berhormat dan Exco mengatakan hanya terhad di kawasan di Hulu Terengganu ataupun di Kuala Berang. Memang betul itu adalah Tanah Simpanan Orang Melayu Terengganu tetapi istilah ini ataupun tafsiran ini telahpun berkembang ataupun dipersetujui berkembang juga kepada kedudukan Tanah Pegangan Melayu.

Ladang betul ya, Tanah Pegangan Melayu? Ya. Tanah Pegangan Melayu di serata negeri ada secara tidak tertumpu dan ini melibatkan *acreage* yang jauh lebih besar daripada Tanah Rezab atau Simpanan Melayu yang kita gambarkan dalam keadaan ni.

Saya merasakan Dato' Yang Dipertua, tidak ada kemunasabahnya kalau syarikat-syarikat seperti yang kita sebut terdahulu seperti PR1MA, Badan

Perhubungan UMNO, UniSZA Holding, UniSZA Properties dan sekarang Konsortium Perumahan Rakyat untuk bertumpu di Hulu Terengganu kalau atas sebab Tanah Rezab Melayu sahaja. Dan jumlahnya amat kecil sekarang. Jadi sudah pasti perkara ini sebenarnya ditumpukan kepada Tanah Pegangan Melayu yang kedudukannya serata Negeri Terengganu.

Saya nak ambil satu contoh pagi tadi, saya telah terlebih awal menyebut Dato' Yang Dipertua kita dengan suci hati, telahpun Dewan ini meluluskan Syarikat PR1MA, Perumahan Rakyat 1Malaysia ditubuhkan dan dijadikan badan di mana Tanah Simpanan Melayu boleh diserahkan kepada mereka. Boleh dipindahkan kepada mereka secara suci hati. Tapi pagi tadi saya sebut setakat ini Menteri Di Jabatan Perdana Menteri mengesahkan hanya 8,475 rumah PR1MA seluruh Malaysia dan Terengganu sebiji rumahpun belum ada yang dibina oleh PR1MA.

Kita telah luluskan seawal 2015 PR1MA dijadikan badan untuk ini. Saya percaya dan ada tanah-tanah yang telah berpindah kepada Syarikat PR1MA. Saya yakin memang dah ada perkara itu telah berlaku. Tetapi belum ada hasil iaitu rumah yang sepatutnya dibina rumah berstatus PR1MA di Negeri Terengganu atas Tanah Simpanan Melayu yang boleh dipindah kepada mereka setakat ini tidak ada.

Logiknya ialah Menteri Di Jabatan Perdana Menteri mengesahkan hanya 8,475 seluruh Malaysia. Matlamat asal 500,000 daripada 1 juta rumah nak dibina kepada seluruh rakyat Malaysia. 500,000 adalah daripada PR1MA dan PR1MA hanya berjaya 8,475. Bermakna tidak sampai kepada *percentage* 0.01.

Ini perkara yang sukar untuk kita percaya. Saya yakin ramai yang mendengar ni tak percaya, tetapi bila saya sebut fakta ini dibentangkan Parlimen dan dijawab oleh Menteri Di Jabatan Perdana Menteri maka ini adalah fakta dan yang menyedihkan sudah tentu daripada 8,000 lebih ni tidak ada statistik rumah PR1MA di Negeri Terengganu yang telah berjaya disiapkan barangkali. Ada dah? Ada. Maka Menteri JPM tak betullah.

Ada, tapi mungkin bilangan dia... dah disiapkan? Belum siapkan lagi. Okey, Alhamdulillah PR1MA telah memulakan, ya.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang):** Yang Berhormat dia tak siap satu malam. Sebab rumah dia ada peringkat dia, lulus tanah. Untuk ini kita masuk dulu jadual, pahtu dia boleh masuk, angkat pelan...

**YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar):** Buat di Kuala Berang?



YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Mana, mana seluruh negeri Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tak di Negeri Terengganu buat di mana?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Seluruh negeri, pegangan. Baca Jadual 9, Yang Berhormat. Bukan Rezab Melayu saja ni Tanah Pegangan Melayu juga.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih atas pencerahan. Itulah sebab saya kata sekarang....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Betul.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kepentingan untuk membawa Enakmen-Enakmen....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dok sebab Yang Berhormat terlalu taksab pada PR1MA seolah-olah Terengganu ni hanya PR1MA, PR1MA, PR1MA.....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sebab saya taksab ada statistik. Saya cukup marah bila orang kata.....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Betullah, sebab .... Tak payah marah dulu Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Daripada janji.....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dah buat tapi tak siap lagi. Ada usahawan kita minta.....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang Berhormat.....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang dilapor di Parlimen yang dah siap.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang Berhormat ....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang belum siap tak dilapor lagi.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang Bert hormat, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri dengan suci hati.....

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dah Yang Bert hormat hangat hati tu pasal apa....

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dengan suci hati.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Hok ni Yang Bert hormat tak nak lulus tapi Yang Bert hormat nak suruh PR1MA bina. 80% tanah ni.....

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Telahpun diluluskan Yang Bert hormat menjadi Badan yang boleh dipindahkan tanah ini kepada mereka.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Mengarutlah Yang Bert hormat ni.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya rasa perkataan mengarut tu tak patut kita tujukan kepada Dewan. Tak baik.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Memang saya ingat kalau kita duk semua kita nak bahas tak kena, kita mengarutlah. Saya jelaskan Yang Bert hormat.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya cuma menjalankan perintah sebagaimana Buku Aturan ataupun Order err... Buku Peraturan Tetap Dewan. Itu sahaja. Di mana setiap ahli diminta atau dibenarkan untuk berbahas apabila sesuatu Rang Undang-Undang atau Enakmen itu dibentangkan. Dan ada *time limit* dia. Jadi ini adalah hak sebagai Ahli Dewan untuk mengemukakan pandangan.

Jadi saya sekali lagi mengatakan bahawa saya merasa tidak puas hati kerana jumlah yang dijanjikan kepada rakyat Malaysia atas PR1MA tadi 500,000 yang siap 8,000 saja. Sudah tentu semua orang marah. Dan kebetulan di Negeri Terengganu PR1MA tu dijadi Badan yang kita suruh Dewan luluskan pindah tanah kepada mereka.

Saya tak cerita pun berkenaan dengan Badan Perhubungan UMNO Terengganu. Di mana saya rasa yang ini juga menjadi satu.... Dah berapa banyak Badan Perhubungan UMNO Terengganu buat rumah untuk rakyat setelah tanah Rezab Melayu dipindahkan kepada mereka.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat tak semestinya buat rumah. Ini untuk memiliki tanah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dah dia buat apa?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tak semestinya Yang Berhormat pergilah *check*. Kita minta untuk apa.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Untuk komersial?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat, komersial ke, kediaman, ofis ke, tu atas permohonan kita. Yang Berhormat cakap.....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya rasa Yang Berhormat Kuala Berang, Yang Berhormat Bandar dia tak faham sebenarnya tu. Dia tak faham bahawa Rizab Melayu dan Pegangan Melayu itu satu benda yang berbeza kerana Pegangan Melayu ini automatik. Yang kita nak pinda ini, adalah berkait dengan Pegangan Melayu bukan Rizab Melayu atau dengan izin Malay Holding.

Dan sebenarnya hari ini, yang Pegangan Melayu ni adalah automatik di mana tanah-tanah orang Melayu 10 ekar ke bawah secara automatik akan jadi Pegangan Melayu. Jadi kalau kita nak beli, maknanya dari segi UMNO ke siapa yang nak beli, tak boleh beli. Tapi sekarang kita nak beli, kita nak buat apa tak ada masalah. Bukannya bererti kita beli kita nak buat rumah. Maksudnya tanah siapa-siapa saja orang Melayu yang 10 ekar ke bawah secara automatik akan menjadi Pegangan Melayu. Jadi bermakna ini akan memudahkan untuk membantu orang Melayu bagi membolehkan mereka menjual tanah. Jadi kerana itu kita nak konsortium ini untuk dapat beli tanah ini. Jadi itu maksud dia. Terima kasih.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Tapi hari ini Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat sendiri bentangkan tadi, Enakmen ini ialah untuk meminda Enakmen Tanah Simpanan Melayu bukan Pegangan Melayu. Tanah Simpanan Melayu. Yang mana...

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat, sebab tu Yang Berhormat Bandar kena fahami betul-betul dan kena dapatkan nasihat daripada Perundangan. Yang ini 911, Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu, kalau tengok dalam Bahasa Inggeris pula, *ditranslate* dalam Bahasa Inggeris ini dengan sebagai *Malay Holding*.

Jadi yang *Malay Holding* ini adalah Pegangan Melayu. Jadi yang kita maksudkan ini adalah Pegangan Melayu. Yang ini adalah diwartakan, diperuntukkan hanya untuk Tanah Pegangan Melayu Orang Melayu yang 10 ekar ke bawah dan tidak termasuk tanah yang di Kuala Berang yang kita namakan sebagai Rizab Melayu. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ya, ya terima kasih, betul. Saya berpandukan kertas biru yang semua orang ada ni, sama. Isunya sekarang ni mudah jer. Dewan kita ni nak luluskan ke tidak yang Konsortium Perumahan Rakyat Terengganu ni menjadi syarikat yang kita pindahkan...

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya ingatkan Yang Berhormat Bandar, sekarang ni Syarikat Konsortium Perumahan Rakyat Terengganu ni kepunyaan Kerajaan Negeri. Jadi saya rasa tak payahlah kita panjang-panjang ni, saya rasa mudah aje kita lulus ajelah, sebab ini dah tak boleh dipertikaikan kerana ini adalah Syarikat Kerajaan Negeri kerana Kerajaan Negeri nak beli dan nak bantu rakyat kita nak beli dengan tanah-tanah orang Melayu kita dan kita nak bangunkan. Jadi inilah hasrat Kerajaan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kalau beli untuk ambil tanah, beli tanah untuk buat rumah kepada rakyat Terengganu okey, tak ada masalah. Tetapi kita kena ingat kita telah ada *precedent case* di mana sebelum pada ini di mana Tanah Rizab Melayu ni kita beri apa ni pegangan dibenarkan kepada banyak syarikat dan tak jadi apa pun.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sekarang.....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat, sekarang.....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sekarang.....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya ingat Yang Berhormat Bandar.....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tidak, tidak. Sekarang.....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Maksudnya hari ini Yang terhormat tidak faham bahawa.....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Syarikat PR1MA mengesahkan bahawa tidak ada rumah PR1MA...

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Bandar....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): ..... yang siap di Negeri Terengganu. Tidak ada.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Bandar, apabila kita sekarang ini dibenarkan untuk boleh beli. Dia tidak semestinya dia akan buat perumahan. Dia boleh buat apa saja termasuk hari ni.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Okey, Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Syarikat PR1MA kita telah benarkan seawal dua tahun dulu. Sekarang ini satu biji rumah pun belum siap *under* PR1MA.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat okey, Yang Berhormat yang berkaitan dengan PR1MA di Batu Rakit sekarang ni PR1MA Batu Rakit dahpun diluluskan sebanyak 350 unit.....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Berapa siap?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Iklan jualan dah dikeluarkan oleh PR1MA, *progress constructions* PR1MA Batu Rakit dengan izin, 6%, *piling works ongoing*. Jadi sekarang ini dah dibuat dah bermula 19 Jun 2017 kerana dah selesai.....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih, terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dan insyaAllah kita sekarang ini untuk pengetahuan juga sekarang ini Kerajaan Negeri dan juga projek *joint venture* dengan izin, antara Kerajaan dan swasta, kita telah bina 11,312 buah rumah yang telah dan sedang kita bina. Dan kita telah menyiapkan 7,185 unit rumah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih banyak atas *confirmation* tadi. Ada perumahan yang dibuat bersama dengan syarikat swasta, *joint venture*. Mereka mengutamakan untung. Saya kata perkara yang sama Syarikat Perumahan Rakyat Negeri Terengganu Sdn. Bhd. juga adalah syarikat yang boleh menjemput syarikat berkomersial untuk *joint venture* atas tujuan yang sama.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Betullah tu.....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Betul, bagus.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Bandar. Sekarang ini memang ini yang kita nak luluskan dulu. Apabila kita dah dapat lulus, kita akan buatlah cara apa yang Yang Berhormat sebut tadi. Kerana yang paling mustahak sekarang ni ialah keadaan kekurangan rumah di Terengganu ini amat mendesak. Sekarang ini rakyat Terengganu memerlukan. Sebab itulah apabila kita laksanakan program pembahagian tanah. Bila buat pembahagian tanah nanti akan timbul isu nak bina rumah.

Jadi kerana itulah lepas daripada kita dah membagi rumah ni, maka kita akan buat penyediaan untuk membantu rakyat kita bagaimana nak bina rumah di samping kita nak pastikan tanah-tanah yang berpotensi untuk kita bangunkan perumahan akan dijalankan oleh Anak Syarikat Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu sendiri. Terima kasih.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Pegawai Kewangan ada sebelah. Saya telah minta penjelasan daripada banyak pihak menyentuh tentang Tanah Simpanan Melayu atau Tanah Rizab Melayu. Kita.....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat, Yang Berhormat hok tu tak betul doh. Pegawai Kewangan pergi Mekah Yang Berhormat. Sebelah saya ni.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya mohon.....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat tu yang mengarut. Ini Setiausaha Kerajaan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya mohon supaya Yang Berhormat Exco.....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Bukan soal mohon Yang Berhormat salah. *Doksoh ngarut.* Pegawai Kewangan sekarang berada di Mekah. Ini Pegawai Kewangan ni sebelah saya.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya kata Pegawai Undang-Undang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Ya, Pegawai Undang-Undang pula tadi Pegawai Kewangan. Yang Berhormat masa kita berharga ni. *Doksoh...*

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): *Do you want me to go to that level? Dengan izin. You want me to go to that level?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Ya.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang Berhormat bangun, saya tengah perbincangkan isu berkenaan .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya hormat Yang Berhormat, tapi Yang Berhormat cakap biar betul. Fakta tadi Yang Berhormat kata. Fakta.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya belum habis lagi kata.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya membetulkan. Yang Berhormat kena betulkan bukan Pegawai Kewangan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Okey.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Sebelah Yang Amat Berhormat ialah SUK.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Betul.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Sebelah lagi Pegawai Undang-Undang.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Okey, terima kasih. Betul.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Pegawai Kewangan tak ada.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Pegawai Kewangan tak ada. Yang ada LA, SUK. Okey.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih. Betul.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Boleh?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): *Doksoh* mengarut sampai kita membazir masa sini. Dengar Yang

Berhormat seorang. Saya ingat Dato' Yang Dipertua, berapa lama dah kita bagi dia masa.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dia ganggu saya. Sebab tu saya mengarut ke lain.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kuala Berang, sila duduk. Bandar saya bagi 2 minit lagi. Panjang dah.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Okey, terima kasih. Penjelasan Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi mengatakan kita ambil untuk tujuan pembangunan. Betul. National Land Code mengatakan dengan jelas dan saya harap tak ada Exco terutama yang mewakili Kerajaan melanggar undang-undang ini. Dia menyatakan.....

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tak ada Yang Berhormat. Yang Berhormat jangan menuduh macam tu.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): *Now I want to tell you* Tanah Rizab Melayu yang *you* ambil *you* kena ganti segera.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Memang kita ganti, kita ganti.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): *This is the thing*. Inilah dengan izin.....

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): *No*.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Inilah perkara yang saya nak supaya.....

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Seksyen.....

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kerajaan Negeri bentangkan berapa ekar yang telah diganti.....

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat beritahu mana yang Rizab Melayu yang tak diganti.



YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): *I want to tell you* dengan izin....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): *You tell.....*

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sekarang ni dah ada...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): *You* beritahu sekarang di mana...

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Lima kali, lima kali.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Lima kali apa?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): *You* dah pinda lima kali.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya minta Kuala Berang, Kuala Berang. Bandar duduk...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat faham dok?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat, Yang Berhormat Bandar ni dia tak faham pegangan, Pegangan Melayu...Yang Berhormat, Yang Berhormat Bandar.....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sekarang ni.....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak saya nak beritahu Pegangan Melayu ni dia tak payah ganti.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Tak faham tu saya kata dia tak faham.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Okey, kalau Kerajaan Negeri kata.....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang katakan hari ini Yang Berhormat, sekarang...

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kerajaan Negeri.....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: ..... ini kalau Yang Berhormat Bandar sendiri ada tanah 10 ekar, kemudian kita beli hari ni takkan kita nak ganti. Yang kita ganti hanyalah Rizab Melayu. Jadi kena jelas betul-betul tu.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kerajaan...

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Jadi Rizab Melayu kena ganti. Pegangan Melayu tidak payah ganti.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Okey, Kerajaan memberi penjelasan hari ni tanah-tanah yang ada kena mengena dengan Rizab Melayu dan juga Simpanan Melayu yang telah diambil dan dijual ataupun apa saja untuk tujuan komersial tidak perlu susah hati untuk diganti, ya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kejap ya, kejap.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dato' Yang Dipertua, saya rasa Yang Berhormat Bandar salah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya minta, saya minta. Kejap.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tu saya kata.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kejap Bandar.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dato' Yang Dipertua.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Semua Yang Berhormat kita sudah jauh menyimpang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Masalah dia bentang benda yang dia tidak faham.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kejap salah ni. Bandar...

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Okey.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Saya lagilah tak faham dengar cakap dia ni.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Jadi sekarang isu...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nanti kejap, Bandar duduk dulu.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Isunya sekarang.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya minta Bandar dulu. Yang Berhormat lain minta duduk dulu, sabar.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua. Saya mohon seminit Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kejap, kejap Kuala Berang. Nanti, nanti kejap. Kejap, kejap, kita kena baca betul-betul apa erti Rizab Melayu, apa erti Pegangan Melayu, Simpan Melayu. Jelas, jadi jangan kita menghambur sana, menghambur sini menyebabkan orang atas keliru sebenarnya. Nanti kejap Bandar.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingat Yang Berhormat.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar kejap, kejap.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Saya ingat Yang Berhormat Ladang boleh tolong jelas ke Yang Berhormat Bandar.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Gini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingat Yang Berhormat Bandar dengar dulu penjelasan saya dulu.....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Okey.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Sebab saya nampak Yang Berhormat Bandar dia keliru antara Rizab Melayu dan Pegangan Melayu.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Baik, sekarang ni Simpanan Melayu...

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tanah Pegangan Melayu. Yang ini adalah Tanah Pegangan Melayu.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Simpanan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tanah Pegangan Melayu ini ialah tanah yang 10 ekar ke bawah dan tanah ini tak boleh bertukar atas nama Pegangan Melayu sampai bila-bila. Disebabkan itulah maka kita tidak ada masalah untuk dibeli oleh syarikat-syarikat yang kita beritahu tadi kerana tanah ini tidak boleh ditukar kepada syarikat bukan Melayu atau apa pun sampai bila-bila. Itu maksudnya tu.

Jadi kerana itu kita tidak ada perkara yang perlu dan kerana itu juga tidak payah diganti. Kerana tanah ini walau berpindah kepada siapa-siapa dia akan kekal sebagai Tanah Pegangan Melayu sampai bila-bila. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Permohonan saya, okeylah kalau itu terlalu *controversial*, gini saya nak buat permohonan boleh ke tidak kalau tanah yang ada kena mengenai dengan *title* tak kira Simpanan, Pegangan ataupun Rizab Melayu kalaulah telah diambil untuk tujuan komersial, boleh tak Kerajaan Negeri menggantikan, tambah....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Bandar saya dah sebut tadi apabila Tanah Pegangan Melayu ni tidak akan bertukar sampai bila-bila. Dia sampai bila-bila, tak akan bertukar. Jadi kalau dah bertukar, tak bertukar namanya Pegangan Melayu sampai bila-bila...

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Kemudian Yang Berhormat Bandar jual kepada Yang Berhormat Ladang, Yang Berhormat Ladang beli hari ini tetap namanya Pegangan Melayu. Yang Berhormat Ladang jual pula kepada Konsortium Perumahan Rakyat Negeri Terengganu dia akan kekal sampai bila-bila. Konsortium Perumahan nak jual pula hari ini, dia kena jual kepada yang diiktiraf untuk pembelian kerana dia akan kekal sampai bila-bila. Jadi kerana sampai bila-bila, kita tidak perlu ganti. Itu yang kita katakan sebagai Tanah Pegangan Melayu.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua boleh minta laluan dok?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Minta laluan dengan Bandar.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Nak minta laluan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Boleh, boleh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Boleh Paka.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Saya ingat dalam Dewan ni dua kali dah saya bangkit isu ini. Kalau tadi empat-empat orang bangun jawab, saya harap empat-empat orang boleh bangun jawab. Yang pertama tanah yang diberikan kepada UMNO Cacar telah ditukar milik kepada non Melayu, non-bumiputra macam mana boleh berlaku demikian.

Yang kedua, tanah saya sebut di Mukim Kuala Paka, Tanah Pegangan Melayu boleh serah kepada UMNO, Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu UMNO Cawangan Tebing Tembah. Tadi Menteri Besar kata tak mungkin berlaku bertukar kepada bukan Melayu. Ni bertukar 12 lot kepada bukan Melayu.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ada lot dia?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ada lotlah. Jangan kata Paka...

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Bagi kita.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Paka boleh saya tengok?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tak betul pulak apa.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Paka.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato', Dato' minta dengan Paka.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa saya.....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Minta, minta.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak tanya ni hak Hulu Terengganu. Adakah ni masuk dalam Rizab Melayu ke Pegangan Melayu? Tanah yang dipegang atas nama UMNO Bahagian Hulu Terengganu daripada 17 lot tinggal 8 lot sudah bertukar tangan kepada bukan Melayu. Saya nak tanya ni Rizab Melayu ke ataupun Pegangan Melayu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya boleh jawab, saya boleh jawab sekarang juga. Lot ini adalah lot Geran Mukim, bukan Rizab Melayu di mana kawasan ini telah diganti di Bukit Keratan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Okey bukan Rizab Melayu tapi Pegangan Melayu. Yang Berhormat biar jelas Pegangan Melayu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Geran Mukim.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tiga kali dah ni saya bangkit isu ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat ini Geran Mukim, *Freehold!*

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang ni dok sampai 2 ekar yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya jawab sekarang betul.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bukan 10 ekar, 2 ekar Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tidak. Geran Mukim.....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Kalau disebut Melayu apa tanggungjawab UMNO supaya tanah tu tak bertukar. Nama dah Pertubuhan UMNO Melayu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Hal ni dokleh angkat tanah sebab lepas dia kata bukan Melayu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dalam jadual ni UMNO telah masuk. Tapi kes....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Nak belit guaner lagi, nak belit guaner lagi. Semua orang tahu ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Jangan Yang Berhormat, dengar saya khabor. Yang Berhormat nak suruh saya jawab ni antara empat, saya bangun saya jawab.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Acu baca.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat tak payah baca itu sebabnya tanah 18 lot ini ialah tanah Geran Mukim Pegangan Bebas, tidak berkait Pegangan Melayu dan juga *Malay Holding*. *Malay Reserve* ataupun *Malay Holding*. Itu saya jawab.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Boleh saya mencelah sikit.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): *You* tak payah sebut, saya tahu yang 18 lot tu saya tahu. Ya, yang Paka saya minta beri kepada, tak payah sebut beri kepada Speakerlah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tuan Speaker, ni giliran giliran saya. Ya, betul dah saya dah bagi ke Paka tadi...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa saya menghormati Bandar, Ketua Pembangkang. Jadi.....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya nak *landing*, saya nak tutup. Saya nak tutup, saya nak tutup, saya nak tutup. Okey.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, sila. Saya minta Paka menghantar dokumen tu .....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Nak minta penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: .... untuk saya buat rujukan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Mungkin saya boleh celah sikit kot.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Minta Bandar dulu.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Bagi penjelasan sikit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Dok nampaknya yang patut menjelaskan ialah LA. Penasihat Undang-Undang ada, kita tak boleh minta Ladang ke, siapa ke sebab penasihat kita ada. Minta dari Penasihat Undang-Undang itu adalah lebih baik. Kalau ikut saya kan kata saya dok betul pula walaupun bekas PTG. Tadi dikatakan GM tadi, GM bukan semestinya Pegangan Bebas. Kata tanah UMNO tadi. Geran Mukim bukan semestinya bebas, dia boleh jadi juga *Malay Holding*.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang ini Pegangan Bebas Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Kena *check* dulu sebab Pegangan Bebas.....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Ya, saya khabor dulu sebab dia suruh jawab.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Nanti, nanti kejap.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat *check* lah pula.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Pegangan Bebas maknanya 10 ekar ke atas. Adakah itu 10 ekar ke atas?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): *Doksoh* berlawan Yang Berhormat pergi *check* jer.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tanya dia tu berapa ekar?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Berapa ekar? Kalau itu Pegangan Bebas, 10 ekar ke atas. 10 ekar ke bawah bila dipegang oleh Melayu dia tetap menjadi hak Melayu macam mana Menteri Besar kata.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tapi masalah sudah bertukar kepada non Melayu.



YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Itu, itu isu, itu satu isu.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ana pernah tanya bincang, apa Dato' LA kata dok mungkin berlaku bertukar. Tapi memang sah dah bertukar. Bertukar. ....(Dewan gelak).....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Pokok pangkalnya Dato' Yang Dipertua, saya...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ladang sudah habis dah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Betul.. ...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Kalau kira tak habis lagi, tapi dia tak ke mana juga akhirnya kita bincang gini. Contoh, contohnya.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Enakmen ni, nama dia Simpanan Melayu, nama dia. Itu nama tapi Enakmen ini berbicara tentang *Malay Holding* dan mungkin juga *Malay Reserve*. Di mana Enakmen ini merangkumi dua bukan satu Yang Berhormat MB. Dia dua.

Satunya *Malay Holding* dan juga *Malay Reserve*. Dua-dua tapi Enakmen itu nama, nama dia Enakmen Simpanan Melayu. Betul LA?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Enakmen Tanah Simpan Orang Melayu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Haa.... gitu.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Jadi sahlah Enakmen hari ini memang sekali lagi untuk tumpukan kepada *title-title* Tanah Bagi Orang Melayu ini untuk tujuan komersial. Itu saja. Tak usah berdolak-dalihlah. Yang Berhormat Paka bagi contoh tadi tu contoh yang klasik yang dah lama berbangkit, tak ada penyelesaian juga.

Jadi hari ini Dato' Yang Dipertua, kita pun tak tahu siapa anggota Konsortium Perumahan ni, siapa? Dianggotai oleh siapa? Exco? Tak ada lantikan daripada..... Kita tak nak nanti perkara kedua berulang. Marah sebab TIA tak

ada wakil daripada Terengganu, semuanya orang luar. Bercerita tentang hal ehwal Negeri Terengganu. Banyak perkara ni berlaku.

Saya harap kalau Konsortium ni betul nak dibuat dan nak dipindah juga tanah apa saja sekalipun pada mereka kalau untuk tujuan baik rasanya tak ada masalah tetapi saya menyangi, saya menyangi kerana dah banyak dah berulang...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar, Bandar, saya rasa syak ni tak baguslah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kita ada *precedent*, kita ada elemen. Saya tanya Rumah PR1MA satu haram pun tak siap lagi sekarang. Baru 6% selama dua tahun lebih. Negeri lain dah siap...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tadi Yang Berhormat kata satu tiang pun tak naik, ni satu haram tak siap pula.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ya?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat tadi satu tiang pun takdok. Sedap cakap.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ialah mungkin tiang, tapi haram tu saya .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Jangan cakap gitu Yang Berhormat. Nak siap bukan satu malam. Bukan kita yang buat yang buat pemaju.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Jadi tak siap rumahlah, rumah tak disiapkan, 6% kan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Apa ni?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): 6% kan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Satu haram tu, *youkan* jangan cakap satu haram.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Okey, saya tak sebut perkataan haram. Kita tarik balikkah. Saya tarik balik.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Memanglah, tadi saya kata sebab Yang BERTHORMAT sebut satu tiang pun tak naik.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): 6%.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Seronok bercakap ni.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): 6%.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Jangan bercakap macam tu.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): 6% saja yang siap setakat ni. Jadi bermakna yang siap sepenuhnya untuk dimiliki, diduduki memang tak ada? Saya terima kasihlah, atas fakta tu betul. Terengganu tidak ada yang rumah dah siap untuk diduduki.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Panjang lagi ke? PR1MA dah panjang dah saya rasa.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Jadi.....

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang BERTHORMAT, Yang BERTHORMAT Bandar jangan nak seleweng fakta. Saya dah sebut tadi bahawa kita telah bina hari ni rumah yang dah siap hari ni 7,185 dan hari ni saya nak beritahu kepada Yang BERTHORMAT sekarang ni.....

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Rumah apa, rumah apa?

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Rumah Mampu Milik kita.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Bukan rumah PRIMA.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak, soal sekarang ni kita kena faham bahawa di Terengganu sekarang ni kita ada masalah dari segi tanah-tanah yang luas. Jadi sekarang ini dan kebanyakan tanah-tanah sepertimana yang kita alami sebelum ini nak bina Rumah Mampu Milikpun kita mengambil masa bukan sedikit kerana nak proses tanah, kemudian untuk buat penambunan dan sebagainya.

Ini juga yang berlaku kepada rumah PR1MA. Kerana kita sekarang ni dari segi ruman PR1MA pula hari ni dia nak hari ni tempat yang agak potensi. Antaranya ialah kawasan-kawasan yang berdekatan dengan Bandar. Yang ada fasiliti kerana dia berbentuk komersial.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Jadi dia tak nak di Kuala Berang.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Jadi, jadi kerana itulah maka.....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dia tak nak di Kuala Berang kan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Sekarang ini kita dah ada, dah banyak dah sekarang ini kita dapat kelulusan. Sekarang ni proses untuk melaksanakan sedang dijalankan jadi insyaAllah saya seperti yang saya sebut hari ini bahawa kita sudah dapat dah kuota PRIMA dan juga SPNB.

Dan selain daripada itu kita tak masuk lagi rumah yang kita bina setiap DUN 10 buah ni, Rumah PPRT. Dan tak masuk lagi di bawah MAIDAM dan tak masuk lagi di bawah NGO-NGO dan pihak swasta.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya bercerita pasal PR1MA ni Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dan sebenarnya hari ini kita antara, Negeri Terengganu adalah yang paling banyak sekali membina rumah sekarang ini. Jadi saya harap Yang Berhormat Bandar biar betulkan fakta itu dan kerana satu lagi juga kita sekarang ini memberi tumpuan kepada rakyat kita ialah membina rumah di bawah harga RM100,000. Kerana kita rasa inilah yang menjadi tuntutan kepada rakyat kita dan inilah menjadi supaya kita nak pastikan rakyat-rakyat kita yang B.40 akan mendapat manfaat dengan apa yang kita laksanakan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih, jadi pengesahan itu saya nak rekodkan semula, saya hanya berbincang berkenaan Rumah PR1MA. Kerana PR1MA lah dimasukkan dalam Badan yang dipindahkan Tanah Simpanan Melayu. Yang lain saya tidak tahu, tidak ada laporan yang ini saja dibentang dalam Dewan.

Apa yang saya nak maksudkan di sini saya mohon kepada pemerintah Negeri Terengganu supaya Tanah Rizab Melayu, Pegangan Melayu ataupun *Malay Reservation* kalau boleh ditambah bukan dikurangkan ataupun kita buatlah apa

saja projek dengan Konsortium ke, dengan Syarikat Sdn. Bhd. ke, yang mana kalau daripada unsur komersialnya boleh dipindahkan di masa akan datang dari segi pemilikannya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih Bandar panjang dah. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat, kepada Yang Berhormat Kuala Berang, Bandar yang terlibat dalam perbahasan. Sekarang saya, ada lagi yang nak terlibat dalam perbahasan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Sikit lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bolehlah saya bagi masa sikit.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Seminit je. Tadi tentang, dua perkara. Satu tentang yang kita bincang Enakmen hari ini. Tentang Konsortium tu kita jadi keliru sebab tidak ada pencerahan tentang projek yang nak dijalankan oleh Konsortium ini. Kalau diberi pencerahan mungkin kita lebih faham. Tujuan apa dimasukkan Konsortium ini yang boleh memiliki Tanah Orang Melayu. Itu tidak diberitahu kepada kita. Jadi kita pun bincang jer. Moleknya Kerajaan beritahu awal-awal kepada kita, itu satu.

Yang kedua, saya nak bangkit lagi yang disebut oleh Paka tadi dan juga berkaitan dengan Kuala Berang, kalau begitu sememang adanya Tanah *Malay Holding*, tanah UMNO yang dipindah milik kepada bukan Melayu itu tak betul. Dan saya minta, perkara ini serius, saya minta supaya Kerajaan *check* balik tentang soal ini sebab ini terlibat dengan soal undang-undang dan peraturan.

Itu saja nak sebut terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua nak minta penjelasan sikit. Saya rasa kita luluskan untuk Pertubuhan UMNO ni, tahun lepas ke apa. Tapi macam mana kita tengok dalam carian rasmi kita nama Pertubuhan UMNO tu sudah didaftarkan lebih awal daripada tarikh tersebut. Ada yang melibatkan 2008, ada yang melibatkan 2012 sedangkan kita baru lulus ke macam mana?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Dato' Speaker saya minta supaya perkara ini diambil kira, disiasat dan diberi pencerahan kembali kepada Dewan tentang isu yang dibangkit tadi. Boleh begitu?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Macam saya minta, saya minta dokumen diserahkan oleh Paka kepada saya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Boleh, insyaAllah kita hantar dokumen. Dan kita juga minta supaya perkara ni dilihat kembali oleh Kerajaan. Penasihat Undang-Undang ke, dan kalau ada perkara ni minta dilapor balik kepada Dewan. Boleh?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, saya terus kepada penggulungan pihak Kerajaan sekiranya ada. Sila Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Salam sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam 1TTB.

Dato' Yang Dipertua, saya pun nak betulkan sedikitlah dengan wakil Ladang tadi. Saya yang saya maksudkan Wakil Ladang tadi ialah berkait dengan Enakmen kita 9.3, dia betul dari segi Enakmen keseluruhan termasuk dua tadi. Dari segi sama ada, dalam Seksyen 9 ini memang ada dua iaitu Pegangan Melayu dan juga Rizab Melayu. Tetapi yang saya sebut tadi adalah berasas kepada 9.3. 9.3 ini hanyalah untuk Pegangan Melayu, tidak termasuk Rizab Melayu. Kalau dari segi keseluruhan Akta ini memang dua-dua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tapi dia tak ada masalah apa-apa. Tak ada masalah apa-apa.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Itulah sebab dia kata pasal Yang Berhormat Ladang tadi.....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tapi saya diberitahu oleh Penasihat Undang-Undang memang begitu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Ladang kata tadi tafsiran yang saya beri tadi tak berapa tepatlah. Tapi yang sebenarnya...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Itu mengikut kefahaman saya dan seperti yang disebut oleh LA.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Jadi yang sebenarnya memang dalam Akta ini yang memang ada dua tetapi yang saya sebut tadi berasas kepada 'Pindaan'. Dan dalam isu ini sebenarnya Konsortium Perumahan Rakyat Terengganu ini adalah sebuah Syarikat di bawah GPQ Anak Syarikat Kerajaan Negeri di bawah SEDC. Dan Konsortium Perumahan Rakyat ni dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad Pehimi bin Yusof, Exco Kerajaan Negeri. Jadi saya rasa tak ada masalah untuk kita nak meluluskan dan yang utama sekarang ini adalah kita dari segi sekarang ini kita nak melaksanakan Projek-Projek Perumahan terutama kepada tanah yang bawah daripada 10 ekar.

Bila automatik dia menjadi 10 ekar ke atas, automatik dia dah tak jadi Pegangan Melayu, dia dah jadi Pegangan Bebas. Bermakna Pegangan Melayu ini dia boleh bertukar menjadi Pegangan Bebas apabila kalau digabungkan dengan tanah dan sebagainya maka dia akan jadi tanah yang lebih daripada 10 ekar maka dia akan jadi Pegangan Bebas. Sebab itulah maka sekarang ini kita nak pastikan supaya tanah-tanah yang 10 ekar ke bawah ini kerana kita bimbang ada juga pihak-pihak kita yang tertentu hari ini kerana mereka mendapatkan tawaran-tawaran yang besar maka akhirnya mereka Orang Melayu yang ada tanah terutama di kawasan-kawasan Bandar ini mereka akan jual tanah ini.

Jadi kerana itu maka kita berpandangan supaya Konsortium Perumahan Rakyat Terengganu ini juga mengambil inisiatif untuk membina rumah-rumah selain daripada kita ada lagi badan-badan lainlah sepertimana PR1MA, SPNB dan sebagainya.

Jadi saya rasa tak ada masalah dalam hal ini dan yang pasti hari ini adalah kita nak memastikan pembangunan ataupun perumahan di Negeri Terengganu kita dapat selesaikan dan juga memastikan bahawa rakyat Terengganu akan memperolehi nikmat dan rahmat atas pembangunan yang kita laksanakan kerana hampir 97% penduduk di Negeri Terengganu adalah Islam dan juga Melayu. Sekian, terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Maka sekarang saya buka kepada undian -

*Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.*

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN  
UNTUK MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI

ORANG-ORANG MELAYU 1360, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360, TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU FASAL KE SATU FASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI DENGAN SUARA TERBANYAK DENGAN PINDAAN DI FASAL 1(2) KEPADA:-

'ENAKMEN INI HENDAKLAH MULA BERKUATKUASA PADA TARIKH IA DISIARKAN DALAM WARTA.'

SERTA TAMBAHAN MAKLUMAT DI FASAL 2, AHLI KONSORTIUM PERUMAHAN RAKYAT DIKEMUKAKAN KEPADA DEWAN. MANAKALA WAKIL BANDAR TIDAK BERSETUJU.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Sila.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih banyak Kuala Besut. Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan untuk dibaca bagi kali yang ketiga



dan diluluskan. Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila angkat tangan. Yang tidak bersetuju sila angkat tangan.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tidak bersetuju.

*Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak kecuali Y.B. Wakil Bandar.*

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360.

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI OLEH KUASA UNDANGAN NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN SEPERTI YANG BERIKUT:-

1.(1) ENAKMEN INI BOLEHLAH DINAMAKAN ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU (PINDAAN) 2017.

(2) ENAKMEN INI HENDAKLAH MULA BERKUATKUASA PADA TARIKH IA DISIARKAN DALAM WARTA.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini telah diluluskan dan menjadi **Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu (Pindaan) 2017.**

### **TANGGUHAN**

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, saya mohon mencadangkan supaya Persidangan Dewan ditangguhkan kepada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamua'laikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian sebelum saya tangguhkan Dewan ini saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan jutaan terima kasih atas semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian, berikan idea, berbahas, dengan muluk-muluk

sekali walaupun ada kepanasan tadi tapi alhamdulillah ramai dalam kesabaran yang tinggi. Terima kasih banyak.

Dan saya mengambil peluang di sini untuk sekali lagi memohon maaf sekiranya saya dalam melaksanakan amanah saya sebagai Speaker saya ada membuat silap dan salah. Saya insan biasa yang tidak sempurna dan saya juga memberikan kemaafan kepada semua Yang Berhormat yang mungkin ada dosa kepada saya. Kita tidak tahu bila usia kita, kerana itulah yang dimeterai oleh junjungan kita Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam bermaaf-maafan antara satu sama lain. Jangan sombong, angkuh dan sebagainya. Bila-bila kita boleh pergi sahaja.

Maka sekarang saya tanggungkan Persidangan Dewan ini ke suatu masa dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian dan marilah kita sama-sama membaca surah Al-'Asr. Aqulu qauli haza wa astagfirullahal azim li walakum. Wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 4.50 PETANG.

# **LAMPIRAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS BAGI**

**MESYUARAT KEDUA**

**PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA  
BELAS**

**PADA 14 OGOS 2017**

**MESYUARAT KEDUA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN YANG KELIMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**  
**PADA 14 OGOS 2017**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.1.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI**  
**WAKIL BATU BUROK**

SOALAN 1 : Berapakah jumlah peruntukan tahun 2017 yang dikhaskan oleh Kerajaan Negeri kepada golongan miskin di seluruh Negeri Terengganu dan senaraikan mengikut daerah?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 2 : Apakah perkembangan terakhir tuntutan royalti minyak serta telaga Minyak BERTAM PM 307 Kerajaan Negeri Terengganu terhadap PETRONAS dan Kerajaan Persekutuan?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

**MESYUARAT KEDUA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**  
**PADA 14 OGOS 2017**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.2**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT**  
**WAKIL WAKAF MEMPELAM**

SOALAN 1 : Berapakah jumlah keseluruhan kos pembinaan jalan dan jambatan baru merentasi Sungai Terengganu di Jeram, Kg. Tok Kong Bukit Guntung melalui Kampung Banggol Donas berbanding kos asal?

JAWAPAN : Kos keseluruhan RM231,065,765.82 berbanding kos asal RM225,992,000.00 iaitu pertambahan RM5,073,765.82 bersamaan 2.25%.

SOALAN 2 : Adakah Kerajaan telah mengenakan caj bayaran ke atas kontraktor pembinaan jalan dan jambatan melalui Pulau Sekati di atas kelewatan menyiapkannya mengikut jadual asal (Disember 2015 – jawapan dalam Dewan) dan berapakah jumlahnya?

JAWAPAN : Tiada denda LAD (caj bayaran) dikenakan ke atas pembinaan jalan dan jambatan melalui Pulau Sekati kerana kontraktor telah menyiapkan projek dalam tempoh kontrak.

Cadangan Pembangunan Projek Jambatan Di Atas Sungai Terengganu ke Pulau Sekati, Kuala Terengganu :-

Tarikh Mula	-	30 April 2012
Tarikh Siap Semasa	-	28 Mei 2017
Kos	-	RM241,872,706.96

**MESYUARAT KEDUA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**  
**PADA 14 OGOS 2017**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.3**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK**  
**WAKIL BUKIT TUNGGAL**

SOALAN 1 : Berapa luaskah tanah pertanian terbiar di seluruh Negeri Terengganu mengikut pecahan daerah terkini?

JAWAPAN : DITOLAK menurut perkara 26(4)(a) Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 2 Sila nyatakan bilangan keluarga miskin yang masih mengusahakan projek tanaman kelapa sawit keliling rumah mengikut pecahan daerah dan berapakah purata pendapatan yang diperolehi setiap keluarga setahun?

JAWAPAN DITOLAK menurut perkara 26(4) Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

**MESYUARAT KEDUA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**  
**PADA 14 OGOS 2017**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**

**BILANGAN 4.1.4.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. AZAN BIN ISMAIL**  
**WAKIL BANDAR**

SOALAN 1 : Berapakah jumlah penerimaan Wang Ehsan yang diterima oleh Kerajaan Negeri Terengganu setakat ini setelah ditukar status daripada pembayaran royalti dan apakah langkah Kerajaan Negeri untuk mempertingkatkan perolehannya di masa akan datang?

JAWAPAN : Jumlah penerimaan Wang Ehsan yang diterima oleh Kerajaan Negeri setakat ini setelah ditukar status dari pembayaran royalti ialah RM20,821,9000,000.00 iaitu bermula dari tahun 2004 sehingga 2017 (setakat 30 Jun). Kini, terimaan Persekutuan (DKKP).

Langkah-langkah atau strategi yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kembali pendapatan adalah:-

1. Hasil dan Tunggakan Hasil

Memperkasakan kutipan hasil dan tunggakan hasil Kerajaan Negeri dengan memastikan Jabatan/Agensi pengutip hasil membuat penguatkuasaan secara agresif dan menggesa agensi membuat bayaran balik pinjaman secara konsisten.

2. Cadangan Hasil Baru

i) Kerajaan Negeri Melalui keputusan Majlis Kewangan Negara bersetuju cadangan peningkatan hasil negeri sebagaimana berikut:-

<b>Bil.</b>	<b>Cadangan</b>
1.	Cadangan mengenakan bayaran royalty, premium dan ses bagi pengeluaran kayu getah dan palma.
2.	Cadangan menukar syarat premis perniagaan di kawasan Rehat dan Rawat ( R & R ) daripada kemudahan awam kepada perniagaan/komersial.
3.	Cadangan mengenakan bayaran caj permit



	penggunaan tanah bagi lebuhraya yang melalui kawasan hutan simpan.
4.	Cadangan mengenakan caj khusus bagi penginapan di hotel seperti fi warisan yang dikenakan di hotel-hotel di Melaka dan Pulau Pinang.
5.	Cadangan menetapkan had budi bicara bagi kadar pengurangan bayaran premium.

- ii) Pihak Pejabat Tanah dan Galian juga sedang meneliti kertas cadangan peningkatan hasil untuk dikemukakan dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.
- iii) Selain daripada itu, bagi meningkatkan pendapatan Kerajaan Negeri juga sedang dalam proses menguatkuasakan duti hiburan di seluruh Negeri Terengganu. Bentuk dan kaedah pelaksanaan akan diteliti sebelum dikuatkuasakan.

SOALAN 2 : Nyatakan berapakah jumlah peruntukan tabung menghadapi bencana seperti banjir, kebakaran dan kecelakaan lain yang disediakan oleh Kerajaan Negeri serta kaedah penyalurannya?

JAWAPAN : 1. Jumlah peruntukkan Tabung Bencana Negeri bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM1.8 juta dimana RM300,000.00 ditempatkan di Sekretariat Tabung Darul Iman bagi urusan Musibah/Kebakaran manakala selebihnya iaitu RM1.5 juta telah ditempatkan di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu bagi urusan bencana seperti banjir, kebakaran dan kecelakaan lain seperti ribut dan taufan.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut memberi bantuan RM500.00 kepada setiap Ketua Isi Rumah (KIR) yang terlibat dengan banjir pada tahun ini dengan jumlah keseluruhan RM1,151,000.00. Peruntukan tersebut disalurkan ke akaun pejabat daerah untuk diagihkan kepada penerima yang telah disahkan oleh NADMA terlibat dengan banjir

2. Takrif Bencana Mengikut Arahan MKN No. 20 Bencana' ertinya sesuatu kejadian yang menyebabkan gangguan

kepada aktiviti masyarakat dan urusan Negara, melibatkan kehilangan nyawa, kerosakan harta benda, kerugian ekonomi dan kemusnahan alam sekitar yang melangkaui kemampuan masyarakat untuk mengatasinya dan memerlukan tindakan pengembelian sumber yang ekstensif.

3. Sebagai anggota dalam Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negeri, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu adalah bertanggungjawab terhadap kerja-kerja penyaluran bantuan dan pemulihan mangsa-mangsa bencana seperti yang terkandung dalam Arahan MKN No. 20 (Semakan Semula), Jabatan Kebajikan Masyarakat mempunyai (4) peranan dan tanggungjawab utama iaitu :-

3.1.1. Menyediakan dan menyelenggarakan pusat-pusat pemindahan.

3.1.2. Membuat persediaan dan mengadakan bantuan makanan, pakaian dan lain-lain keperluan.

3.1.3. Menjalankan pendaftaran ke atas mangsa untuk tujuan pemulihan semula mangsa bencana.

3.1.4. Memberi bimbingan, nasihat/kaunseling kepada mangsa-mangsa.

4. Peruntukan Bencana Negeri:

Tahun	Peruntukan	Perbelanjaan	Baki
2015	RM 2,086,497.00	RM 2,086,497.00	0.00
2016	RM 1,478,400.00	RM 1,388,361.64	RM 90,038.36
2017	RM 1,500,000.00	RM 813,134.81	RM 686,865.19

			(Sehingga 30 Jun 2017)
--	--	--	------------------------

5. Bencana Banjir dan Kaedah Penyaluran bantuan:

- i. Peruntukan untuk pembelian barang-barang keperluan bencana banjir dibuat dengan menggunakan peruntukan negeri dan peruntukan persekutuan.
- ii. Senarai bekalan barang keperluan harian dan barangan makanan berdasarkan kepada Peraturan Tetap Operasi Pengurusan Bantuan Bencana (SOP) Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. Sungguhpun begitu ia boleh diubahsuai mengikut keputusan Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negeri (JPBBN) yang dipengerusikan oleh Y.B Dato' Setiausaha Kerajaan Terengganu.
- iii. Polisi yang diamalkan oleh JKM pada masa ini, penyaluran bantuan keperluan harian dan makanan kering ke daerah-daerah dijalankan sebelum berlakunya bencana banjir iaitu sekitar bulan Oktober setiap tahun. Manakala makanan bermasakan dibekalkan kepada mangsa sebaik sahaja pusat dibuka sebelum proses memasak dijalankan.
- iv. Manakala bahan makanan mentah basah akan dibekalkan kepada mangsa bencana yang tinggal di pusat pemindahan selaras keputusan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Terengganu yang diadakan pada 22 November 2014 yang membenarkan bekalan bahan mentah basah dibekalkan kepada mangsa banjir pada hari pertama mangsa berada di pusat pemindahan.
- v. Penyaluran Bantuan Kewangan (Bantuan Wang Ihsan) kepada mangsa bencana adalah dibawah tanggungjawab Agensi Pertahanan Awam (APM). Manakala penyaluran Wang Ihsan bagi peruntukan negeri diuruskan oleh Pejabat daerah masing-masing.

6. Bencana Kebakaran Rumah Kediaman (terbakar sepenuhnya dan tidak boleh dibaiki) dan Kaedah Penyaluran bantuan:
  - i. Pemberian saguhati kerana kebakaran rumah telah diluluskan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Terengganu kali ke 21 Tahun 2009 yang bermesyuarat pada 1 Julai 2009 iaitu:
    - a. Sebuah rumah siap (PPRT) dengan kadar tidak melebihi RM 40,000.00 termasuk bayaran deposit air dan elektrik.
    - b. Bayaran saguhati sejumlah wang yang tidak melebihi RM 25,000.00 dengan syarat mangsa membina sendiri rumah tersebut.
  - ii. Proses siasatan akan dijalankan oleh Pegawai JKM daerah dan dimajukan ke Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri untuk tujuan kelulusan. Proses pembinaan rumah model PPRT akan diserahkan kepada Tabung Darul Iman untuk tindakan selanjutnya. Manakala penyaluran bantuan untuk saguhati wang yang tidak melebihi RM 25,000.00 untuk pembinaan sendiri akan diuruskan oleh JKM.
  - iii. Lain-lain-bantuan termasuk bantuan pemulihan jangka pendek akan diuruskan mengikut SOP yang telah ditetapkan.
7. Bencana kebakaran rumah (sebahagian sahaja dan boleh dibaiki) dan lain-lain bencana -
  - i. Bagi rumah yang terbakar sebahagian sahaja dan boleh dibaiki serta bencana lain, JKM akan menguruskan bantuan sebagaimana prosedur sedia ada yang terkandung dalam peraturan Tetap Operasi Pengurusan Bencana bergantung kepada penilaian pegawai JKM.
  - ii. Antaranya bantuan pemulihan jangka pendek :
    - a. Bantuan Sekolah  
Jumlah maksimum RM50.00 bagi mengganti peralatan sekolah yang musnah Jumlah RM70.00 bagi mengganti pakaian sekolah untuk seorang murid.

- b. Pakaian Biasa  
Jumlah maksimum RM70.00 seorang.
- c. Bantuan Keluarga  
Jumlah maksimum RM40.00 seorang.
- d. Bantuan Keperluan Rumah/D  
Jumlah maksimum RM100.00 sekeluarga  
sekaligus.
- e. Bantuan Membaiki Rumah  
Jumlah maksimum RM5,000.00.
- f. Bantuan Pemulihan Bagi Peniaga-Peniaga  
Kecil Yang Modal Asal Tidak Melebihi RM5,000.00  
Jumlah maksimum ialah RM3,000.00.
- g. Bantuan Maksimum  
Jumlah maksimum bagi satu keluarga ialah  
RM5,000.00.

1. Peruntukan Bencana Persekutuan -

Tahun	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Baki (RM)
2015	1,000,000.00	1,000,000.00	0.00
2016	128,000.00	127,538.14	461.86
2016	240,000.00	0.00	240,000.00

- 2. Bantuan awal seperti barang-barang keperluan harian dan barangan makanan akan disalurkan kepada mangsa bencana kebakaran dan lain-lain bencana (yang bersesuaian) sebaik sahaja bencana itu berlaku.
- 3. Pusat pemindahan juga akan di buka kepada mangsa-mangsa yang terlibat dengan bencana kebakaran dan lain-lain bencana (jika perlu) serta proses penyaluran bantuan adalah sama sepertimana mangsa bencana banjir yang

berpindah ke pusat pemindahan.

4. Bantuan di bawah Tabung Bantuan Segera (peruntukan persekutuan) sebanyak RM 300.00 (maksimum) akan disalurkan kepada mangsa bagi kes bencana kecil sebaik sahaja bencana itu berlaku.

**BANTUAN SEKALIGUS MULAI JANUARI SEHINGGA  
31 JULAI 2017**

DAERAH	KEBAKARAN		RIBUT		TABUNG DARUL IMAN	
	BIL KES	RM	BIL KES	RM	BIL KES	RM
KEMAMAN	4	28,820	0	0	1	40,000
DUNGUN	6	56,090	0	0	4	160,000
MARANG	6	3,860	1	490	5	200,000
K.TRG	15	63,730	3	3,850	5	200,000
K.NERUS	7	57,630	5	4,450	-	-
H.TRG	1	5,000	5	5,900	0	0
SETIU	0	0	2	2,660	0	0
BESUT	4	7,010	2	4,000	2	160,000
JUMLAH	43	222,140	18	21,350	17	760,000

**MESYUARAT KEDUA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**  
**PADA 14 OGOS 2017**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.5.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH**  
**WAKIL BUKIT PAYONG**

SOALAN 1 : Nyatakan kawasan-kawasan pembalakan yang diluluskan bermula tahun 2013 hingga Mei 2017?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 2 : Adakah pihak kerajaan bercadang untuk menjual asrama pelajar di Mansurah, Mesir dan berapakah harga yang

dianggarkannya?

JAWAPAN : Pihak kerajaan bercadang untuk menjual asrama pelajar di Mansurah, Mesir. Harga untuk jualan masih di peringkat penilaian oleh penilai berlesen yang telah dilantik oleh Yayasan Terengganu.

SOALAN 3 : Sila nyatakan jumlah hutang yang ditanggung oleh badan berkanun kerajaan dan negeri serta syarikat-syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 4 : Sila nyatakan jumlah rumah mampu milik yang telah siap dibina dan diagihkan kepada rakyat di DUN Bukit Payung dan Parlimen Marang bermula 2013 hingga 2016?

JAWAPAN : Bermula tahun 2013 hingga 2016, tiada projek Rumah Mampu Milik (RMM) yang dibina di DUN Bukit Payung. Walaupun bagaimanapun, sebanyak 443 unit RMM melibatkan tiga (3) projek yang dibina di Parlimen Marang iaitu RMM Bukit Gasing, DUN Rhu Rendang (291 unit). RMM Koperat Perdana, DUN Rhu Rendang (85 unit) dan RMM Cerang Guling, DUN Alor Limbat (67 unit). Secara keseluruhan seramai 590 pemohon daripada Parlimen Marang termasuk seramai 75 pemohon daripada DUN Bukit Payung yang telah mendapat kunci dan menduduki RMM yang ditawarkan meliputi ketiga-tiga projek RMM di atas dan projek-projek RMM di daerah lain.

SOALAN 5 : Pihak manakah yang akan menanggung pembayaran pampasan tanah yang melibatkan Landasan Keretapi Pantai Timur Di Terengganu dan apakah manfaat yang diperolehi oleh rakyat Terengganu pada sudut pekerjaan dan ekonomi dengan pembinaan landasan ini?

JAWAPAN : Bayaran pampasan tanah melibatkan Projek Landasan Keretapi Pantai Timur (ECRL) adalah ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan.

Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengambil peluang meningkatkan ekonomi rakyat dengan pembinaan ECRL tidak lama lagi iaitu sebagaimana berikut:-

**Pekerjaan:**

- i) Peluang pekerjaan dengan penglibatan kontraktor tempatan dalam bidang pembinaan dan sebagainya.
- ii) Mewujudkan peluang-peluang perniagaan di stesen-stesen yang terlibat. Ini selaras dengan perancangan untuk jadikan kawasan ini sebagai "Transport Oriented Development" (TOD).
- iii) Pekerjaan meningkatkan kedatangan pelancong ke Negeri Terengganu.

**Ekonomi:**

- i) Meningkatkan pelaburan asing.
- ii) Meningkatkan sistem pengangkutan yang lebih efisien.
- iii) Menjana pendapatan dari peluang-peluang perniagaan.

**MESYUARAT KEDUA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**  
**PADA 14 OGOS 2017**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.6**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR**  
**WAKIL LADANG**



- SOALAN 1 : Sila nyatakan jumlah perolehan hasil Royalti/ Dana Khas/ Wang Ihsan yang telah dibayar oleh Petronas kepada Kerajaan Negeri sehingga sekarang mengikut pecahan tahun?
- JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.
- SOALAN 2 : Apakah Kerajaan Negeri mampu membiayai semua kos projek yang telah diluluskan untuk dilaksanakan pada tahun 2017 (seperti di dalam buku bajet 2017) atau adakah Kerajaan terpaksa membuat ubahsuai kepada bajet yang telah diluluskan kerana kekangan kewangan semasa. Jika ada sila nyatakan jabatan-jabatan/ agensi yang terlibat?
- JAWAPAN : Ya, Kerajaan Negeri mampu membiayai semua projek yang telah diluluskan untuk dilaksanakan pada tahun 2017.
- SOALAN 3 : Kerajaan Negeri melalui Majlis Ekonomi Negeri Terengganu (MEN-T) telah mengenal pasti beberapa projek yang akan dilaksanakan di Negeri ini. Sila senaraikan projek-projek yang betul-betul telah berjaya dilaksanakan samada secara langsung oleh jabatan/ agensi kerajaan atau swasta. Nyatakan kos yang terlibat untuk setiap projek?
- JAWAPAN : Senarai projek dan jumlah pelaburan daripada inisiatif Majlis Ekonomi Negeri Terengganu (MEN-T) yang telah berjaya dilaksanakan adalah sebagaimana dibawah:-

BIL.	NAMA PROJEK	JUMLAH PELABURAN (RM)
1	Pembuatan Sarung Tangan Perubatan Nutrile Butadiene Rubber (NBR) oleh Encompass Industries Sdn Bhd.	970 juta
2	Pembangunan Movenpick Resort & Spa sebagai 5 Bintang dengan rantaian antarabangsa yang pertama di Terengganu oleh Movenpick Hotel & Resorts.	400 juta
3	Pengeluaran Bio-Baja daripada sisa buangan	28 juta

	kelapa sawit oleh TDM Bhd.	
4	Pengeluaran Gas Bio Methane untuk penjanaan kuasa elektrik oleh TDM Bhd.	14 juta
5	Projek Pengeluaran Jagung Bijian untuk Makanan Ternakan oleh Green World Genetics Sdn Bhd.	27 juta
<b>JUMLAH</b>		<b>1,439 juta</b>

SOALAN 4 : Apakah status pembinaan projek Pasar Kedai Payang sekarang. Sila nyatakan komponen projek ini. Berapakah kos keseluruhan projek ini. Apakah sudah dikeluarkan tawaran pembinaan dan diberikan kepada syarikat mana. Apakah benar Bazaar Warisan (berhampiran Pasar Payang) akan diubah suai menjadi hotel?

JAWAPAN : Status pembinaan projek Pasar Payang telah dimulakan pada 1 Ogos 2017. Kos keseluruhan bagi projek ini adalah sebanyak RM 71,582,596.30 (termasuk GST). Tawaran pembinaan telah pun dikeluarkan kepada Syarikat Serada Realty Sdn. Bhd. Komponen yang terdapat dalam projek ini adalah:-

- i) Bina baru Kedai Payang 1
- ii) Bina baru Kedai Payang 2
- iii) Meroboh bangunan pasar sedia ada
- iv) Roboh dan bina surau
- v) Membina tempat letak kereta
- vi) Membina Skybridge
- vii) Landskap

Bazar Warisan akan diubah suai sebahagian menjadi hotel.

**MESYUARAT KEDUA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**

**PADA 14 OGOS 2017**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.7.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. ARIFFIN BIN DERAMAN**  
**WAKIL ALUR LIMBAT**

SOALAN 1 : Sila nyatakan di manakah tanah kediaman sebanyak 5,900 lot, mengikut pecahan daerah yang akan diberikan oleh kerajaan kepada rakyat sebagaimana yang diumumkan oleh Menteri Besar Terengganu?

JAWAPAN : Jumlah lot tanah mengikut pecahan daerah yang akan diberikan oleh kerajaan kepada rakyat sebagaimana yang diumumkan oleh Menteri Besar Terengganu adalah sebagaimana Lampiran II.

**LAMPIRAN II**

**SENARAI BAKI LOT RANCANGAN TANAH BERKELOMPAK (RTB) UNTUK TAPAK RUMAH YANG BELUM DILUPUSKAN DALAM SETIAP DAERAH**

<b>1. DAERAH KUALA TERENGGANU</b>					
<b>BIL</b>	<b>NAMA RANCANGAN</b>	<b>MUKIM</b>	<b>KEPUTUSAN MMKN YANG PERLU DIPINDA/TARIKH</b>	<b>KESELURUHAN LOT</b>	<b>BAKI</b>
1.	RTB DI KAWASAN TELUK PASU	MANIR	1092/2012 (18.04.2012)	46	38
2.	RTB KAMPUNG JERAM	MANIR	262/2012 (11.01.2012)	84	71
<b>JUMLAH</b>				<b>130</b>	<b>109</b>

<b>2. DAERAH BESUT</b>					
<b>BIL</b>	<b>NAMA RANCANGAN</b>	<b>MUKIM</b>	<b>KEPUTUSAN MMKN YANG PERLU</b>	<b>KESELURUHAN LOT</b>	<b>BAKI</b>

			<b>DIPINDA/TARIKH</b>		
1.	RTB DI KAWASAN BUKIT RAMBUTAN	JABI	592/2003 (30.04.2003)	9	9
2.	RTB TOK SABOH	KUALA BESUT	190/1991 (20.02.1991)	21	21
3.	RTB GONG TENGAH PERINGKAT II	PENKALAN NANGKA	263/1992 (25.03.1992)	17	17
4.	RTB KG. ANAK IKAN	JABI	74/2010 (06.01.2010)	22	22
<b>JUMLAH</b>				<b>69</b>	<b>69</b>

### 3. DAERAH KEMAMAN

<b>BIL</b>	<b>NAMA RANCANGAN</b>	<b>MUKIM</b>	<b>KEPUTUSAN MMKN YANG PERLU DIPINDA/TARIKH</b>	<b>KESELURUHAN LOT</b>	<b>BAKI</b>
1.	RTB PENKALAN CICAR	TELUK KALUNG	1496/1994 (29.12.1991)	302	70
2.	GELIGA JAMBATAN	CUKAI	2863/2007 (14.11.2007)	61	48
3.	RTB LABOHAN	KERTEH	559/95 BT 24.05.1995	142	67
4.	RTB TEMPURUNG	CUKAI	1119/2003 BT 06.08.2003	34.5	

5.	RTB PERASING JAYA	HULU JABUR	i. 434/95 (04.04.1995) ii. 874/2016 (29.06.2016)	96	68
6.	RTB KUALA OPIS FASA 2	KERTEH	1120/2003 (06.08.2003)	150	47

7.	RTB BUKIT MENTOR	CUKAI	389/2017 (05.04.2017)	85	34
8.	RTB BATU 4	BINJAI	493/2017 (03.05.2017)	31	
9.	RTB BATU 14	TEBAK	1898/2009 (13.05.2012)	59	21
10.	RTB KAMPUNG MAK CILI	CUKAI	1764B/2008 (08.10.2008)	65	4
11.	RTB KUALA OPIS FASA 1	KERTEH	533/1996 (17.04.1996)	169	129
12.	RTB KAMPUNG BARU	KERTEH	651/90 (11.07.1990)	250	156
13.	RTB GONG CENGAL	KEMASIK	3018/2012 (26.12.2012)	161	5
14.	RTB MAK LAGAM	BANGGUL	820/0985 (19.11.1985)	441	140
15.	RTB SEMANYOR	KEMASIK	1527/0998 BT 30.12.1998	38	17
16.	RTB PAYA BERENYUT	KEMASIK	1527/1998 (15.02.2012)	571	117
<b>JUMLAH</b>				<b>2655</b>	<b>928</b>

#### 4. DAERAH HULU TERENGGANU

BIL	NAMA RANCANGAN	MUKIM	KEPUTUSAN MMKN YANG PERLU DIPINDA/ TARIKH	KESELURUHAN LOT	BAKI
1.	RTB BUKIT PALOH, TOK LAWIT	HULU TELEMUNG	1427A/2014 (24.07.2014)	52	3
2.	RTB PASIR TINGGI	KUALA	151/1998	35	2

		TELEMUN G	(07.01.1998)		
3.	RTB KAMPUNG BUKIT GEMURUH	TERSAT	401/1995 (29.03.1995)	107	29
	<b>JUMLAH</b>			<b>194</b>	<b>34</b>

#### 5. DAERAH DUNGUN

BIL	NAMA RANCANGAN	MUKIM	KEPUTUSAN MMKN YANG PERLU DIPINDA/ TARIKH	KESELU- RUHAN LOT	BAKI
1.	RTB PENGKALAN JERING	KUALA DUNGUN	397/94 (09.03.1994)	308	43
2.	RTB BATU PUTIH	KUALA DUNGUN	388/2017 (05.04.2017)	449	449
3.	RTB LUBUK KAWAH	KUALA DUNGUN	122/1994 (19.01.1994)	567	120
4.	RTB RHU BATIL II	KUALA ABANG	81/2017 (18.01.2017)	82	82
5.	RTB BUKIT JELUTONG	JERANGAU	2060/2011 (14.06.2011)	175	75
6.	RTB DURIAN METANGAU	RASAU	1353/2007 (20.06.2007)	263	263
7.	RTB PAYA BESAR	SURA	1772/2015 (19.08.2015)	709	300
	<b>JUMLAH</b>			<b>2553</b>	<b>1332</b>

#### 6. DAERAH MARANG

BIL	NAMA RANCANGAN	MUKIM	KEPUTUSAN MMKN YANG PERLU DIPINDA/ TARIKH	KESELU- RUHAN LOT	BAKI
1.	RTB SPKA WAKAF TAPAI	ALUR LIMBAT	236/2017 (20.02.2017)	238	29
2.	RTB BANGGOL KERUING	RUSILA	1671/2007 (18.07.2007)	182	10
3.	RTB SUNGAI	RUSILA	1977/2015	180	17

	KERAK 4 FASA V		(10.09.2015)		
4.	RTB LAPANG JAMBU LAUT	MERCANG	834/2011 (02.03.2011)	406	15
	<b>JUMLAH</b>			<b>1006</b>	<b>71</b>

### 7. DAERAH KUALA NERUS

BIL	NAMA RANCANGAN	MUKIM	KEPUTUSAN MMKN YANG PERLU DIPINDA/ TARIKH	KESELURUHAN LOT	BAKI
1.	RTB KAMPUNG BUKIT WAN	BATU RAKIT	831/2010	113	16
2.	RTB KAWASAN TELAGA DAING	KUALA NERUS	2945/2012 (29.09.2010)	56	7
3.	RTB KAMPUNG HULU TAKIR	KUALA NERUS	2865/2010 (29.09.2010)	27	11
	<b>JUMLAH</b>			<b>196</b>	<b>34</b>

### 8. DAERAH SETIU

BIL	NAMA RANCANGAN	MUKIM	KEPUTUSAN MMKN YANG PERLU DIPINDA/ TARIKH	KESELURUHAN LOT	BAKI
1.	RTB GONG TENGAH III	MERANG	301/1989 (30.01.1989)	692	406
2.	RTB RHU TAPAI	MERANG	1659/2005 (24.12.2005)	516	426
3.	RTB GONG TENGAH	MERANG	1411/1995 (04.10.1995)	92	2



4.	RTB GONG TENGAH	MERANG	1038/1983 (06.09.1983)	198	150
5.	RTB RGU TAPAI (DILULUSKAN UNTUK PESERTA PPRT)	MERANG	1327/2003 (17.09.2003)	263	187
6.	RTB KG. BANGGOL	TASIK	1614/2003 (17.12.2003)	491	354
7.	RTB LEMBAH JAYA	TASIK	301/2002 (20.02.2002)	281	153
8.	RTB KG. BINTANG	GUNTUNG	329/1995 (08.03.1995)	106	106
9.	RTB AIR SEJUK	GUNTUNG	1285/2003 (10.09.2003)	255	222
10.	RTB GONG BELIBIS	GUNTUNG	110/2004 (21.01.2004)	189	17
11.	RTB BUKIT GREBAR	GUNTUNG	499/1992 (27.05.1992)	495	126
12.	RTB GONG BATU GAJAH	GUNTUNG	1355/2015 (01.07/2015)	92	46

13.	RTB PALOH KUNOR/BINJAI MANIS	GUNTUNG	2475/2012 (23.10.2012)	157	42
14.	RTB GUNTUNG LUAR	GUNTUNG	468/2001 (25.04.2001)	80	8
15.	RTB TITIAN TUMUS	GUNTUNG	231/2014 (02.04.2014)	29	6
16.	RTB HULU SELADANG	GUNTUNG	1058/2003 (29.07.2003)	291	71

## 8. DAERAH SETIU

<b>BIL</b>	<b>NAMA RANCANGAN</b>	<b>MUKIM</b>	<b>KEPUTUSAN MMKN YANG PERLU DIPINDA/ TARIKH</b>	<b>KESELURUHAN LOT</b>	<b>BAKI</b>
17.	RTB SAUJANA TAMBAHAN	PANTAI	348/2001 (28.03.2001)	207	64
18.	RTB KOLAM HIJAU	PANTAI	1195/2009 (11.03.2009)	129	101
19.	RTB SAUJANA TAMBAHAN	PANTAI	2269/2014 (17.12.2014)	25	14
20.	RTB KG. BARI KECIL	CALOK	1330/2001 (17.10.2001)	138	138
21.	RTB PERPINDAHAN JEBAK PUYUH	CALOK	272/1994 BT 12.02.1994	37	20
22.	RTB ALOR KELADI, TELAGA PAPAN	CALOK	2511/2009 (24.06.2009)	389	276
23.	RTB RHU SEPULUH	CALOK	2608/2015 (06.12.2015)	45	6
24.	RTB TELAGA PAPAN	CALOK	909/2016 (13.07.2016)	102	5

25.	RTB SUNGAI TOMAN	HULU SETIU	1194/2001 (26.09.2009)	236	77
26.	TATATUR SUNGAI LEREK	CALOK	333/1999 (29.04.1999)	191	71
27.	RTB KAMPUNG BUKIT	HULU NERUS	1597/2012 (19.11.2008)	130	31
28.	RTB BUKIT NENAS	HULU NERUS	2164/2008 (19.11.2008)	87	36
29.	RTB PERPINDAHAN BANJIR KERONG	HULU NERUS	1068/2002 (18.09.2002)	213	28
30.	RTB KG. BUTAT	HULU NERUS	1228/1993 (28.07.1993)	167	128
31.	RTB PERPINDAHAN BANJIR KG. LAS	HULU NERUS	639/1993 (14.04.1993)	122	42

32.	RTB KAMPUNG KASAR	HULU NERUS	2678/2011 (03.08.2011)	35	3
	<b>JUMLAH</b>			<b>6480</b>	<b>3362</b>

**JUMLAH TERKUMPUL KESELURUHAN DAERAH SEHINGGA 17.05.2017**

**JUMLAH KESELURUHAN LOT LEBIH KURANG : 13283 LOT**

**BAKI LOT : 5939 LOT**

**MESYUARAT KEDUA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**  
**PADA 14 OGOS 2017**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.8.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. HAJI HANAFIAH BIN MAT**  
**WAKIL CHUKAI**

SOALAN 1 : Berapakah jumlah cyber-café yang diluluskan oleh pihak PTB di seluruh Terengganu bermula Januari - Jun 2017?

JAWAPAN : Jumlah cyber-café yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh Terengganu bermula Januari hingga Jun 2017 sebanyak 13 permohonan.

- SOALAN 2 : Apakah inisiatif pihak Kerajaan Terengganu dalam membela nasib guru-guru memandangkan banyak tugas dan juga polisi pihak Kementerian Pelajaran yang agak membebankan?
- JAWAPAN : DITOLAK menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

**MESYUARAT KEDUA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**  
**PADA 14 OGOS 2017**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.9.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. HAJI RIDZUAN BIN HASHIM**  
**WAKIL TELUK PASU**

- SOALAN 1 : Apakah skim-skim bantuan yang disediakan oleh pihak kerajaan untuk membantu para usahawan khususnya dalam Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Apakah kategori dan had jumlah pinjaman yang telah ditetapkan oleh kerajaan serta nyatakan syarat-syarat kelayakan memohon?
- JAWAPAN : 1. Terdapat 5 skim bantuan dan kemudahan kepada usahawan IKS yang disediakan oleh Kerajaan Negeri menerusi YPU iaitu:-
- i) Pembangunan Perniagaan & Produk

- ii) Pembiayaan Perniagaan
  - iii) Premis dan kilang IKS
  - iv) Latihan dan seminar keusahawanan
  - v) Promosi dan pemasaran
2. Menerusi Skim Pembiayaan Perniagaan T'Fund, sebanyak 3 skim yang ditawarkan YPU iaitu:-
- i) Skim Pinjaman Peningkatan Perniagaan Terengganu (SP3T) – Had Maks : RM 20,000.00
  - ii) Skim Pinjaman Bisnes Online (SPBOL) – Had Maks : RM10,000.00
  - iii) Skim Pembiayaan Usahawan Terengganu (SPUT) – Had Maks : RM1.0 juta  
(Dengan kerjasama Bank Islam Malaysia Berhad)

**Syarat-syarat:**

- \* Warganegara Malaysia berumur 18 tahun – 55 tahun dan mestilah Bumiputera.
- \* Perniagaan adalah milikan rakyat Terengganu
- \* Mempunyai tempat perniagaan dan jenis perniagaan yang khusus serta beroperasi di Terengganu.
- \* Memiliki lesen perniagaan sah yang dikeluarkan oleh pihak Berkuasa Tempatan atau Persekutuan.
- \* Telah menjalankan perniagaan sekurang-kurangnya 6 bulan.
- \* Terlibat secara langsung dalam perniagaan (Owner Operating) serta beroperasi sepenuh masa.
- \* Keutamaan akan diberikan kepada usahawan yang telah mendapat khidmat nasihat dan bimbingan serta telah menghadiri kursus yang dianjurkan oleh YPU.  
\*(SSM Perniagaan dalam talian bagi SPBOL)

SOALAN 2 : Apakah status permohonan Jawatankuasa Masjid Bukit Petiti yang telah memohon peruntukan bagi membaikpulih masjid tersebut sebagaimana yang telah saya bangkitkan ketika membahaskan Titah Ucapan Tuanku Al Sultan dalam Mesyuarat Pertama Penggal Kelima yang berlangsung pada 27 hingga 30 Mac 2017?

DITOLAK Menurut Perkara 26(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

**MESYUARAT KEDUA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**  
**PADA 14 OGOS 2017**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.10.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM**  
**WAKIL TEPOH**

SOALAN 1 : Apakah perkembangan projek mengawal hakisan pantai di Kg. Tanjung Gelam dan Pantai Kg. Kolam, Mengabang Telipot buat masa ini? Sila nyatakan perkembangan cadangan projek pemecah ombak. Sila nyatakan juga cadangan lanjutan untuk melalui musim tengkujuh sekitar tiga bulan lagi?

JAWAPAN : Kemajuan kerja bagi kerja-kerja pengawalan hakisan pantai di Kg. Tanjung Gelam dan Pantai Kg. Kolam, Mengabang Telipot adalah sebanyak 88% dan dijangka siap sepenuhnya pada 18 Ogos 2018.

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri telah memohon peruntukan berjumlah RM90 juta

kepada Kerajaan Persekutuan bagi mengatasi masalah hakisan pantai di kawasan yang berkenaan. Selain itu, Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sedang dalam kajian mengenalpasti kaedah terbaik bagi menangani hakisan pantai di kawasan berkenaan selain daripada cadangan Pemecah Ombak.

Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Terengganu sedang memantau keadaan hakisan di kawasan dan akan mengemukakan cadangan kepada Kerajaan Negeri bagi penyelesaian segera.

SOALAN 2 : Apakah perkembangan projek Tebatan Banjir Baroh Tok Jiring? Bilakah projek ini dijangka siap dan berapakah jumlah perbelanjaan yang telah diperuntukkan untuk projek ini?

JAWAPAN : Projek Tebatan Banjir Baroh Tok Jiring masih dalam peringkat pelaksanaan. Projek ini dijangka siap pada 11 Mac 2018 dengan kos keseluruhan RM87 juta termasuk kos pengambilan balik tanah.

SOALAN 3 : Bilakah dijangka Pusat Bebas Cukai Pulau Bayas akan memulakan operasi?

JAWAPAN : Operasi Bebas Cukai akan bermula Pada 1 Ogos 2017 di Pengkalan Gawi, sementara pengoperasian Pusat Bebas Cukai di Pulau Bayas dijangka akan beroperasi pada bulan Ogos 2018.

SOALAN 4 : Sila nyatakan jumlah dan nama syarikat Pemberi Pinjaman Wang Berlesen yang beroperasi di seluruh Negeri Terengganu sehingga Julai 2017?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 5 : Berapakah jumlah kutipan zakat 2016 mengikut kategori pembayaran dan berapakah jumlah pengeluaran zakat ke atas asnaf-asnaf bagi tahun yang sama.

JAWAPAN : Jumlah kutipan zakat 2016 mengikut kategori pembayaran adalah seperti berikut:-

<b>Bil</b>	<b>Zakat</b>	<b>RM</b>
1.	Fitrah	6,037,022.45
2.	Harta	6,723,992.96
3.	Tanaman	439,643.50
4.	Simpanan	23,178,126.49
5.	Ternakan	102,286.60
6.	Perniagaan	30,071,767.98
7.	Perhiasan	755,372.28
8.	Pendapatan	66,331,060.39
	<b>Jumlah</b>	<b>133,641,272.65</b>

Manakala jumlah pengeluaran zakat ke atas asnaf-asnaf bagi tahun 2016 adalah seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Asnaf</b>	<b>RM</b>
1.	Fakir	19,725,239.73
2.	Miskin	66,658,176.77
3.	Amil	15,009,263.54
4.	Muallaf	2,703,566.23
5.	Ar-Riqab	2,815,400.46
6.	Al- Gharimin	2,025,663.16
7.	Fisabilillah	56,553,236.32
8.	Ibnussabil	111,025.50
	<b>Jumlah</b>	<b>165,601,571.71</b>



**MESYUARAT KEDUA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN YANG KELIMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**  
**PADA 14 OGOS 2017**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.11.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**

**Y.B. HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK**  
**WAKIL SURA**

SOALAN 1 : Berapakah keluasan tanah yang akan diambil oleh kerajaan bagi jajaran ECRL dari Chukai, Kemaman sehingga ke Kg. Raja, Besut dan berapakah anggaran kos pampasan yang akan dibayar?

JAWAPAN : DITOLAK menurut perkara 26(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 2 : Projek 'Taman Herba' di Pasir Raja, Dungun Fasa 1 seluas 50 hektar yang telah disiapkan dan Fasa 2 seluas 100 ekar yang telah dibuat penanaman -

- i. Apakah jenis tanaman herba yang diusahakan.
- ii. Berapakah jumlah peserta yang terlibat dan berapa peratus pekerja tambahan.
- iii. Berapakah hasil pendapatan yang diperolehi.

JAWAPAN : i. Jenis Tanaman Herba Yang Diusahakan

Jenis tanaman herba yang diusahakan merangkumi Tongkat Ali, Kacip Fatimah, Misai Kucing, Mac Cotek, Serai, Rosselle, kunyit dan lada.

- ii. Jumlah Peserta Yang Terlibat Dan Berapa Peratus Pekerja Tambahan

Jumlah peserta yang terlibat setakat ini adalah 60 orang. Manakala peratus pekerja tambahan daripada jumlah

peserta adalah 30%.

iii. Hasil Pendapatan

Hasil pendapatan yang diperolehi adalah antara RM1,000.00 sehingga RM3,000.00 bagi setiap peserta.

SOALAN 3 : Adakah Kerajaan Negeri bercadang bagi menyediakan ruang niaga yang mampu milik bagi peniaga-peniaga bumiputera di Daerah Dungun dalam menghadapi saingan dengan kaum bukan bumiputera?

JAWAPAN : DITOLAK menurut perkara 26(2)(c) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

**MESYUARAT KEDUA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN YANG KELIMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**  
**PADA 14 OGOS 2017**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.12.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**

**Y.B. HAJI ALIAS BIN HARUN**  
**WAKIL RANTAU ABANG**

SOALAN 1 : Apakah status baik pulih projek tanaman dan perikanan di Rimbunan Kasih, Rantau Abang sehingga sekarang. Apakah jaminan kerajaan terhadap peserta Rimbunan Kasih jika sekiranya gagal?

JAWAPAN : DITOLAK menurut perkara 26 (2)(c) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 2 : Sila nyatakan syarikat atau agensi yang terlibat bagi membaik pulih Hutan Lipur Jambu Bongkok yang telah ditutup sementara untuk tujuan naik taraf dan bilakah projek akan bermula memandangkan tempat tersebut strategik untuk menarik pelancong luar dan dalam negeri?

JAWAPAN : DITOLAK menurut perkara 26 (3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.